KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

2023

KOLEKSI PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN

DEWAN NEGARA

Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga,
Penggal Kedua,
Parlimen Kelima Belas
Tahun 2023

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

Penasihat	:	**Puan Fazidah binti Mustafa**
Ketua Editor	:	**Dr. Aini Andria Shirin binti Anuarudin**
Editor	:	**Puan Che Hazwani binti Che Mansor**
	:	**Encik Abdul Syafiq bin Abdul Samat**
	:	**Encik Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf**
Bacaan Pruf	:	**Puan Akmal Khairani binti Kassim**
	:	**Puan Nurshamimi Binti Hussain**

Bahagian Perancangan Strategik
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Pertanyaan dan Jawapan bagi Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023	5
2	Analisis Jumlah Pertanyaan dan Jawapan berdasarkan Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi bagi Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023	6
3	**MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA [21 MAC HINGGA 6 APRIL 2023]**	7
4	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) - Pertanyaan Lisan - Pertanyaan Bukan Lisan	8 - 13
5	Jawapan bagi Pertanyaan Lisan	14 - 49
6	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	50 - 62
7	Ucapan Penggulungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja	64 - 68
8	Ucapan Penggulungan Perbahasan Belanjawan Tahun 2023 di Peringkat Dasar	69 - 78
9	**MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT [8 OGOS HINGGA 16 OGOS 2022]**	79
10	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) - Pertanyaan Lisan - Pertanyaan Bukan Lisan	80 - 88
11	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	89 - 157

12	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	**158 – 165**
13	**MESYUARAT KHAS KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-12, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**	**166**
14	Ucapan Penggulungan Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12	**168 - 181**
15	**MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT [27 NOVEMBER HINGGA 14 DISEMBER 2023]**	**182**
16	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) - Pertanyaan Lisan - Pertanyaan Bukan Lisan	**183 - 191**
17	Jawapan bagi Pertanyaan Lisan	**192 - 246**
18	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	**247 - 258**
19	Ucapan Penggulungan Perbahasan Belanjawan Tahun 2023 di Peringkat Dasar	**260 - 270**

KOLEKSI
PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN PARLIMEN

DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA,KEDUA DAN KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023

KATEGORI ISU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BERDASARKAN PERTANYAAN DAN JAWAPAN
BAGI MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

BIL.	KATEGORI ISU	JUMLAH PERTANYAAN DAN JAWAPAN
1.	Kemasukan Pelajar Ke IPT	10
2.	Akademik dan Program Pengajian	9
3.	Biasiswa dan Penajaan	8
4.	Pengangguran dan Kebolehpasaran Graduan	7
5.	TVET	7
6.	Lain-Lain	7
7.	Naik Taraf dan Penubuhan IPT Baharu	6
8.	Data Pendidikan Tinggi	6
9.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	6
10.	Penyelidikan dan Pembangunan	4
11.	Yuran Pengajian Pelajar	4
12.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akreditasi	4
13.	PTPTN	3
14.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	3
15.	Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar	2
16.	Autonomi Universiti dan AUKU	2
17.	Hal Ehwal Pelajar OKU	2
18.	Hal Ehwal Ahli Akademik dan Tenaga Pengajar	1
19.	Keusahawanan	1
20.	Peruntukan Kepada IPT	0
21.	Kualiti dan Ranking IPT	0
22.	Reformasi Pendidikan Tinggi	0

ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU



DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

[21 MAC HINGGA 6 APRIL 2023]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15
21 MAC HINGGA 6 APRIL 2023

MINGGU PERTAMA: 2 PERTANYAAN

21 MAC 2023 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.		**TIADA PERTANYAAN**

22 MAC 2023 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.		**TIADA PERTANYAAN**

23 MAC 2023 (KHAMIS) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	9.	**PN-1521-L08975** **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melibatkan bersama agensi GLC dengan pihak industri yang berupaya menentukan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.
4.	20.	**PN-1521-L08655** **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan yang menganggur di seluruh negara dan nyatakan apakah punca-punca pengangguran serta strategi oleh Kementerian untuk mengatasi situasi pengganggguran ini.

MINGGU KEDUA: 10 PERTANYAAN

27 MAC 2023 (ISNIN) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
5.	4.	**PN-1521-L08678** **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah statistik graduan Doktor Falsafah di Malaysia dan apakah bidang paling tinggi yang tidak mendapat peluang pekerjaan.
6.	13.	**PN-1521-L08898** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah enrolmen dalam kolej komuniti berbanding dengan kapasiti yang sedia ada di seluruh negara.
7.	16.	**PN-1521-L08656** **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah peranan dan sumbangan institusi pendidikan tinggi swasta dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi negara Malaysia.

28 MAC 2023 (SELASA) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
8.	11.	**PN-1521-L08657** **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status, impak dan statistik terkini syarikat-syarikat yang diwujudkan di bawah universiti-universiti awam di Malaysia.
9.	41.	**PN-1521-L08899** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ianya lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
10.	55.	**PN-1521-L08977** **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana komitmen pemegang taruh daripada pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET daripada 35% ke 55%.

29 MAC 2023 (RABU) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
11.	19.	**PN-1521-L08593** **Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan mengatasi isu pembayaran lewat Bantuan Kewangan OKU kepada mahasiswa OKU di beberapa IPTA serta apakah mekanisma yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan bagi melibatkan sektor wakaf dan zakat dalam membantu meringankan beban mahasiswa OKU.
12.	31.	**PN-1521-L08771** **Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar lepasan SPM pada tahun 2021 dari negeri Sabah yang telah memohon pinjaman PTPTN bagi melanjutkan pengajian di IPTA serta IPTS dan apakah alternatif pembiayaan pendidikan yang telah disediakan kepada pemohon PTPTN yang tidak menerima kelulusan permohonan pinjaman pendidikan tersebut.

30 MAC 2023 (KHAMIS) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
13.	1.	**PN-1521-L08681** **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula permohonan biasiswa MyBrain kepada calon-calon daripada pelbagai bidang yang tidak tertakluk kepada syarat sekarang iaitu sains tulen sahaja.
14.	37.	**PN-1521-L08605** **Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selain daripada model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dipelajari dari negara Jerman, apakah model-model lain yang dapat meningkatkan lagi penglibatan anak muda dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

MINGGU KETIGA: 7 PERTANYAAN

3 APRIL 2023 (ISNIN) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
15.	35.	**PN-1521-L08902** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan tindakan khusus bagi memastikan kebolehpasaran graduan-graduan tempatan.

4 APRIL 2023 (SELASA) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
16.	7.	**PN-1521-L08836** **Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menambahbaikkan taraf institut pengajian tinggi supaya sentiasa menawarkan kandungan kursus yang terkini dan tidak ketinggalan zaman, memandangkan pelajar sekarang boleh memperolehi banyak maklumat daripada rangkaian Internet dan kecerdasan buatan seperti ChatGPT
17.	13.	**PN-1521-L08903** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai isu penyelarasan kursus-kursus TVET dan kursus-kursus akademik mengikut satu kaedah yang boleh difahami oleh masyarakat umum. Umpamanya, adakah Tahap 3 TVET sama dengan Tahap 3 MQA dan adakah kursus-kursus ini akan mendapat pengiktirafan yang sama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
18.	32.	**PN-1521-L08474** **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini berkenaan 17,613 pelajar (2.99%) IPTA yang tidak menamatkan pengajian mereka akibat pandemik.

5 APRIL 2023 (RABU) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
19.	29.	**PN-1521-L08662** **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah pemantauan tahap keselamatan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara sekiranya berlaku insiden-insiden yang mengancam tahap keselamatan pelajar kita sebagai contoh insiden tembakan yang berlaku di Michigan, Amerika Syarikat baru-baru ini.
20.	40.	**PN-1521-L08502** **Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meneruskan perancangan menubuhkan universiti khas untuk wanita seperti yang telah dinyatakan oleh mantan Menteri sebelum ini dan apa usaha akan dilaksanakan selepas ini.
21.	49.	**PN-1521-L08904** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah seorang graduan tamat diploma di Malaysia memerlukan masa dua tahun untuk melanjutkan pelajaran ke tahap ijazah, sedangkan di United Kingdom hanya memerlukan masa satu tahun sahaja. Apakah perbezaan sistem diploma antara dua negara ini.

6 APRIL 2023 (KHAMIS) – PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
22.		**TIADA PERTANYAAN**

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN:
5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	26.	**PN-1521-T01522** **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk pemudah cara yang dipersiapkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk graduan baharu institut pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan yang mula berkecimpung dalam dunia keusahawanan atau "start-up" yang mana bidang tersebut tidak menjamin konsistensi dalam aspek pulangan atau pendapatan.
2.	38.	**PN-1521-T01536** **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kekangan yang sedang dihadapi oleh universiti awam dalam melahirkan generasi graduan yang berdaya saing. Mohon nyatakan sejauh mana tahap kerjasama antara universiti awam dengan Kementerian setakat ini dalam mengurangkan kadar penghijrahan pakar/mahir ataupun "brain drain" terutamanya graduan daripada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
3.	50.	**PN-1521-T01548** **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratuskah pelajar lepasan SPM yang dapat menyambung pelajaran ke peringkat tertiar dan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan mereka memasuki bidang yang diminati serta memenuhi keperluan industri.
4.	68.	**PN-1521-T01566** **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf dan kualiti universiti IPTA agar setanding dengan universiti tersohor antarabangsa.
5.	69.	**PN-1521-T01567** **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menghasilkan graduan yang mampu mencipta produk baru dan bukannya terus menjadi pengguna produk sedia ada**.**

MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA
TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.9

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melibatkan bersama agensi GLC dengan pihak industri yang berupaya menentukan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan selaras dengan keperluan industri, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan *Government Link Companies* (GLC) yang utama di Malaysia antaranya seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, CIMB, Boustead, UEM, Suruhanjaya Sekuriti dan HRD Corp.

2. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah program *CEO@Faculty Programme* (CFP).

3. Melalui inisiatif ini, pengurusan tertinggi GLC (Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Pengurusan/ Presiden) dipadankan kepada Universiti Awam (UA) sebagai mentor untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dengan pelajar dan juga staf universiti.

4. Perkongsian dan panduan oleh tokoh-tokoh industri ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas kepada para pelajar dan staf universiti mengenai perkembangan terkini dan keperluan industri. Justeru itu, para pelajar akan lebih bersedia untuk menghadapi alam pekerjaan.

5. Penglibatan pengurusan tertinggi GLC ini dengan UA juga akan membuka ruang dan peluang kerjasama antara universiti dan GLC terutamanya dalam penyediaan modul dan kurikulum yang selari dengan keperluan industri bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi permintaan industri, justeru meningkatkan kebolehpasaran graduan.

6. Selain itu, KPT juga akan melaksanakan *Capital Market Graduate Program* (CMGP) yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti dan pemain industri untuk memberikan pendedahan kepada pelajar universiti tentang pasaran modal melalui *Career Talks* dan *Career Fairs* serta *Certificate of Completion* yang akan diberikan kepada mereka yang melengkapkan kursus berkaitan pasaran modal secara atas talian.

7. **Di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti**, KPT telah memperkenalkan*Teaching Factory* atau *Industry on Campus (IOC)* yang merupakan kaedah pembelajaran yang **berfokus kepada pelajar atau pelatih** dengan menggunakan **pendekatan belajar** daripada **industri sebenar**, **sama ada di dalam premis institusi atau premis industri atau premis sewaan lain**.

8. Konsep IOC adalah berpusat pada latihan amali berasaskan kerja atau Work Based Learning (WBL). Inisiatif ini merangkumi penglibatan industri bidang tertentu dalam program pengajian di politeknik dan kolej komuniti (POLYCC).

9. Melalui penglibatan aktif pelajar dalam Latihan di IOC, pelajar dapat memperoleh manfaat berikut:

    i. kemahiran yang sesuai dengan keperluan industri;

    ii. membuka peluang pekerjaan; dan

    iii. menambah baik kebolehpasaran graduan.

10. Inisiatif dan komitmen untuk merapatkan jurang diantara industri pendidikan dan industri antaranya **penggunaan teknologi terkini di industri, pengenalan peralatan baru, pengetahuan masa depan, peningkatan kemahiran dan nilai tambah, serta pembentukan budaya kerja** yang berlandaskan persekitaran industri.

11. Dengan mengurangkan jurang-jurang ini, graduan politeknik dan kolej komuniti menjadi lebih relevan dan dianggap sebagai pilihan utama oleh industri.

12. Mengenai Kaedah Pelaksanaan IOC, ianya terbahagi kepada tiga (3) iaitu:-

13. **Pertama**, IOC di di premis Industri:-

i. Tempat latihan ini berfungsi sebagai **tempat melatih pelajar** tentang **budaya kerja, kemahiran dan pengetahuan** yang dapat membantu mereka mendapatkan upah hasil daripada latihan dan kerja yang dilakukan.

ii. **Institusi juga akan mengawal selia tempat latihan** untuk menjaga suasana kerja industri.

iii. **Industri** bukan sahaja berfungsi **sebagai mentor atau penasihat** kepada pelajar, tetapi juga **membantu dengan memberikan sumbangan dalam bentuk peralatan, sistem dan prosedur**.

iv. **Latihan psikomotor** juga diberikan untuk membantu pelajar menjadi lebih kompeten.

14. Secara keseluruhannya, KPT sememangnya mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan beberapa GLC dan pihak industri di Malaysia. Namun, KPT akan terus meningkatkan usaha untuk menerokai peluang kerjasama melalui program/aktiviti lain secara lebih intensif dengan GLC terutamanya yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.20

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan yang menganggur di seluruh negara dan nyatakan apakah punca-punca pengangguran serta strategi oleh Kementerian untuk mengatasi situasi pengangguran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

i. Seramai 41,161 orang atau 13.8 peratus daripada 298,551 graduan warganegara pada tahun 2019;

ii. Seramai 40,550 orang atau 15.6 peratus daripada 260,701 graduan warganegara yang menamatkan pengajian pada tahun 2020; dan

iii. Seramai 41,467 orang atau 14.5 peratus daripada 286,299 graduan warganegara pada tahun 2021.

2. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.

3. Berhubung perkara ini, laporan "*Fresh Graduate Adversities: A Decade's Insight on the Graduate Tracer Study*" oleh *Khazanah Research Institute* (KRI) menyebut bahawa antara faktor yang menyumbang ke arah pengangguran dalam kalangan graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah disebabkan graduan tidak memiliki kompetensi atau kemahiran yang diperlukan oleh industri atau lebih dikenali sebagai '*skills mismatch*'.

4. Justeru itu, dalam menangani isu graduan menganggur atau tidak bekerja ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif

secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai *(multi talents and skills)* dapat diberikan kepada mereka.

5. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

i. **Pelaksanaan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala dalam tempoh tiga (3) sehingga lima (5) tahun.** Semakan ini adalah bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi keperluan industri. Selain itu, semakan ini juga dapat membantu pelajar yang mengambil bidang berkenaan mempunyai daya saing serta kebolehpasaran yang tinggi sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.

ii **Pengukuhan sinergi kerjasama bersama industri** dalam usaha untuk memperkasa graduan melalui pelaksanaan program-program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, *Industry on Campus* (IOC), *Industry Education Centre*, 2u2i, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri. Program-program ini bertujuan untuk mempersiap graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.

iii. **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan IPT dengan kerjasama PERKESO menerusi portal *MyFutureJobs***. Inisiatif ini diteruskan bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Bagi tahun 2022, seramai 104,426 orang graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

iv. Pembangunan modul *JobMatching@GREat* bagi melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini. Modul ini dibangunkan menerusi Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau GREaT yang boleh dicapai di laman web Kementerian. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh Kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

TARIKH : 27 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.4

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah statistik graduan Doktor Falsafah di Malaysia dan apakah bidang paling tinggi yang tidak mendapat peluang pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, jumlah graduan pemegang PhD Warganegara di Malaysia bagi tempoh 2011 hingga 2022 adalah seramai 25,014 orang.

2. Dan berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan graduan (warganegara) bagi peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bagi tahun 2022 sahaja adalah seramai **2,872 orang.**

3. Berkenaan dengan bidang yang merekodkan jumlah graduan yang mendapat pekerjaan terendah, data untuk tahun 2022 menunjukkan 3 bidang dengan kadar graduan mendapat pekerjaan terendah adalah seperti berikut:

    i. Pertama, bidang Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan iaitu sebanyak 26.6% atau seramai 38 graduan;

    ii. Kedua, bidang Perniagaan, Pentadbiran & Perundangan iaitu sebanyak 21.0% atau seramai 30 graduan; dan

    iii. Ketiga, bidang Sains Semulajadi, Matematik & Statistik iaitu sebanyak 19.6% atau seramai 28 graduan).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 27 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.13

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah enrolmen dalam kolej komuniti berbanding dengan kapasiti yang sedia ada di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat sebanyak 105 buah kolej komuniti di seluruh negara.

2. Bagi tahun 2022, secara keseluruhannya, enrolmen pelajar sepenuh masa di kolej komuniti adalah seramai 16,025 orang berbanding kapasiti kolej komuniti adalah 32,805 orang.

3. Walaubagaimanapun, saya ingin memaklumkan, selain daripada menyediakan program pengajian sepenuh masa, kolej komuniti sebenarnya turut menawarkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang mensasarkan peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan kualiti hidup.

4. Justeru, lebih ramai peserta menyertai kolej komuniti di bawah program PSH selain pelajar sedia ada. Bermula dari Januari 2023 hingga Februari 2023, seramai 33,807 peserta telah menyertai 1,914 program PSH di kolej komuniti seluruh negara.

5. Program PSH di kolej komuniti ditawarkan secara jangka pendek dalam 22 bidang kemahiran, antaranya Katering dan Sajian, Komputer dan Teknologi Maklumat, Perniagaan dan Keusahawanan, Pembangunan Diri/ Motivasi serta Grafik dan Multimedia.

6. Program PSH kolej komuniti terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang disasarkan kepada komuniti setempat yang terdiri daripada belia, warga emas, golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan ibu tunggal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 27 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.16

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah peranan dan sumbangan institusi pendidikan tinggi swasta dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara peranan dan sumbangan IPTS dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi negara Malaysia adalah:

   i. IPTS bertanggungjawab menyediakan prasarana pendidikan yang mencukupi serta membantu dalam meningkatkan keupayaan untuk menyokong permintaan terhadap pendidikan tinggi.

   ii. IPTS membantu membuka akses pendidikan yang lebih luas kepada calon-calon yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminati serta menjadi alternatif kepada mereka yang tidak mendapat tempat untuk meneruskan pengajian ke UA.

   iii. IPTS turut memainkan peranan yang penting untuk menjayakan wawasan ke arah peningkatan kecemerlangan akademik serta profesionalisme dan teknikal di samping memenuhi keperluan tenaga kerja negara melalui penyediaan prasarana pendidikan yang mencukupi dan penawaran kursus pengajian yang berkualiti.

   iv. Kerjasama antara IPTS dengan universiti luar negara juga telah membantu memperkasa IPTS sebagai sebuah industri di peringkat global. Melalui kerjasama ini, para pelajar dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di dalam negara dalam kursus pengajian yang berkualiti, bertaraf global dengan kos yang berpatutan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan pendidikan yang disampaikan.

v. Penawaran kursus pengajian yang berkualiti oleh IPTS menarik lebih ramai pelajar antarabangsa yang berkelayakan untuk menyambung pengajian di Malaysia. Secara tidak langsung, fenomena ini membantu menjadikan Malaysia sebuah hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

vi. IPTS turut memainkan peranan dalam membantu menjana ekonomi negara melalui pembayaran yuran pengajian oleh pelajar.

vii. Penubuhan kampus cawangan IPTS di luar negara dan penyenaraian dalam penarafan oleh badan antarabangsa seperti THE (*Times Higher Education*) dan QS (*Quacquarelli Symonds*) turut membantu mengukuhkan jenama pendidikan tinggi negara di peringkat global.

2. Kementerian akan terus menyokong peranan IPTS agar dapat memberi sumbangan dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 28 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN NO.11

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status, impak dan statistik terkini syarikat-syarikat yang diwujudkan di bawah universiti-universiti awam di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Universiti Awam (UA) dengan kelulusan YB Menteri Kewangan dibenarkan untuk menubuhkan anak syarikat dengan objektif untuk menjana pendapatan kepada pihak universiti melalui pembayaran dividen oleh syarikat.

2. Sehingga 1 Mac 2023, **status dan statistik terkini** berkaitan anak syarikat yang diwujudkan di bawah 20 UA di Malaysia adalah seperti berikut:

    i. jumlah keseluruhan anak syarikat yang ditubuhkan oleh UA adalah 127 buah syarikat, yang terdiri daripada 27 buah syarikat induk (*holdings*) dan 100 buah syarikat subsidiari. Terdapat 18 buah syarikat subsidiari yang tidak aktif dan berstatus dorman;

    ii. jumlah keseluruhan modal pelaburan UA adalah sebanyak RM484.34 juta;

    iii. antara aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat UA adalah melibatkan sektor perkhidmatan, pendidikan, kesihatan dan hartanah;

    iv. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) mencatatkan bilangan tertinggi penubuhan anak syarikat iaitu 16 buah syarikat dengan modal

pelaburan sebanyak RM32 juta (1 syarikat holdings dan 15 syarikat subsidiari, 4 daripadanya adalah dorman);

v. secara purata dalam tempoh 5 tahun (2017-2021) terdapat 15 syarikat holdings mencatat keuntungan bersih dan 12 syarikat holdings mencatat kerugian bersih.

3. Selaras dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Ahli Lembaga/ Gabenor Universiti termasuk Naib Canselor akan mempergiat pemantauan prestasi anak syarikat serta melaksanakan penambaikbaikan garis panduan dan pematuhan tadbir urus syarikat oleh anak-anak syarikat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 28 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN NO.41

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ianya lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan para pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

2. Dalam hal ini, peranan KPT adalah **menyelaras** kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM/ Setaraf** ke Institusi Pendidikan Tinggi awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

3. Penyelarasan kemasukan ini adalah berasaskan **prinsip meritokrasi** dengan mengambilkira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.

4. Berhubung tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ianya lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA, KPT perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperhalusi perkara ini kerana ia turut melibatkan kementerian selain KPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 28 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN NO.53

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana komitmen pemegang taruh daripada pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET daripada 35% ke 55%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET, pihak pemegang taruh daripada industri turut memberikan komitmen membantu menjayakan usaha ini.

2. Antara komitmen yang telah diberikan oleh pihak industri dalam membantu usaha Kerajaan ini adalah:

    i. menyediakan insentif pembiayaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET seperti:

        a. Dermasiswa *My Brighter Future* – Yayasan Tenaga Nasional (MyBF-YTN) dengan kuota pembiayaan sebanyak 1,500 pelajar; dan
        b. Dermasiswa Yayasan Sime Darby (YSD) *Skill Enrichment Programme.*

    ii. bersama-sama dengan Kementerian mempromosi bidang TVET kepada pelajar lepasan SPM sewaktu sesi *outreach* di sekolah-sekolah.

    iii. menjalankan pelbagai program intervensi bagi meningkatkan peratusan pelajar dalam bidang TVET. Antaranya, kerjasama dengan Pertubuhan

Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam pelbagai program intervensi seperti penggunaan portal *MyFutureJobs* dan karnival kerjaya.

iv. Melakukan pelaburan dengan membina fasiliti dan pusat penyelidikan, menjalankan operasi serta melatih pelajar di dalam kampus seperti yang dilakukan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan syarikat Farm Fresh Milk Sdn Bhd yang telah berjaya menjalinkan persefahaman dalam membangunkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Ladang Tenusu di Ladang 16, Pusat Pertanian Putra, UPM.

3. Secara keseluruhannya, kerjasama dan bantuan daripada pihak industri amat penting kepada bidang TVET di negara ini. Sumbangan-sumbangan ini sentiasa dipergiat bagi melonjakkan lagi pembangunan TVET dalam negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

TARIKH : 29 MAC 2023 (RABU)

SOALAN 19

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan mengatasi isu pembayaran lewat Bantuan Kewangan OKU kepada mahasiswa OKU di beberapa IPTA serta apakah mekanisma yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan bagi melibatkan sektor wakaf dan zakat dalam membantu meringankan beban mahasiswa OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyediakan Bantuan Kewangan OKU (BKOKU) kepada pelajar OKU bagi memberi peluang untuk menyambung pengajian sehingga ke peringkat tertiari di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

2. Pada masa ini, penyaluran BKOKU kepada penerima yang layak dan berjaya bagi setiap semester adalah dibuat secara permohonan dan pendekatan ini adalah sebagai langkah kawalan bagi memastikan status pelajar OKU yang disalurkan bantuan adalah sentiasa aktif di IPT masing-masing.

3. Bermula tahun 2019 sehingga 2022, KPT telah menerima dan memproses permohonan bantuan berjumlah lebih 2,000 permohonan secara purata setiap tahun.

4. Sebagai langkah untuk memastikan penyampaian BKOKU yang cekap, KPT sedang memperkasa kerjasama dengan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di bawah Kementerian ini menerusi sesi libat urus secara berfasa bagi mengelakkan keciciran maklumat pelajar OKU dan melancarkan proses penyaluran bantuan kepada penerima.

5. Selain itu, **sistem BKOKU yang baharu** akan dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada yang telah usang kepada sistem yang lebih komprehensif, mesra pengguna, stabil dan efisien dengan mengambil kira aspek pendigitalan perkhidmatan, pengumpulan data yang sistematik serta meningkatkan *emerging technologies* di antara agensi terlibat.

6. Dalam konteks **wakaf dan zakat** untuk membantu meringankan beban mahasiswa OKU pula, pelbagai bantuan oleh Kementerian melalui universiti awam disediakan untuk mahasiswa OKU, antaranya:

    i. penyediaan **biasiswa/ bantuan kewangan khusus** seperti skim pengurangan yuran pengajian sebanyak 50% dan dermasiswa pelajar OKU,

    ii. penyediaan **keperluan pembelajaran** seperti komputer riba dan peranti kepada pelajar OKU,

    iii. penaiktarafan **fasiliti dan prasarana** universiti yang keutamaan diberikan kepada keperluan pelajar OKU seperti pemasangan Laluan Braille dan naik taraf kolej kediaman untuk kemudahan pelajar OKU, dan

    iv. Pelaksanaan **program-program pemerkasaan dan kesedaran OKU** di universiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NORAINI IDRIS

TARIKH : 29 MAC 2023 (RABU)

SOALAN NO.31

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar lepasan SPM pada tahun 2021 dari negeri Sabah yang telah memohon pinjaman PTPTN bagi melanjutkan pengajian di IPTA serta IPTS dan apakah alternatif pembiayaan pendidikan yang telah disediakan kepada pemohon PTPTN yang tidak menerima kelulusan permohonan pinjaman pendidikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, berdasarkan kelulusan mulai Januari 2022 sehingga Februari 2023, terdapat seramai 11,532 orang pelajar dari Negeri Sabah telah diluluskan pinjaman pendidikan PTPTN.

2. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,902 adalah merupakan pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA manakala baki 5,630 adalah merupakan pelajar yang melanjutkan pengajian di IPTS.

3. Berhubung dengan alternatif pembiayaan pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menyediakan pelbagai bentuk penajaan kepada pelajar iaitu biasiswa atau dermasiswa dan bantuan kewangan.

4. Setiap program penajaan yang disediakan ini adalah berbeza merangkumi aspek jenis penajaan, kumpulan sasar, elemen penajaan, peringkat penajaan dan bidang pengajian.

5. Pelajar yang terdiri daripada orang awam yang berkelayakan berpeluang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian dari peringkat Diploma sehingga ke peringkat Ijazah Lanjutan melalui program seperti *MyBrain Science*

(*MyBrainSc*), Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Tokoh Siswa dan Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik.

6. Selain itu, KPT turut memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya dalam kalangan keluarga B40 dan golongan berkeperluan khas.

7. Untuk golongan ini, bantuan-bantuan yang diberikan adalah menerusi Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Dermasiswa B40 TVET.

8. Selain itu juga, KPT turut menyediakan skim pembiayaan penuh pengajian kepada wakil pertama dari keluarga B40 di bawah Program SULUNG yang akan diperluas daripada hanya 8 Universiti Awam kepada semua 20 Universiti Awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

TARIKH : 30 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.1

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula permohonan biasiswa MyBrain kepada calon-calon daripada pelbagai bidang yang tidak tertakluk kepada syarat sekarang iaitu sains tulen sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan dua (2) program *MyBrain* iaitu *MyBrain15* dan *MyBrain Science*.

2. Program ***MyBrain15*** yang terbuka kepada pelbagai bidang pengajian di peringkat sarjana dan PhD telah dilaksanakan bermula 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Penawaran terakhir program *MyBrain15* ini adalah pada tahun 2016.

3. Program ***MyBrain Science*** pula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan penajaan di peringkat ijazah pertama hingga pascasiswazah dalam bidang sains tulen sahaja. Program ini masih dilaksanakan sehingga kini.

4. Berdasarkan pencapaian dan impak positif program *MyBrain15*, KPT telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk melaksanakan program *MyBrain15* di bawah Rolling Plan (RP) 1, 2 dan 3 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12, 2021-2025). Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan.

5. Justeru, KPT akan sekali lagi mengemukakan permohonan di bawah RP 4 RMKe-12 bagi pelaksanaan program *MyBrain15* ini. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BOBBEY BIN SUAN

TARIKH : 30 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.37

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selain daripada model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dipelajari dari negara Jerman, apakah model-model lain yang dapat meningkatkan lagi penglibatan anak muda dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, pendekatan pendidikan ***Outcome-based Education*** **(OBE)** digunapakai oleh institusi pengajian tinggi awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

2. OBE memberi penekanan kepada kemenjadian seorang pelajar mencapai hasil pembelajaran (*learning outcome*) yang dihasratkan di akhir pengajian iaitu di peringkat kursus (mikro) dan program pengajian (makro).

3. Bagi memastikan graduan program pengajian TVET di politeknik dan kolej komuniti menguasai kemahiran teknikal (*specialist*) serta generik (*generalist*), Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggunapakai pendekatan pendidikan kejuruteraan ***Conceive-Design-Implement-Operate*** **(CDIO)** yang diasaskan pada tahun 1990an oleh *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) dari Amerika Syarikat bersama tiga institusi pendidikan tinggi Eropah iaitu *Chalmers University of Technology, Linkoping University* dan *The Royal institute of Technology.*

4. Pendekatan CDIO diasaskan bagi memenuhi tuntutan kedua-dua kelompok ahli akademik serta industri kejuruteraan yang menitikberatkan graduan yang menguasai kemahiran kejuruteraan dan juga mempunyai kemahiran CDIO

(kemahiran personal, interpersonal, dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem).

5. Objektif pelaksanaan CDIO *Integrated Curriculum* adalah seperti berikut:

   i. Mengintegrasikan kursus-kursus bagi mengoptimumkan hasil pembelajaran.
   ii. Menggalakkan pelajar dan pensyarah untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membantu menyelesaikan masalah industri/komuniti.

6. Pendekatan model CDIO telah diperkasa melalui pelaksanaan *CDIO Integrated Curriculum.* Pendekatan penggabungjalinan bidang atau disiplin dengan kemahiran CDIO ini terdiri daripada kemahiran personal, interpersonal dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem dan kebiasaannya beroutputkan projek.

7. Selain itu, program pengajian di politeknik dan kolej komuniti mengunapakai pendekatan yang **berkonsepkan *duality*** iaitu pengalaman pembelajaran yang melibatkan dua (2) komponen;

   i. komponen pembelajaran di institusi; dan

   ii. komponen pembelajaran di industri.

8. Pelaksanaan konsep *duality* ini dibuat secara mengikut turutan ***(sequential)*** yang mana pembelajaran yang bermula di politeknik/ kolej komuniti dan diakhiri dengan proses pembelajaran di industri.

9. Melalui, konsep ini, para pelajar mendapat pengalaman sebenar di industri dan secara tidak langsung menepati kemahiran yang diperlukan oleh industri terhadap para graduan sebelum memasuki alam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 3 APRIL 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.35

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan tindakan khusus bagi memastikan kebolehpasaran graduan-graduan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mempunyai beberapa langkah utama dalam usaha membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sebagai usaha jangka masa sederhana, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025 pada 16 Oktober 2021.

2. Pelan ini dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal universiti, kementerian dan jabatan, agensi, badan berkanun serta industri yang berkaitan.

3. PSKG merupakan satu dokumen strategik yang menjadi rujukan dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menjayakan matlamat kebolehpasaran graduan dalam bermula 2021 sehingga 2025.

4. Melalui pelan ini, **tiga objektif strategik** yang disasarkan adalah:

    i. Melahirkan graduan IPT yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi;

    ii. Menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi; dan

iii. Membangunkan bakat graduan bagi peningkatan sosioekonomi negara yang seimbang dan mampan.

5. Pelan ini menggariskan **empat (4) strategi utama** iaitu:

i. Pengukuhan Kecemerlangan Bakat;

ii. Perluasan Kerjaya Pelajar;
iii. Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran; dan

iv. Pemerkasaan Hubungan Industri.

6. Secara umumnya, kerangka strategi ini meraikan pembentukan ekosistem "*quadruple helix*" yang sinergistik antara graduan, akademia, industri dan kerajaan serta komuniti dalam landskap sistem pendidikan tinggi negara.

7. Malah, pelan ini turut memberi penekanan kepada elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak yang strategik.

8. Selain itu, pemerkasaan elemen inovasi dan teknologi dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran di IPT turut diberi perhatian khusus selaras dengan perkembangan teknologi digital terkini yang boleh memberi nilai tambah kepada graduan baharu.

9. Melalui keempat-empat strategi yang digariskan ini, pelaksanaan program peningkatan kebolehpasaran graduan akan lebih tersusun dan berupaya menampakkan hasil yang diharapkan.

10. Selain daripada itu, dari semasa ke semasa, pihak Kementerian giat melakukan sesi libat urus dan perkongsian dengan pelbagai pihak khususnya pentadbiran IPT dan wakil-wakil industri bagi mencari jalan dan inisiatif terbaik agar kebolehpasaran graduan dapat terus dilonjakkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROBERT LAU HUI YEW

TARIKH : 4 APRIL 2023 (SELASA)

SOALAN NO.7

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menambahbaikkan taraf institut pengajian tinggi supaya sentiasa menawarkan kandungan kursus yang terkini dan tidak ketinggalan zaman, memandangkan pelajar sekarang boleh memperolehi banyak maklumat daripada rangkaian Internet dan kecerdasan buatan seperti ChatGPT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menambah baik dan menawarkan kursus yang terkini serta selaras dengan keperluan pihak industri.

2. Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkara ini dilaksanakan dengan baik adalah:

    i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui **semakan semula kurikulum program akademik**.
    ii. Melaksanakan **saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT**.
    iii. **Memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (*FRC*)** yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik.
    iv. **Memperkukuhkan inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i** (2 tahun di universiti dan 2 tahun dalam industri) iaitu kombinasi pengajian dalam kampus dan pendedahan terus dalam industri

v. **Membangunkan beberapa projek 4IR *Flagships* bersifat multidisiplin khusus iaitu *Projek Autonomous Vehicle* dan *Projek i-Entertainment***.

3. Seiring dengan perkembangan semasa dan sebagai sokongan kepada pendidikan yang fleksibel, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) turut **menyediakan ruang untuk IPT membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus secara dalaman** tanpa perlu melalui penilaian semula oleh MQA. Ini bagi membolehkan sebarang perkembangan ilmu semasa yang selari dengan keperluan industri dan kebolehpasaran graduan dapat terus diaplikasikan dalam kurikulum secara pantas dan terkini.
4. Selain itu, MQA juga telah memperkenalkan **Kerangka Penawaran Program** dengan menggabungkan dua atau tiga bidang seperti Major dengan Pengkhususan, Dwi Major, Major Minor dan Berbagai Bidang (Hibrid) dalam usaha menyokong elemen *transdisciplinary* dalam *Higher Education* 4.0. Pendekatan ini bagi membolehkan mahasiswa dan graduan mempunyai pendedahan dan pengetahuan dalam perkara merentas bidang dan disiplin dan tidak terhad hanya kepada disiplin utama pengajian mereka.

5. Kementerian turut memberi **fleksibiliti kepada bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada** mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.

6. IPTS juga menitikberatkan **penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia** ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

7. Selain itu, KPT kini sedang melakukan semakan terperinci ke atas segala dasar dan pendekatan pendidikan tinggi bagi memastikan polisi dan amalan sektor pendidikan tinggi negara adalah terkini, relevan dan bersesuaian dengan cabaran serta keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 4 APRIL 2023 (SELASA)

SOALAN NO.13

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai isu penyelarasan kursus-kursus TVET dan kursus-kursus akademik mengikut satu kaedah yang boleh difahami oleh masyarakat umum. Umpamanya, adakah Tahap 3 TVET sama dengan Tahap 3 MQA dan adakah kursus-kursus ini akan mendapat pengiktirafan yang sama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) merupakan instrumen yang digunakan bagi mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa.

2. MQF ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang bertujuan menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berasaskan beban pembelajaran pelajar.

3. MQF menjadi rujukan yang menjelaskan dan menyelaras kelayakan kebangsaan yang dianugerahkan antara sektor akademik dan sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

4. Lapan tahap yang terkandung dalam MQF ini adalah Tahap 1-3 (Sijil), Tahap 4 (Diploma), Tahap 5 (Diploma Lanjutan), Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda), Tahap 7 (Ijazah Sarjana) dan Tahap 8 (Ijazah Kedoktoran).

5. Merujuk kepada MQF, sektor TVET pada masa ini merangkumi penganugerahan kelayakan hingga ke Tahap 6 dan sektor akademik pula hingga ke Tahap 8.

6. Secara umumnya, kelayakan berdasarkan tahap penganugerahan ini adalah setara antara sektor akdemik dan sektor TVET sebagaimana yang diperjelaskan dalam kerangka tersebut.

7. Berhubung kesamaan Tahap 3 TVET dengan Tahap 3 MQA, program Tahap 3 TVET seperti yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti, Pusat Bertauliah, Institut Kemahiran Awam dan lain-lain institusi termasuk Institut Pendidikan Tinggi Swasta pada umumnya adalah setara dengan Tahap 3 Akademik di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang dibangunkan oleh MQA.
8. Berdasarkan Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) dan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) pula, kelayakan Tahap 3 TVET dan Tahap 3 Akademik yang diakreditasi adalah layak dan diiktiraf oleh kerajaan bagi tujuan lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam dan disesuaikan mengikut Skim Perkhidmatan dalam bidang, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

9. Antara bidang pekerjaan yang boleh diterokai oleh graduan program Tahap 3 TVET adalah:

    i. Mekanik;
    ii. Seni Muzik;
    iii. Peniagaan dan Kewangan;
    iv. Hospitaliti dan Pelancongan;
    v. Pertanian dan Asas Tani; dan
    vi. Pelbagai bidang lain mengikut kesesuaian.

10. Kelayakan Tahap 3 TVET juga boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya program di peringkat Diploma dengan pindahan kredit sebanyak maksimum 30 peratus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH

TARIKH : 4 APRIL 2023 (SELASA)

SOALAN NO.32

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini berkenaan 17,613 pelajar (2.99%) IPTA yang tidak menamatkan pengajian mereka akibat pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan isu pelajar yang tidak menamatkan pengajian akibat pandemik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan semakan dan mendapati bahawa antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada pelajar tidak menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

   i. masalah kesihatan;
   ii. masalah peribadi;
   iii. gagal peperiksaan; dan
   iv. gagal mendaftar.

2. Dalam hal ini, KPT bersama-sama dengan pihak IPT menyediakan dua (2) bentuk program intervensi.

3. Pertama, program intervensi bersifat akademik seperti sistem penasihat akademik atau PA. Di bawah program ini, perancangan atau penyusunan semua pengajian diperhalusi untuk membolehkan pengajian diteruskan.

4. Dan kedua, program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor-mentee, *Academic Special Program* dan program kesedaran dari semasa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

5. Pada masa yang sama, KPT juga menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan beban pelajar terutamanya dari golongan B40. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar daripada kelompok ini termasuklah penyediaan perkhidmatan *food pantry*, pemberian wang sara diri dan sebagainya menggunakan peruntukan dana zakat, wakaf dan sumbangan yang diterima di IPTA masing-masing.

6. Selain daripada itu, KPT dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak IPT untuk melihat dengan lebih mendalam intervensi yang boleh dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan akibat pandemik terutamanya bagi memudahkan proses untuk mereka meneruskan kembali pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 5 APRIL 2023 (RABU)

SOALAN NO.29

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah pemantauan tahap keselamatan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara sekiranya berlaku insiden-insiden yang mengancam tahap keselamatan pelajar kita sebagai contoh insiden tembakan yang berlaku di Michigan, Amerika Syarikat baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memandang serius dan memberi perhatian penuh terhadap soal keselamatan serta kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara.

2. Menerusi Pejabat *Education* Malaysia di 12 buah negara dan juga negara-negara liputan, pemantauan pelajar dibuat menerusi rekod dan data pelajar yang akan sentiasa dikemaskini dengan pihak Malawakil dan penaja.

3. Pejabat *Education* Malaysia sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan sentiasa berhubung dengan pihak Malawakil, selain menggembleng Persatuan Pelajar Malaysia sebagai pemantau dan penghubung kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negara.

4. Pada masa yang sama, pelajar sentiasa dinasihatkan agar tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang tidak bersesuaian dan sentiasa memastikan mereka berada dalam keadaan yang boleh dihubungi bagi memudahkan perhubungan sekiranya berlaku kejadian luar jangka.

5. Para pelajar juga sentiasa diingatkan untuk memaklumkan pihak *Education* Malaysia, pihak kedutaan atau persatuan pelajar sekiranya mereka meninggalkan kawasan pengajian.

6. Pejabat *Education* Malaysia, Pejabat Kedutaan dan Konsulat Malaysia sentiasa berhubung dan bekerjasama memastikan segala rujukan utama kes-kes tertentu dapat dibuat, tindakan segera dan proaktif dapat diambil sekiranya berlaku sesuatu perkara dan memastikan kesiapsiagaan Pejabat *Education* Malaysia bagi mengaktifkan proses evakuasi sekiranya perlu.

7. Sekiranya terjadi keadaan yang memerlukan bantuan logistik diberikan kepada para pelajar untuk keluar dari kawasan berbahaya/ tidak selamat ke kawasan yang selamat, kebajikan sewaktu fasa evakuasi, pengecualian kuliah dan keperluan-keperluan lain bagi menjamin keselamatan para pelajar akan diambil kira oleh pihak *Education* Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA KOH NAI KWONG

TARIKH : 5 APRIL 2023 (RABU)

SOALAN NO.40

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meneruskan perancangan menubuhkan universiti khas untuk wanita seperti yang telah dinyatakan oleh mantan Menteri sebelum ini dan apa usaha akan dilaksanakan selepas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian berpandangan bahawa sebarang penubuhan universiti hanya akan diberikan pertimbangan mendalam setelah kedudukan fiskal negara kembali mengukuh. Ini termasuklah penubuhan universiti wanita seperti yang dicadangkan sebelum ini.

2. Seperti yang telah dinyatakan semasa penggulungan Titah Diraja Dewan Rakyat yang lalu, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang baharu haruslah dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi, antaranya:

    i. Permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;
    ii. Kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;
    iii. Keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;
    iv. Kemandirian kewangan;
    v. Prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan
    vi. Risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*mismatch*) dengan IPT serta program sedia ada.

3. Sebaliknya, fokus utama Kementerian pada masa ini adalah meningkatkan usaha ke arah pendigitalan pendidikan tinggi dalam kalangan UA yang memerlukan peruntukan besar dan memastikan kemudahan sedia ada yang usang ditambah baik dan dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 5 APRIL 2023 (RABU)

SOALAN NO.49

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah seorang graduan tamat diploma di Malaysia memerlukan masa dua tahun untuk melanjutkan pelajaran ke tahap ijazah, sedangkan di United Kingdom hanya memerlukan masa satu tahun sahaja. Apakah perbezaan sistem diploma antara dua negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menyediakan kerangka *Malaysian Qualification Framework* (MQF) yang memperincikan kredit bergraduat bagi setiap tahap pengajian daripada peringkat sijil hingga ke peringkat doktor falsafah.

2. Sistem penawaran program Diploma (Tahap 4 MQF) di Malaysia memerlukan tempoh minimum pengajian selama 2 tahun dengan minimum kredit bergraduat sebanyak 90 kredit, manakala tempoh minimum pengajian program Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) adalah 3 tahun dengan minimum kredit sebanyak 120 kredit.

3. Dari segi kelayakan masuk minimum ke program Diploma, syarat yang diperlukan adalah Lulus SPM atau yang setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 3 mata pelajaran. Manakala kelayakan masuk minimum ke program Sarjana Muda memerlukan syarat Lulus STPM atau yang setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam 2 mata pelajaran.

4. MQA telah menyediakan dasar pindah kredit dalam memastikan graduan Diploma (Tahap 4 MQF) mendapat kelebihan dari segi penjimatan masa dan tempoh pengajian semasa menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda.

5. Proses artikulasi ini dilaksanakan oleh universiti awam dan swasta di Malaysia dalam memastikan graduan Diploma (Tahap 4 MQF) mendapat pemindahan dan pengecualian kredit (CTCE) sehingga 50% seperti yang ditetapkan MQA.

6. Pindah kredit boleh dilakukan secara ***vertical*** iaitu pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi dengan syarat yang ditetapkan ini dipenuhi iaitu:
   i. Gred lulus - gred minimum iaitu gred C;
   ii. Nilai kredit - sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima;
   iii. Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%; dan
   iv. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara)/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

7. Ini amat berbeza dengan sistem kelayakan di United Kingdom (UK) kerana terdapat *Higher National Diploma* (HND) dan *Diploma of Higher Education* (DHE) dalam Sistem Pendidikan Tinggi UK.

8. Dari segi kelayakan masuk, kedua-dua bentuk Diploma di UK mensyaratkan kelayakan masuk dengan menggunakan A-Level atau setaraf. Untuk makluman, kelayakan A-Level adalah setaraf dengan STPM di Malaysia.

9. Amalan di UK, program Diploma telah dibangunkan agar boleh disetarakan pada tahun 1 dan 2 program Sarjana Muda di UK. Secara lazimnya pelajar akan ke tahun 3 program Sarjana Muda di UK.

10. Justeru itu, sememangnya terdapat perbezaan antara penawaran program Diploma di Malaysia dengan Diploma di UK dari aspek kelayakan masuk dan pindah kredit kepada program-program yang terbabit.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA
DEWAN NEGARA
TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR

SOALAN NO.26

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk pemudah cara yang dipersiapkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk graduan baharu institut pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan yang mula berkecimpung dalam dunia keusahawanan atau "*start-up*" yang mana bidang tersebut tidak menjamin konsistensi dalam aspek pulangan atau pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin kepada kebajikan peminjam PTPTN yang termasuk graduan baharu.

2. Berhubung perkara ini, bagi memudah cara kepada peminjam, terdapat pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sehingga kini untuk memudahkan serta meringankan beban bayaran balik oleh peminjam iaitu:

    i. bayaran balik pinjaman PTPTN hanya bermula selepas 12 bulan peminjam menamatkan pengajian untuk memberi ruang kepada peminjam membuat persediaan sewajarnya serta memperoleh pendapatan yang stabil sebelum memulakan bayaran balik;

    ii. penangguhan bayaran balik sekiranya menyambung pengajian atau belum mendapat pekerjaan;

    iii. penstrukturan/ penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam; dan

    iv. pengecualian bayaran balik pinjaman kepada peminjam yang mendapat keputusan cemerlang/ ijazah sarjana muda kelas pertama.

3. Terkini, semasa pembentangan Belanjawan 2023 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 24 Februari 2023 (Jumaat) telah menyatakan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan:

   i. inisiatif penangguhan bayaran balik kepada peminjam PTPTN berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam (6) bulan mulai 1 Mac 2023; dan

   ii. insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 20 peratus selama tiga (3) bulan bermula 1 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

SOALAN NO.38

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kekangan yang sedang dihadapi oleh universiti awam dalam melahirkan generasi graduan yang berdaya saing. Mohon nyatakan sejauh mana tahap kerjasama antara universiti awam dengan Kementerian setakat ini dalam mengurangkan kadar penghijrahan pakar/mahir ataupun "*brain drain*" terutamanya graduan daripada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara kekangan utama Universiti Awam dalam melahirkan graduan berdaya saing adalah ketidakpadanan jurusan pengajian dengan amalan dan perkembangan semasa dalam industri.

2. Untuk itu, pihak KPT telah melakukan pelbagai inisiatif bagi memastikan yang pengetahuan serta pendedahan yang diberikan kepada mahasiswa dan graduan adalah selari dengan perkembangan dalam industri.

3. Perkara ini dilakukan dengan cara bekerjasama rapat dengan industri. Ini termasuklah program-program seperti CEO@Faculty, Industry On Campus (IOC) dan program-program pengajian yang menggabungkan tahun pengajian di kampus dan dalam industri.

4. **Antara program yang dilaksanakan adalah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (*National Structured Internship Programme*, MySIP)**.

5. Inisiatif ini memainkan peranan penting dalam menggalakkan latihan industri dengan konsep *industry-relevant* seterusnya menjurus kepada penempatan pekerjaan.

6. Sehingga Disember 2022, inisiatif ini telah memanfaatkan 111,326 bakat graduan dalam menyempurnakan latihan industri secara berstruktur bersama syarikat dan pemain industri tempatan.

7. Melalui MySIP, pelajar didedahkan dengan laluan kerjaya dan menerapkan elemen daya saing dalam pasaran pekerjaan.

8. Menerusi tinjauan dan kajian keberkesanan MySIP pada tahun 2022 juga, seramai 33% pelatih industri berjaya mendapat pekerjaan pertama melalui latihan industri.

9. Selain itu, dalam inisiatif **Kolaborasi Industri – Akademia (*Industry – Academia Collaboration*, IAC) pula**, tiga objektif utama telah digariskan iaitu melahirkan pelajar/ graduan berkemahiran yang memenuhi permintaan industri selaras dengan IR4.0; mengukuhkan hubungan dua hala antara industri dan IPTA/ IPTS/ Teknikal termasuk bakat TVET; dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di dalam bidang pekerjaan separa berkemahiran tinggi.

10. Sepanjang tahun 2022, 10 program IAC telah dilaksanakan merentasi 10 sektor di Malaysia termasuk STEM, Pelancongan, ICT, FMCG, Animasi & Permainan Video, E&E, Industri Perbuatan, Logistik, Bioteknologi, dan OGSE.

11. Melalui inisiatif ini, lebih daripada 400 pemain industri dan akademia telah bersama berbincang dan memberikan komitmen dalam pembangunan bakat baharu yang berdaya saing di Malaysia.

12. Di bawah ***Young Employable Student (YES): We are Ready!***, sebuah kerangka tindakan (*action framework*) dalam peningkatan kebolehpasaran graduan menerusi pendedahan menyeluruh meliputi kemahiran insaniah, penjenamaan diri, kesedaran dan perancangan kerjaya, kepimpinan, peningkatan kendiri dan banyak lagi telah dibangunkan.

13. Inisiatif ini dijayakan oleh TalentCorp bersama rakan kolaborasi strategik dan turut mendapat kerjasama Pusat Kerjaya, Unit Hubungan Industri dan Majlis Perwakilan Pelajar di IPT.

14. Sepanjang tahun 2022, sebanyak lapan (8) program YES telah dilaksanakan di IPTA dan IPTS dengan lebih daripada 7,000 pelajar menerima manfaat program.

15. **Di bawah KPT** sendiri, bagi melahirkan graduan yang mampu berdaya saing dalam pasaran pekerjaan, program peningkatan kemahiran berskala pendek telah dilaksanakan bagi membantu memberikan latihan kepada graduan dan

seterusnya memberikan peluang kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

i. Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

a. Program intervensi ini dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah untuk membantu graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah).

b. Dari tahun 2020 sehingga Februari 2023, seramai 2,946 peserta telah mengikuti program dan mendapat penempatan pekerjaan.

ii. Program PENJANA KPT.

a. Inisiatif ini mula diperkenalkan pada tahun 2020 dan diteruskan sehingga tahun 2022 melalui pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Programme*) dan KPT-PACE (*Professional Certification*) bagi menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan isu pengangguran ketika negara dilanda wabak COVID-19.

b. Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mahasiswa serta graduan untuk mengikuti latihan kemahiran tambahan dan pensijilan profesional serta memperoleh jaminan penempatan pekerjaan *melalui Letter of Commitment* (LOC) yang dikemukakan oleh pihak syarikat.

c. Untuk tempoh Oktober 2020 sehingga Disember 2022, seramai 34,048 orang graduan daripada 36,984 orang yang dilatih telah berjaya menerima penempatan pekerjaan, penjanaan pendapatan dan pensijilan profesional.

16. Berhubung **tahap kerjasama antara Universiti Awam (UA) dengan kementerian** dalam mengurangkan isu '*brain drain'*, TalentCorp menerusi mandat yang telah diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah membangunkan **platform pemprofilan Mynext**. Platfom Mynext ini antaranya bertindak sebagai platform setempat solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan, dengan fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia.

17. Selain itu, Mynext bertindak sebagai portal bagi memudahcara latihan industri takungan bakat muda negara (pelajar dan bakat TVET) di institusi pengajian tinggi awam, swasta dan teknikal peringkat nasional. Sejak dilancarkan pada Ogos 2022, lebih 40,000 profil baharu graduan telah berdaftar melalui portal mynext dan usaha ini akan terus digembeleng dengan kerjasama KPT dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Mynext dalam rangka untuk didedahkan kepada bakat TVET untuk kalibrasi bakat selaras keperluan pasaran pekerjaan dan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

SOALAN NO.50

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratuskah pelajar lepasan SPM yang dapat menyambung pelajaran ke peringkat tertiar dan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan mereka memasuki bidang yang diminati serta memenuhi keperluan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus penawaran kepada permohonan lepasan SPM yang layak ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan ILKA adalah seperti berikut:

    i. Tahun 2022, sebanyak 62.06% bersamaan 146,091 penawaran daripada 235,379 permohonan layak.

    ii. Tahun 2021, sebanyak 54.82% bersamaan 141,390 penawaran daripada 257,871 permohonan layak.

    iii. Tahun 2020, sebanyak 58.92% bersamaan 121,354 penawaran daripada 205,972 permohonan layak.

2. Berhubung perkara ini, bagi tujuan pemilihan program, **KPT membantu pemohon untuk memilih kesesuaian program** dengan berpandukan kepada maklumat yang di paparkan di *UPUOnline*® seperti berikut:

    i. **Tapisan Syarat Khas Program Pengajian** iaitu bagi memastikan calon hanya memilih program pengajian yang memenuhi syarat am dan syarat khas sahaja.

    ii. **Kalkulator Merit** iaitu bagi membantu calon mengenal pasti program pengajian yang bersesuaian dengan markah merit yang diperolehi.

iii. **Tren Permohonan Dan Penawaran** iaitu statistik yang disediakan bertujuan membekalkan maklumat tren permohonan dan penawaran serta membantu calon dalam membuat keputusan pemilihan program pengajian berdasarkan kelayakan akademik dengan berpandukan markah merit yang telah diperolehi.

iv. **Ujian Personaliti & Kecenderungan Kerjaya** iaitu bagi membantu calon membuat pilihan program pengajian yang berkaitan dengan bidang yang bersesuaian berdasarkan personaliti diri dan minat kerjaya.

v. **Kebolehpasaran Graduan** iaitu maklumat yang dibekalkan kepada calon yang secara tidak langsung memberi gambaran berberkenaan permintaan dan penawaran sesuatu program pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

SOALAN NO.68

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf dan kualiti universiti IPTA agar setanding dengan universiti tersohor antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat pelbagai langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan taraf dan kualiti Insitusi Pendididkan Tinggi Awam (IPTA) agar setanding dengan universiti tersohor antarabangsa. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

    i. **Menyediakan dana penyelidikan** daripada Kerajaan yang bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan di IPT terus dilaksanakan. Dana penyelidikan ini boleh dimohon melalui Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) yang mengandungi Dana Penyelidikan Fundamental (DPF), Dana Pengukuhan dan Pemerkasaan Universiti Penyelidikan (RU), Dana Suntikan Pemerkasaan Bidang Nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia (HICoE) dan Dana Padanan Penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR).

    ii. **Memperbanyakkan program kerjasama (*partnership)* dan mengadakan kolaborasi** dengan institusi/ universiti terkemuka dunia seperti *Top* 100/ *Top* 50 universiti melalui skim Dana Padanan Penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR) bagi mengukuhkan kedudukan UA di peringkat antarabangsa. Antaranya adalah program kerjasama penyelidikan dengan negara-negara seperti Jepun, United Kingdom, Sepanyol dan Perancis.

    iii. KPT juga telah **membangunkan sistem penarafan peringkat nasional yang telah dijajarkan dengan kriteria *QS World University Rankings*** untuk mengukur peningkatan kualiti IPT dan IPTA dari aspek penyelidikan.

Sistem penarafan ini dinamakan ***Malaysia Research Assessment* (MyRA)**. Antara indikator yang terlibat dalam penilaian penarafan ini ialah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan serta jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di peringkat IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa.

2. Pada masa yang sama, setiap universiti awam turut membangunkan pelan dan strategi masing-masing bagi meningkatkan kualiti dan prestasi mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

SOALAN NO.69

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menghasilkan graduan yang mampu mencipta produk baru dan bukannya terus menjadi pengguna produk sedia ada**.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dalam menghasilkan graduan yang mampu mencipta produk baru dan bukannya terus menjadi pengguna produk sedia ada.

2. Berhubung perkara ini, sejak tahun 2015, KPT telah melaksanakan **inisiatif *Public-Private Research Network* (PPRN)** yang merupakan satu model kerjasama strategik antara industri dan akademia dengan sokongan perantara yang terdiri daripada KPT dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

3. Melalui inisiatif ini, pelajar terlibat dalam kerjasama antara akademia dan industri bagi menyelesaikan masalah sebenar syarikat dengan melakukan inovasi, dan menggunakan teknologi moden.

4. PPRN menggalakkan pelajar, dan pensyarah memahami masalah sebenar di lapangan, dan memberi pendedahan kepada mereka untuk menghasilkan inovasi dan produk baharu/ yang telah ditambah baik.

5. Sejak tahun 2015 sehingga kini, 680 projek telah dilaksanakan melibatkan penyelidik yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

6. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), sentiasa memberi pendedahan kepada para pelajar di

politeknik dan kolej komuniti berhubung teknik pembangunan produk dan perkhidmatan baharu melalui kaedah *Design Thinking'* menggunakan *Conceive, Design, Implement, Operate (CDIO) Framework* yang diterapkan dalam kurikulum.

7. Melalui CDIO, pelajar diberi pendedahan dengan berinteraksi bersama komuniti seterusnya mencadangkan kaedah/ bentuk penyelesaian melalui inovasi yang dihasilkan.
8. Selain itu, politeknik dan kolej komuniti sentiasa membudayakan penciptaan produk/ perkhidmatan melalui penganjuran pertandingan inovasi di semua peringkat, institusi, kebangsaan dan antarabangsa.

9. Penganjuran ini memberi peluang kepada pelajar merekacipta produk inovasi dan mempertandingkan produk ciptaan masing-masing selain dapat membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Kemenangan yang dicapai oleh pelajar terutamanya di peringkat antarabangsa seperti di *World Skill Competition* umpamanya, merupakan pengiktirafan kepada inovasi pelajar politeknik dan kolej komuniti khususnya dan TVET amnya.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA
TAHUN 2023

UCAPAN PENGGULUNGAN

UCAPAN PENGGULUNGAN
PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH DIRAJA
DEWAN NEGARA
27 MAC 2023

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua **Ahli Yang Berhormat** yang telah membahaskan isu-isu berkaitan Pendidikan Tinggi sepanjang sesi perbahasan Titah DiRaja di Dewan Negara.

Tuan Yang Dipertua,

2. Bagi menjawab dan mengulas segala perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan pada 21 Mac sehingga 23 Mac 2023, saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh semua **Ahli Yang Berhormat** satu per satu.

3. **Pertama,** pertanyaan diajukan oleh **Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** mengenai **bilangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti yang terletak di wilayah Borneo.**

4. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat **11 Universiti Awam di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan**.

5. Daripada jumlah tersebut, **5 Universiti Awam yang berada di Sarawak** terdiri daripada 3 cawangan UiTM iaitu UiTM kampus Mukah, Samarahan dan Samarahan 2; 1 cawangan UNIMAS di Kota Samarahan; dan 1 cawangan UPM yang terletak di Bintulu.

6. Manakala, **5 Universiti Awam di Sabah** terdiri daripada 2 cawangan UiTM iaitu UiTM kampus Kota Kinabalu dan UiTM Tawau; serta 3 cawangan UMS iaitu UMS kampus Kota Kinabalu, UMS kampus Tawau dan UMS kampus Sandakan.

7. **Manakala terdapat sebuah Universiti Awam di Wilayah Persekutuan Labuan** iaitu UMS kampus Labuan.

8. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, secara keseluruhannya terdapat **3 Politeknik masing-masing di Sarawak dan Sabah** iaitu Politeknik Kuching, Politeknik Metro Betong dan Politeknik Mukah serta Politeknik Kota Kinabalu, Politeknik Tawau dan Politeknik Sandakan.

9. Terdapat **7 buah Kolej Komuniti** di Sarawak iaitu di Kuching, Betong, Sibu, Mas Gading, Miri, Santubong dan Sarikei.

10. Manakala di **Sabah** pula terdapat **8 buah Kolej Komuniti** yang terletak di Beaufort, Kota Marudu, Lahad Datu, Penampang, Sandakan, Semporna, Tambunan dan Tawau.

11. Kesemua IPT ini menawarkan kursus pengajian dan program latihan dalam pelbagai bidang pengajian dan peringkat daripada sijil, diploma, ijazah pertama, ijazah lanjutan doktor falsafah.

Tuan Yang Dipertua,

12. **Bagi perkara kedua,** terdapat beberapa isu yang disertakan cadangan oleh **Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan** iaitu:

    i. isu *ranking* dan penarafan universiti,
    ii. cabaran penulisan dan penerbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa, serta
    iii. cadangan penubuhan satu pasukan penilai jurnal dan terbitan berindeks tinggi di rantau ini.

13. Dalam konteks ***ranking* dan penarafan universiti**, Kementerian tidak meletakkan sasaran, malah tidak mewajibkan universiti di Malaysia untuk mengejar kedudukan *ranking* di peringkat antarabangsa.

14. Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil pendirian bahawa aspek yang perlu dititik beratkan dalam sektor pendidikan tinggi negara adalah kualiti akademik dan proses pengajaran. Dan bukannya ketaasuban mengejar ranking atau

penarafan. Malah pendirian ini sebenarnya selari dengan amalan oleh kebanyakan universiti-universiti berprestij tersohor dunia.

15. Namun begitu, adalah tidak dinafikan dalam sesetengah keadaan *ranking* boleh digunakan sebagai kayu ukur dan penanda aras yang berguna untuk menentukan kekuatan sistem pendidikan negara. Namun, ranking tidak sepatutnya dilihat sebagai ukuran kualiti pendidikan yang tunggal, konklusif dan muktamad.

16. Disebabkan *ranking* antarabangsa pada masa ini sangat menjurus kepada hasil penyelidikan, maka *ranking* universiti dunia hanyalah salah satu daripada kayu pengukur yang dipantau oleh Kementerian dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan institusi di negara ini.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

17. Berhubung **cabaran penulisan dan penerbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa serta cadangan menubuhkan pasukan penilai jurnal dan terbitan** berindeks tinggi yang memberi tumpuan kepada alam Melayu, Kementerian menerima baik saranan ini. Malah, pihak kementerian sangat mengalu-alukan saranan yang boleh membantu pengukuhan pengajian alam Melayu.

18. Justeru, saya ingin tegaskan yang pihak Kementerian akan memberi perhatian untuk mengkaji dan memperhalusi saranan oleh Yang Berhormat berhubung perkara ini.

19. KPT sememangnya amat menitik berat dan menggalakkan penyelidik menerbitkan artikel penyelidikan mereka di dalam jurnal ilmiah yang berkualiti tinggi.

20. Buat masa ini, KPT telah pun mewujudkan **sistem Repositori Jurnal.** Sistem ini bertujuan untuk mengumpul jurnal-jurnal terbitan Malaysia dalam usaha

memastikan jurnal-jurnal ini memenuhi kriteria serta garis panduan penerbitan jurnal ilmiah Malaysia.

21. Kriteria ini telah dibangunkan oleh pakar dalam penerbitan jurnal ilmiah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

22. Selain itu, kriteria yang diguna pakai juga merujuk kepada kriteria penilaian serantau dan antarabangsa seperti *Scopus, Web of Science* dan ASEAN *Citation Index*.

23. Malah, kualiti penerbitan jurnal ilmiah Malaysia dinilai setiap tahun berdasarkan kriteria penilaian *MyCite* yang merupakan pangkalan data sitasi Malaysia yang menilai kualiti penerbitan ilmiah Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

24. **Isu yang terakhir** telah diutarakan oleh **Yang Berhormat Senator Tuan Hasbie Bin Muda**.

25. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan **isu Literasi Kewangan** dan mencadangkan agar KPT bergiat secara aktif dalam proses pendidikan Literasi Kewangan terutamanya di universiti.

26. Dalam hal ini, Kementerian sememangnya menerapkan elemen literasi kewangan melalui **penawaran Mata pelajaran Pengajian Umum** yang menyaksikan Kursus Asas Keusahawanan telah diwajibkan kepada semua pelajar Universiti Awam.

27. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori keusahawanan yang turut merangkumi literasi kewangan.

28. Modul-modul seperti kreativiti dan inovasi dalam perniagaan, menilai peluang perniagaan, perancangan perniagaan dan mengurus projek perniagaan dapat meningkatkan literasi pelajar dalam pengurusan kewangan dan perniagaan.

29. KPT yakin ilmu yang diperolehi oleh pelajar melalui kursus ini akan membentuk mereka menjadi lebih celik dalam urusan kewangan, selain lebih arif dan bijak dalam membuat keputusan berhubung kewangan peribadi setelah bergraduat.

30. Akhir kata, kementerian merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan dan cakna mengenai isu-isu pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan Titah DiRaja di Dewan yang mulia ini.

31. Saya akhiri penggulungan saya pada hari ini dengan ucapan terima kasih.

UCAPAN PENGGULUNGAN
PERBAHASAN BELANJAWAN PERINGKAT DASAR
DEWAN NEGARA
4 APRIL 2023

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua **Ahli Yang Berhormat** yang telah membahaskan isu-isu berkaitan Pendidikan Tinggi sepanjang sesi perbahasan belanjawan peringkat dasar di Dewan Negara.

Tuan Yang Dipertua,

2. Bagi menjawab dan mengulas segala perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan bermula 29 Mac sehingga 3 April 2023, saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh semua **Ahli Yang Berhormat** satu per satu sekiranya masa mengizinkan.

Tuan Yang Dipertua,

3. **Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Ras Adiba binti Mohd Radzi** menyentuh pelbagai isu berkaitan kebajikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di KPT amnya dan di Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT khasnya.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, KPT tidak mendiskriminasi OKU dan golongan rentan lain, terutamanya apabila melibatkan **akses kepada pendidikan tinggi**. Pelbagai inisiatif dan usaha untuk menggalakkan golongan OKU melanjutkan pengajian dilaksanakan secara konsisten, antaranya melalui:

    i. memberi **insentif atau biasiswa kepada pelajar OKU** yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tertiari seperti **Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya**, dan

    ii. Mewujudkan **Laluan Kemasukan Khas kategori OKU** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Melalui laluan khas ini, pada sesi akademik 2022/2023, sebanyak 51.64% pemohon kategori pelajar OKU lepasan SPM dan STPM/Setaraf yang layak telah ditawarkan ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA.

5. Malah, **bagi tempoh bermula 2013 sehingga 2022, jumlah enrolmen pelajar OKU ke IPTA adalah memberangsangkan**. Merujuk kepada data MyMohes KPT, **jumlah enrolmen pelajar OKU** ke Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti adalah **seramai 16,482 pelajar**.

6. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, **kesemua 20 UA** di bawah KPT **mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) daripada empat (4) kemudahan asas mesra OKU iaitu peralatan pembelajaran, tandas, tangga mesra OKU dan tempat letak kereta OKU**.

7. Malah, **Politeknik dan Kolej Komuniti** juga mempunyai pelbagai kemudahan mesra OKU mengikut kampus cawangannya, **terutamanya kemudahan peralatan pembelajaran OKU**.

8. Menyentuh tentang peruntukan berjumlah **RM436 juta** untuk membaik pulih infrastruktur dan mengganti peralatan usang di IPTA, semua projek bangunan, infrastruktur dan pengubahsuaian di IPTA adalah **mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Kementerian Ekonomi** dalam menyediakan kemudahan akses terhadap pelajar OKU.

9. Garis Panduan ini telah memberi perhatian khusus dalam menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU daripada peringkat awal reka bentuk bangunan.

10. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, peruntukan berjumlah RM436 juta ini merangkumi pelaksanaan projek baharu serta sambungan kategori fizikal untuk penyenggaraan, peralatan usang dan pembinaan. Mengambil kira semua projek ini adalah di bawah RMKe-12 yang telah bermula pada 2021 maka semua pelaksanaan projek pembinaan telah mematuhi garis panduan penyediaan fasiliti kemudahan OKU.

11. Bagi bangunan lama yang masih belum dilengkapi atau belum lengkap sepenuhnya fasiliti OKU, Kementerian telah menerima peruntukan sejumlah RM15 juta pada tahun 2022 melalui inisiatif bajet oleh Kementerian Kewangan iaitu sebanyak RM11 juta kepada Universiti Awam dan baki RM4 uta kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi menambah baik penyediaan fasiliti kemudahan mesra OKU.

12. Selain itu, KPT turut memberi keutamaan yang khusus kepada permohonan fasiliti OKU dalam setiap permohonan *Rolling Plan (RP)*.

13. Justeru, tiada sebarang diskriminasi terhadap golongan OKU, malah Kementerian sentiasa berusaha sehabis baik bagi menjaga hal ehwal dan kebajikan berkaitan pelajar OKU khususnya.

14. Malah, isu OKU ini sering dibincangkan secara komprehensif melalui Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) di mana KPT merupakan ahli kepada Jawatankuasa Pendidikan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang Dipertua,

15. **Perkara kedua** diutarakan oleh **Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** yang menyentuh tentang **pendanaan kajian penyelidikan melibatkan penanaman bijirin** di universiti-universiti tempatan.

16. Dalam konteks ini, di bawah KPT, pelbagai kajian berkaitan bijiran seperti jagung, beras pulut, beras perang, ubi kayu dan makanan berasaskan kekacang seperti *Winged Bean* **dibiayai di bawah Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Tinggi (DPF KPT)**.

17. Malah, bagi tempoh 2017 hingga 2022, sebanyak **12 projek penyelidikan** yang berkaitan dengan kajian berkaitan bijirin ini telah dijalankan melibatkan peruntukan **berjumlah RM 1.86 juta**.

Tuan Yang Dipertua,

18. **Perkara ketiga** adalah berkait dengan perkara-perkara dasar di bawah KPT yang dibahaskan oleh **Yang Berhormat Senator Datuk Seri Profesor Dr. Awang bin Sariyan**.

Yang Berhormat Senator,

19. KPT berazam memastikan kualiti dan kecemerlangan ahli akademik terus dipertingkat, mahasiswa diperkasa dengan lebih holistik serta proses pengajaran dan penyelidikan di IPT terus diperkukuh.

20. Justeru, keseluruhan ekosistem IPT diberi keutamaan oleh KPT termasuk **penaiktarafan fasiliti sedia ada dan usang, pemantapan pendigitalan pendidikan tinggi; dan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi**.

21. Secara umumnya, ***ranking*** **dunia kini tidak lagi diwajibkan kepada semua IPT sebagai kayu pengukur utama** yang konklusif. Ia hanya akan digunakan sebagai penanda aras dan salah satu kayu pengukur tahap sistem pendidikan tinggi negara yang dipantau oleh KPT.

22. KPT berhasrat untuk **memperkasa sistem penarafan tempatan** seperti Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) dan Penilaian Penyelidikan Malaysia atau *Malaysia Research Assessment* (MyRA).

23. Justeru, hala tuju KPT terutamanya dalam aspek kesejahteraan dengan kewatanan sering dikaji dari semasa ke semasa.

24. Berkenaan **pelan baharu memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT**, KPT menyambut baik saranan Yang Berhormat Senator.

25. Dalam konteks ini, KPT sentiasa **memberikan sokongan penuh** terhadap usaha dan inisiatif yang dijalankan di pelbagai peringkat dalam memartabatkan Bahasa Melayu, terutamanya di IPT.

26. Di peringkat Kementerian, usaha memartabat bahasa Melayu di Universiti Awam (UA) telah giat dijalankan sejak 2011 dimana Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT (2011-2015) dan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (2016-2020) telah dilaksanakan secara berterusan.

27. Untuk kesinambungan usaha memartabat bahasa Melayu di IPTA, Pelan Tindakan tersebut telah diperhalusi dan ditambah baik.

28. Hasilnya, **Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023 – 2030 (PTMBM) telah dibangunkan**, bukan sahaja di Universiti Awam, malah turut melibatkan Politeknik dan Kolej Komuniti.

29. Berkenaan keseimbangan melibatkan program dalam bidang STEM mahupun sains sosial dan kemanusiaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, KPT mengambil pendekatan yang **saksama dan tidak berat sebelah** melibatkan semua program akademik yang ditawarkan.

30. Semua UA perlu melahirkan graduan yang dapat memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan negara melalui **program akademik yang berkualiti tinggi** iaitu:

    i. transformasi pendidikan tinggi awam iaitu **semakan semula kurikulum program akademik**,

    ii. **saringan awal yang ketat** terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan, dan

    iii. memperkenal **Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum*, FRC)**.

31. Ketiga-tiga aspek ini **merangkumi kesemua program akademik termasuk bidang STEM, bidang sains sosial dan kemanusiaan** bagi memastikan kelestarian program tersebut.

32. Dalam urusan kenaikan pangkat mengikut bidang pula, **kuasa meluluskan urusan kenaikan pangkat bagi semua pensyarah di UA adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU) masing-masing** setelah melalui proses saringan dalaman di peringkat UA.

33. Dari sudut penyelidikan pula, **Program Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Tinggi (DPF KPT) disediakan untuk membiayai projek penyelidikan yang bersifat fundamental** yang bertujuan untuk meneroka penemuan, teori dan ilmu baharu.

34. **Permohonan** kepada dana penyelidikan ini adalah **terbuka kepada semua kakitangan akademik** di IPT, tidak mengira bidang sama ada STEM, Sains Sosial mahu pun bidang-bidang lain, malah kejayaan permohonan adalah berdasarkan kepada **kualiti kertas cadangan penyelidikan**.

35. Dalam konteks ini, permohonan yang diterima bagi tempoh **2016 sehingga 2022 daripada bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan adalah lebih tinggi berbanding bidang Sains Sosial** pada setiap tahun.

36. **Namun begitu, peratus projek yang diluluskan bagi bidang Sains Sosial adalah lebih tinggi** berbanding bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan.

37. Manakala, dalam aspek peruntukan dana penyelidikan, **dana yang diterima oleh bidang Sains Sosial adalah kurang** berbanding dengan dana penyelidikan yang diterima oleh bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan.

38. Hal ini **disebabkan kos yang dimohon untuk menjalankan projek penyelidikan dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan adalah lebih tinggi** (iaitu dalam anggaran antara RM100,000 dan ke atas untuk satu projek).

39. Justeru, KPT mengamalkan dasar terbuka dengan membuka peluang kepada semua kakitangan akademik di IPT, tidak mengira bidang sama ada bidang STEM, Sains Sosial mahu pun bidang-bidang lain untuk kemajuan laluan kerjaya masing-masing.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

40. **Isu keempat** melibatkan KPT dibahaskan oleh **Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah** berkaitan pelajar antarabangsa.

41. Berdasarkan sistem MyMoheS, KPT bagi tempoh bermula **Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022**, enrolmen pelajar Perubatan antarabangsa di

Universiti Awam adalah seramai **563 orang pelajar, meningkat sebanyak 15.8 peratus berbanding tahun 2021 (486 orang pelajar)**.

42. Manakala di Universiti Swasta, sistem e-IPTS, KPT menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa yang **mengikuti kursus pengajian Perubatan di IPTS** Malaysia pada **tahun 2022 adalah seramai 1,921 orang**. Daripada jumlah tersebut, 1,798 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda, manakala, baki 123 orang adalah pelajar yang mengikuti Ijazah Kedoktoran (*Doctor of Medicine*).

43. Yang Berhormat Senator juga bertanya mengenai **jumlah kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia selepas tempoh pandemik COVID-19** apabila sempadan negara mula dibuka.

44. Secara keseluruhannya, selepas tempoh pandemik COVID-19, sejumlah **44,542 pelajar antarabangsa** telah menyambung pengajian di **20 Universiti Awam pada tahun 2022.** Sebelumnya pada **tahun 2021,** terdapat seramai **39,172 pelajar antarabangsa** menyambung pengajian **di Universiti Awam.**

45. Di **Universiti Swasta** pula, seramai **19,110 orang pelajar antarabangsa** melanjutkan pengajian **pada tahun 2021**. Manakala pada **tahun 2022**, kemasukan pelajar antarabangsa **meningkat kepada 20,268 orang**.

46. Menjawab kepada apakah **mekanisme yang dilaksanakan oleh KPT dalam menggalakkan pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di Malaysia**, dalam konteks ini KPT sentiasa **proaktif mempromosi dan berusaha menarik minat** pelajar antarabangsa ke Malaysia.

47. Pelbagai **sesi libat urus dan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan** seperti Pejabat *Education* Malaysia di luar negara, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia dan luar negara, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) serta Jabatan dan Agensi yang berkaitan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

48. KPT juga telah menubuhkan **Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Permohonan Visa, Pas Pelajar dan Memo Periksa Keluar/*Check-out Memo* di Universiti Awam (UA)** yang terdiri daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, EMGS dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mengenal pasti prestasi semasa setiap UA dalam pengurusan pelajar antarabangsa.

49. Jawatankuasa ini melalui **sesi audit dan pemantauan berterusan** diyakini boleh mengurangkan karenah birokrasi dalam pengurusan permohonan Visa dan Pas Pelajar untuk pelajar antarabangsa di Malaysia.

50. Malah, KPT melalui pejabat *Education* Malaysia di luar negara dan EMGS sentiasa menganjurkan **program-program berimpak tinggi** secara berterusan untuk mempromosikan jenama *Education* Malaysia di persada antarabangsa.

51. Antara **program dan inisiatif pengantarabangsaan** ini adalah Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi, program *Edutourism* dan *Meet and Greet with International Students in Malaysia.*

52. Selain itu, melalui kerjasama strategik antara Bahagian *Education* Malaysia, JPT, EMLN, EMGS dengan IPT Malaysia, alumni antarabangsa yang tersohor (*prominent alumni*) dan berpotensi sebagai duta promosi pendidikan tinggi Malaysia turut dikenalpasti untuk tujuan promosi Pendidikan.

53. Dengan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT secara berterusan ini, usaha ini dijangka mampu membantu mempromosi dan meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

54. Malah, antara **faktor-faktor utama yang menjadikan Malaysia destinasi pilihan pelajar antarabangsa** menyambung pengajian juga telah dikenalpasti seperti **penarafan dan ranking IPT yang baik serta pengalaman baik pelajar antarabangsa dalam urusan permohonan Visa dan Pas Pelajar** sepanjang tempoh keberadaan mereka di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

55. **Pembahas kelima,** iaitu **Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim**.

56. Pertama, bagi perkara-perkara yang melibatkan **kebolehpasaran graduan, padanan peluang pekerjaan dan pasaran modal,** KPT mengambil inisiatif mempergiat **kolaborasi bersama industri** melalui pelaksanaan pelbagai program seperti *Industry@University, CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry Education Centre,* Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri.

57. Malah, KPT turut **berkolaborasi bersama agensi dan kementerian lain** seperti **Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO)** di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Portal *MYFutureJobs* dan **TalentCorp** melalui inisiatif *National Structured Internship Programme* (MySIP).

58. Inisiatif-inisiatif ini dilihat mampu **menangani isu *mismatch***. Sepanjang tahun 2022, seramai 8,560 orang graduan dari program MySIP telah berjaya memperoleh penempatan pekerjaan melalui inisiatif kolaborasi ini.

59. KPT turut bekerjasama dengan **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** dalam mengenal pasti keperluan industri pada masa hadapan termasuk usaha pemadanan pekerjaan bagi graduan yang berpotensi untuk diserap ke dalam industri yang sedang pesat berkembang.

60. **Program padanan pekerjaan** kepada graduan turut boleh dicapai di laman web KPT dengan memperkenal modul *JobMatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria untuk ditawarkan peluang pekerjaan.

61. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** di bawah Kementerian.

62. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya **padanan dilakukan secara automatik** oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

63. Selain inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini, peranan **Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA)** dalam kebolehpasaran graduan dan pasaran modal turut diperkukuh.

64. Dalam hal ini, MQA bertanggungjawab menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara dengan membangunkan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada IPT dalam membangunkan program yang berkualiti.

65. Antara dokumen jaminan kualiti yang boleh dirujuk adalah **Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA)** yang merupakan rujukan standard dalam penilaian akreditasi.

66. Antara standard yang ditetapkan di dalam COPPA ialah keperluan **Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) dari segi kajian keperluan pasaran dan kebolehpasaran graduan** sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran.

67. Dalam usaha memastikan IPT membangunkan kurikulum program yang berkualiti, MQA juga telah **membangunkan standard program** sebagai salah satu dokumen jaminan kualiti yang perlu dirujuk oleh IPT.

68. Standard Program ini **memperjelas penyertaan pengamal industri dalam aktiviti pembangunan kurikulum, pengajaran, penilaian pelajar serta semakan semula kurikulum** di peringkat pra siswazah sehingga ke peringkat pasca siswazah.

69. Tuntasnya, kementerian melalui MQA secara berterusan sentiasa mencari pendekatan dan kaedah baharu dalam memastikan kualiti dan kesepadanan kurikulum adalah bertepatan dengan keperluan industri.

Tuan Yang Dipertua,

70. Yang Berhormat Senator **Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim** turut menyentuh mengenai **penambahbaikan program dan spesifikasi peranti siswa**.

71. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KPT dan KKD sebagai pelaksana program Inisiatif Peranti Siswa sentiasa mengalu-alukan maklum balas untuk menambah baik program ini.

72. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik sepanjang pelaksanaannya dan berjaya memanfaatkan kumpulan sasar iaitu mahasiswa golongan B40 IPT di Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan IPTS.

73. Melalui program ini, pelajar dibekalkan dengan sebuah Tablet Galaxy A8 LTE bagi memudahcara pembelajaran secara dalam talian mereka.

74. Sehingga 1 April 2023, seramai 283,168 (96.8%) pelajar IPT telah menerima peranti manakala selebihnya seramai 9,412 (3.2%) masih dalam peringkat pengesahan oleh IPT masing-masing.

75. Buat masa ini, **Kerajaan juga tidak mempunyai perancangan untuk meneruskan inisiatif seumpama ini di masa hadapan**.

76. Akhir kata, kementerian merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan dan cakna mengenai isu-isu pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Sungai disusur sehari-hari,
Dalam gelap menangkap ikan,
Kami meyusun sepuluh jari,
Salah dan silap harap maafkan

Ramadhan bakal beransur pergi,
Syawal menjelma di Aidilfitri
Seikhlas hati menyusun jari,
Memohon dimaaf kekhilafan diri
Salam Aidilfitri, maaf zahir batin

77. Terima kasih Yang di Pertua dan semua ahli-ahli Dewan. Assalammualaikum wbt.

DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

[19 HINGGA 27 JUN 2023]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15
19 HINGGA 27 JUN 2023

MINGGU PERTAMA: 22 PERTANYAAN

19 JUN 2022 (ISNIN) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	11	PN-1522-L09598 **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menggalakkan Universiti Awam agar dapat menghasilkan produk kajian yang boleh dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa.
2.	113	PN-1522-L09488 **Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) statistik pengambilan pelajar lepasan SPM, STPM dan setaraf ke Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum bermula tahun 2018 ke tahun 2023; dan (b) apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan peluang tawaran pengajian tinggi ke UA dan IPTA memandangkan masih ramai lagi lepasan SPM/STPM dan setaraf yang mempunyai keputusan yang layak terpaksa meneruskan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang memerlukan perbelanjaan yang jauh lebih tinggi akibat kekurangan tawaran dalam bidang pilihan di UA dan IPTA.
3.	120	PN-1522-L09187 **Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini berkenaan usaha untuk menyemak kurikulum di Institut Pengajian Tinggi supaya selari dengan kehendak industri dan keperluan pasaran kerja semasa.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
4.	124	PN-1522-L09051 **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang sedang difokuskan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan yang disediakan di setiap Hospital Pengajar Universiti (HPU) seiring dengan arus pembangunan teknologi perubatan masa kini yang berupaya menyokong kepelbagaian perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat setempat termasuklah kakitangan universiti dan pelajar.
5.	131	PN-1522-L09655 **Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data jumlah kemasukan pelajar asing ke IPT di negara ini secara terperinci dan berapa banyak yang kekal mengikuti pengajian serta berapa banyak yang 'hilang' kerana bekerja atau atas sebab lain.

20 JUN 2023 (SELASA) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
6.	4	PN-1522-L09265 **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan dan strategi Kementerian untuk menangani isu kapasiti lebihan pengambilan graduan perubatan di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan yang mencecah 4,820 pelajar bersamaan 1,000 hingga 2,000 graduan perubatan luar negara yang pulang ke Malaysia setiap tahun. Adakah ini menepati sasaran Kementerian untuk melahirkan hanya 4,000 doktor baharu setiap tahun bagi mencapai nisbah disyorkan seorang doktor bagi setiap 400 orang menjelang 2025.
7.	12	PN-1522-L09738 **Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Universiti Awam atau cawangan Universiti Awam seperti UiTM di Temerloh memandangkan Temerloh masih belum mempunyai Universiti Awam sedangkan kawasan itu merupakan pusat kebangkitan rakyat dalam menentang penjajah serta titik tengah Semenanjung.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
8.	21	PN-1522-L09052 **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Universiti Malaysia Negeri Sembilan dengan mengambil kira peningkatan jumlah lepasan SPM daripada keluarga miskin luar bandar di negeri tersebut yang layak untuk diberikan peluang pendidikan tinggi tanpa perlu berhijrah ke mana-mana negeri lain.
9.	78	PN-1522-L09461 **Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian melakukan audit terhadap ijazah-ijazah yang ditawarkan oleh pihak universiti bagi memastikan ijazah yang ditawarkan menepati permintaan sektor pekerjaan zaman sekarang bagi menjamin masa depan pelajar universiti.
10.	114	PN-1522-L09599 **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan bahasa kebangsaan dimartabatkan dan diguna pakai dalam pembelajaran dan pengajian di universiti dan kolej swasta seluruh negara.

21 JUN 2023 (RABU)- 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
11.	**19**	PN-1522-L09401 **Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendirian Kementerian mengenai demokrasi kampus dan isu berbangkit berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta apakah bentuk penambahbaikan yang telah dicadangkan bagi memastikan kerelevanan akta ini bersesuaian dalam landskap politik kampus pada ketika ini.
12.	**38**	PN-1522-L09600 **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk melahirkan generasi pelajar yang berinovatif dan mampu menghasilkan kajian berimpak tinggi bertaraf antarabangsa.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
13.	**67**	PN-1522-L09703 **Tuan Haji Hussin Bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah dan peratusan pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Matrikulasi dan Asasi yang telah berjaya dan ditawarkan ke IPTA namun menolak tawaran tersebut mulai tahun 2020 sehingga sekarang mengikut pecahan bangsa atau kaum.
14.	**98**	PN-1522-L09737 **Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan insentif pengajian tinggi percuma kepada semua individu daripada keluarga B40 seperti mana yang telah termaktub dalam manifesto Barisan Nasional sebelum ini.
15.	**114**	PN-1522-L09388 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk membendung isu bekalan air di Universiti Malaysia Sabah Kampus Kota Kinabalu yang semakin parah.
16.	**119**	PN-1522-L09266 **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi holistik Kementerian bagi pengambilan IPTA dan IPTS tempatan berdasarkan trend kemasukan terkini seperti pertimbangan untuk mengarahkan fokus universiti awam kita ke arah pendidikan pascasiswazah dan membiarkan kursus ijazah pertama diuruskan oleh universiti swasta, khususnya dalam beberapa bidang yang memberi kesan kepada keperluan negara seperti bidang perubatan.

22 JUN 2023 (KHAMIS)- 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
17.	9	PN-1522-L09687 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah penglibatan pihak GLC dengan pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
18.	13	PN-1522-L09267 **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi dan usaha Kementerian untuk menolong seramai hampir 90,000 pemohon lepasan SPM tahunan yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atas pelbagai faktor.
19.	20	PN-1522-L09390 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap Universiti Teknologi MARA di atas kebocoran data lebih 11,000 pemohon universiti berkenaan.
20.	86	PN-1522-L09792 **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah segera dan jangka masa panjang bagi menarik minat anak-anak muda lepasan sekolah menengah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
21.	100	PN-1522-L09407 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pengambilan pelajar melalui saluran terbuka universiti awam mengkompromi penempatan pelajar melalui saluran UPU.
22.	110	PN-1522-L09739 **Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah agresif dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memperkasakan TVET dan institusi pengajian di negara ini dalam berhadapan dengan ancaman teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

MINGGU KEDUA: 13 PERTANYAAN

26 JUN 2023 (ISNIN) 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
23.	28	**PN-1522-L09240** **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kolej swasta yang beroperasi di negara ini dan apakah strategi Kementerian bagi memastikan kesinambungan kolej-kolej tersebut terutamanya kolej yang terkesan akibat pandemik Covid-19.
24.	38	**PN-1522-L09109** **Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tercicir daripada menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
25.	55	PN-1522-L09216 **Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar berkeperluan yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang tinggi di luar kampus.
26.	72	PN-1522-L09142 **Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan bagi penangguhan bayaran semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah diluluskan setakat 31 Mei 2023 dan apakah bentuk pemudah cara yang disediakan oleh PTPTN bagi menggalakkan peminjam berstatus penganggur bermusim untuk melakukan bayaran semula secara berterusan.
27.	86	PN-1522-L09313 **Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi tajaan penuh kepada pelajar yang layak untuk menyambung pengajian ke tahap ijazah sarjana (Master) dan doktor falsafah (PhD) untuk golongan sasaran OKU berkategori B40 dan M40 bagi membolehkan golongan sasaran ini mampu menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kemajuan negara.
28.	102	PN-1522-L09420 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang pendekatan dalam mengembalikan program biasiswa MyBrain kepada pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah. Apakah pelan tindakan termasuk alternatif yang telah diambil oleh Kementerian.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
29.	105	PN-1522-L09319 **Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendidikan vokasional telah mengatasi subjek-subjek sektor profesional sehingga golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peratusan terendah dalam sektor korporat. Bagaimanakah Kementerian akan mengatasi masalah ini untuk membantu golongan OKU dalam pendidikan profesional.

27 JUN 2023 (SELASA)- 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
30.	42	PN-1522-L09709 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pendedahan Sustainable Development Goals (SDG) dalam kalangan pelajar memandangkan ia boleh memberi impak positif kepada cara pemikiran yang holistik dan berfikiran global yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran (skill) abad ke-21 yang amat diperlukan oleh para graduan.
31.	73	PN-1522-L09143 **Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang telah dipersiapkan oleh pengurusan pangkalan data di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi meningkatkan tahap keselamatan penyimpanan maklumat peribadi yang melibatkan warga kerja, pelajar, graduan serta pemohon baru rentetan daripada kes kebocoran hampir 12,000 maklumat peribadi pemohon Universiti Teknologi Mara (UiTM).
32.	79	PN-1522-L09674 **Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada tahap kemampanan kursus atau program yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menepati permintaan serta keperluan semasa pasaran buruh negara.
33.	89	PN-1522-L09794 **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa ramai graduan yang telah mendapat pekerjaan melalui portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREAT) dan sejauh mana keberkesanan portal ini dalam memberi peluang pekerjaan dan latihan kepada para graduan.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
34.	93	PN-1522-L09011 **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah institusi pengajian tinggi swasta yang sedang beroperasi di seluruh negara tetapi masih belum menerima pensijilan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) swasta gagal untuk mendapatkan pensijilan tersebut.
35.	112	PN-1522-L09597 **Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan taraf universiti awam ke persada antarabangsa.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN:

4 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	**55**	PN-1522-T01656 **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar mengikut kaum dalam bidang perubatan dan pergigian di universiti awam di negara ini.
2.	**79**	PN-1522-T01680 **Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan kad MySiswa dan adakah benar semua pelajar yang menuntut pengajian di universiti awam diwajibkan untuk mengaktifkan kad MySiswa yang dilaksanakan oleh RHB. Jika ya, apakah rasional tindakan ini memandangkan tidak semua pelajar dan universiti menggunakan akaun RHB sebagai medium utama transaksi mereka.
3.	**111**	PN-1522-T01713 **Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) apakah statistik semasa bagi pendaftaran pelajar di institusi pengajian tinggi di bawah seliaan Kerajaan seperti kolej komuniti dan politeknik dan apakah kursus yang mencatatkan penurunan bilangan kemasukan pelajar; dan (b) apakah tindakan Kementerian dalam mempromosikan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menggalakkan ramai lagi lepasan sekolah menengah untuk mendaftar dan menyambung pengajian.
4.	**140**	PN-1522-T01742 **Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan Doktor Falsafah yang masih menganggur mengikut bidang pengajian.

MESYUARAT KEDUA DEWAN NEGARA TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

TARIKH : 19 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.11

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menggalakkan Universiti Awam agar dapat menghasilkan produk kajian yang boleh dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara langkah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menggalakkan Universiti Awam (UA) menghasilkan produk kajian yang boleh dikomersialkan ialah dengan **memperkenalkan geran-geran untuk melonjakkan universiti ke peringkat pengkomersialan**.

2. Misalnya, **geran MyLAB** ada menyediakan dana pra-pengkomersialan yang ditawarkan kepada akademia untuk tujuan kolaborasi dengan pihak industri bagi mengkomersialkan produk penyelidikan yang berpotensi.

3. Walau bagaimanapun, disebabkan Kementerian ini hanya menawarkan geran-geran penyelidikan yang bersifat fundamental sahaja, produk-produk hasil penyelidikan yang hendak dikomersialkan atau dibawa ke peringkat antarabangsa oleh penyelidik boleh dibantu melalui **dana-dana yang ditawarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

4. Dana-dana di bawah MOSTI ini boleh dimohon oleh penyelidik disebabkan MOSTI menyokong sepenuhnya usaha pengkomersialan produk tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

TARIKH : 19 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.113

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

(a) statistik pengambilan pelajar lepasan SPM, STPM dan setaraf ke Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum bermula tahun 2018 ke tahun 2023; dan

(b) apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan peluang tawaran pengajian tinggi ke UA dan IPTA memandangkan masih ramai lagi lepasan SPM/STPM dan setaraf yang mempunyai keputusan yang layak terpaksa meneruskan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang memerlukan perbelanjaan yang jauh lebih tinggi akibat kekurangan tawaran dalam bidang pilihan di UA dan IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Berdasarkan statistik di peringkat Kementerian, kadar kejayaan penawaran ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera **Lepasan SPM dan Lepasan STPM/Setaraf adalah seimbang bagi tempoh lima (5) tahun terkini**.

2. Pada Sesi Akademik 2022/2023, penawaran pelajar **Bumiputera ke IPTA dan ILKA** adalah sebanyak 129,412 tawaran berbanding 206,289 permohonan layak dengan kadar kejayaan sebanyak **62.73%.** Manakala, **Bukan Bumiputera** mencatatkan sebanyak 16,679 tawaran berbanding 29,090 **permohonan layak** dengan kadar kejayaan sebanyak **57.34 %.**

3. Kadar penawaran ke **Program Ijazah Sarjana Muda Universiti Awam** bagi **Lepasan STPM/Setaraf juga adalah seimbang** dengan pecahan penawaran kepada pelajar **Bumiputera** sebanyak **64,704** tawaran berbanding 75,786 permohonan layak dengan kadar kejayaan adalah **85.38%.** Pelajar **Bukan Bumiputera** pula mencatatkan penawaran sebanyak 12,377 berbanding 13,787 permohonan layak dengan kadar kejayaan bagi sebanyak **89.77 %**.

4. Oleh itu, **keseluruhan penawaran bagi Bumiputera** untuk **Lepasan SPM dan Lepasan STPM/Setaraf** bagi **Sesi Akademik 2022/2023** adalah sebanyak 193,367 penawaran dengan kadar kejayaan sebanyak **68.55 %,** manakala **Bukan Bumiputera** sebanyak **28,964** dengan kadar kejayaan yang dicatatkan adalah **67.55 %.**

5. Secara kesimpulannya, kadar kejayaan keseluruhan penawaran bagi **pelajar bumiputera dan bukan bumiputera Lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke IPTA dan ILKA adalah seimbang**.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

1. Pelbagai usaha juga telah dibuat oleh pihak kementerian untuk meningkatkan peluang tawaran pengajian tinggi. Misalnya, bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA, sebanyak **160,211 bilangan tempat (unjuran rasmi)** telah disediakan untuk calon Lepasan SPM dan STPM/Setaraf bagi sesi Akademik 2023/2024 dengan **peningkatan** sebanyak **28.5%** berbanding Sesi Akademik 2022/2023. Pecahan unjuran ambilan program Lepasan SPM mengikut Universiti Awam adalah sebanyak **123,485** tempat, Politeknik sebanyak **22,635** tempat, Kolej Komuniti sebanyak **8,407** tempat dan ILKA sebanyak **5,684** tempat.

2. Namun demikian, dalam konteks menyambung pengajian, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi. Malah kejayaan pelajar mendapat tempat di IPTA bukan hanya tertakluk kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi bergantung kepada kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, **bilangan tempat yang disediakan** serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.

3. Dari segi **bidang pilihan** yang diminati pelajar yang juga merupakan program kompetitif seperti **perubatan dan pergigian**, bilangan **permohonan yang diterima adalah tinggi** dan program-program seumpama ini merupakan program standard di Universiti Awam yang **dikawal pengambilannya** oleh badan profesional seperti **Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Majlis Pergigian Malaysia (MDC).**

4. Manakala bagi program yang tidak tertakluk kepada standard program, ketetapan nisbah staf akademik kepada pelajar untuk setiap bidang dan tahap dalam *Malaysian Qualification Framework* (MQF) adalah berdasarkan kepada garis panduan beban staf akademik yang telah dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQA).

5. KPT juga tidak menghalang pelajar yang ingin menyambung pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sekiranya terdapat IPTS yang menawarkan bidang yang diminati pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL

TARIKH : 19 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.120

PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini berkenaan usaha untuk menyemak kurikulum di Institut Pengajian Tinggi supaya selari dengan kehendak industri dan keperluan pasaran kerja semasa.

JAWAPAN

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan program yang ditawarkan di Universiti Awam (UA) dapat melahirkan graduan yang memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan pasaran industri.

2. Antara langkah yang diambil untuk memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti tinggi adalah:

   vi. Melaksanakan **transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik** bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah revelan, terkini dan selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0. Melalui proses ini, program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan dikenalpasti bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan industri dan sejajar dengan keperluan IR4.0.

   vii. Melaksanakan **saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT**. Pihak IPT menjalankan analisis terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek

keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi dalam kalangan IPT serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa.

viii. **Memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (*FRC*)**. FRC merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik. IPT perlu mengadaptasi elemen kurikulum tersedia masa hadapan dalam program akademik sama ada baharu atau semakan kurikulum sedia ada.

ix. **Memperkukuhkan inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i**. Program 2u2i adalah program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) di mana pendekatan ini menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri. Program ini (‘u’ mewakili semua IPT, ‘i’ merujuk kepada industri) menggunakan pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i di mana tempoh pembelajaran berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar (industri) adalah sekurang-kurangnya 1 tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 19 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.124

YBhg. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang sedang difokuskan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan yang disediakan di setiap Hospital Pengajar Universiti (HPU) seiring dengan arus pembangunan teknologi perubatan masa kini yang berupaya menyokong kepelbagaian perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat setempat termasuklah kakitangan universiti dan pelajar.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Sehingga tarikh semasa, terdapat sebanyak sepuluh (10) buah HPU yang ditubuhkan oleh sembilan (9) buah Universiti Awam (UA). HPU-HPU ini ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

   (i) Menyedia kemudahan latihan klinikal bagi program-program pengajian di peringkat siswazah dan pascasiswazah;

   (ii) Melaksana penyelidikan di bidang fundamental dan klinikal;

   (iii) Menyedia perkhidmatan rawatan perubatan dalam bidang kepakaran dan sub-kepakaran;

   (iv) Menyedia latihan di bidang sub-kepakaran dan program *fellowship*; dan

   (v) Menyedia kemudahan latihan untuk doktor-doktor siswazah *(housemanship)* daripada KKM.

2. Berdasarkan fungsi-fungsi ini, jelas bahawa objektif utama penubuhan HPU bukan untuk menyediakan rawatan perubatan kepada orang ramai, sebaliknya

HPU diwujudkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi pengajaran dan pembelajaran dalam bidang perubatan dan sains kesihatan.

3. Walau bagaimanapun, berhubung dengan soalan mengenai usaha yang sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh Hospital Pengajar Universiti (HPU) seiring dengan arus pembangunan teknologi perubatan masa kini, terdapat beberapa perkara yang dilaksanakan oleh Kementerian.

4. Bermula dari tahun 2019 sehingga tahun 2022, sejumlah **RM280 juta** telah disalurkan kepada HPU untuk tujuan-tujuan berikut:

   (i) Meningkatkan Kapasiti Fasiliti Perkhidmatan Kesihatan Awam berjumlah **RM100 juta;**

   (ii) Mengoptimumkan Kesiapsiagaan Fasiliti dan Sumber untuk Menangani Peningkatan Kes COVID19 berjumlah **RM80 juta**;

   (iii) Program klinik bergerak di bawah inisiatif KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) **RM30 juta**; dan

   (iv) Perolehan Peralatan, Bekalan Makmal dan Ubat-Ubatan untuk membendung Gelombang Ketiga COVID19 berjumlah **RM70 juta**.

5. Untuk tahun 2023, HPU juga telah diperuntukkan tambahan **RM10 juta** untuk perolehan Klinik Kesihatan Bergerak bagi Saringan Penyakit Kanser khusus utk memperluas perkhidmatan saringan kanser kepada masyarakat di luar bandar dan kawasan-kawasan yang tiada akses kepada perkhidmatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. DATUK SERI DR. AWANG BIN SARIYAN

TARIKH : 19 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.131

Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan minta **Menteri Pendidikan Tinggi** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data jumlah kemasukan pelajar asing ke IPT di negara ini secara terperinci dan berapa banyak yang kekal mengikuti pengajian serta berapa banyak yang 'hilang' kerana bekerja atau atas sebab lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan Sistem MyMohes dan Sistem e-IPTS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), jumlah kemasukan pelajar asing ke Malaysia pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

    i. **Jumlah kemasukan: Universiti Awam (UA)** adalah sebanyak 14,082 orang pelajar manakala di **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** adalah sebanyak 20,268, dan

    ii. **Enrolmen pelajar asing yang melanjutkan pengajian:** Jumlah enrolmen di **UA** adalah sebanyak 44,542 dan di **IPTS** adalah sebanyak 59,906

2. Bagi maklumat pelajar asing yang hilang kerana bekerja atau sebab lain, pemantauan ke atas semua IPTS adalah di bawah seliaan dan peranan Bahagian Pemantauan dan Inspektorat (BPI), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Dalam konteks ini, IPTS diwajibkan untuk memberi laporan berkaitan pelajar antarabangsa di institusi masing-masing melalui inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA).

3. Institusi yang mempunyai kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa diwajibkan melaporkan status setiap pelajar antarabangsa yang mengikuti

pengajian di institusi terbabit bagi setiap suku tahun. Berdasarkan laporan terkini MPWA sukuan pertama tahun 2023 sehingga 31 Mac 2023, bilangan pelajar antarabangsa yang hilang atau gagal dikesan adalah seramai **52 orang**.

4. Bagi pelajar yang hilang atau gagal dikesan ini, laporan oleh IPTS yang terlibat telah dibuat kepada pihak PDRM sebagai langkah awal. Selanjutnya, IPTS juga memaklumkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menyenaraihitam pas dan visa pelajar antarabangsa mereka serta menghantar pelaporan status pelajar kepada kedutaan untuk makluman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.4

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan dan strategi Kementerian untuk menangani isu kapasiti lebihan pengambilan graduan perubatan di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan yang mencecah 4,820 pelajar bersamaan 1,000 hingga 2,000 graduan perubatan luar negara yang pulang ke Malaysia setiap tahun. Adakah ini menepati sasaran Kementerian untuk melahirkan hanya 4,000 doktor baharu setiap tahun bagi mencapai nisbah disyorkan seorang doktor bagi setiap 400 orang menjelang 2025.

JAWAPAN

1. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat yang mengajukan soalan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kouta pengambilan graduan perubatan yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seramai 4820. Namun, **sebenarnya tidak berlaku lebihan pengambilan pelajar perubatan tempatan**.

3. **Misalnya pengambilan bagi tahun 2020 adalah seramai 3853, bagi tahun 2021 adalah seramai 4202 dan tahun 2022 adalah seramai 4671.**

4. Dan jika dihujahkan sama ada jumlah ini melebihi sasaran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melahirkan hanya 4 ribu doktor setahun, pengeluaran graduan yang sebenar daripada universiti tempatan adalah lebih rendah. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti gagal menamatkan pengajian, menukar jurusan dan lain-lain.

5. **Misalnya, keluaran graduan perubatan dalam negara bagi tahun 2020 adalah seramai 2401, bagi tahun 2021 adalah seramai 3132 dan bagi tahun 2022 adalah seramai 3934.**

6. **Dan anggaran keluaran graduan perubatan tempatan bagi 3 tahun akan datang adalah kira-kira seramai 3934 setahun iaitu 2281 daripada IPTA dan 1653 daripada IPTS).**

7. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat dari Kementerian Malaysia (KKM), graduan perubatan lulusan luar negara pula adalah seramai **3,919 pada tahun 2020, 4,698 pada tahun 2021 dan 4,875 orang pada tahun 2022. Ini bermakna, memang benar, sekiranya dicampurkan keseluruhan jumlah graduan keluaran tempatan dan luar negara, maka jumlahnya akan boleh melebihi 4800 orang. Dan ini adalah cabaran sememangnya perlu ditangani.**

8. **Maka bagi menjawab isu-isu berkaitan graduan perubatan**, **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 31 Mac 2023 telah menerajui penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Comitttee atau HLC*)** yang berperanan meneliti isu-isu berkaitan soal-soal lambakan dan juga berkaitan pegawai perubatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.12

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Universiti Awam atau cawangan Universiti Awam seperti UiTM di Temerloh memandangkan Temerloh masih belum mempunyai Universiti Awam sedangkan kawasan itu merupakan pusat kebangkitan rakyat dalam menentang penjajah serta titik tengah Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang baharu haruslah diteliti sepenuhnya dari pelbagai aspek, antaranya adalah:

2. **Pertama**, permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;

3. **Kedua,** kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;

4. **Ketiga,** keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;

5. **Keempat,** kemandirian kewangan;

6. **Kelima,** prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan

7. **Keenam**, risiko pertindihan (overlapping) dan sebarang ketidakpadanan (missmatch) dengan IPT serta program sedia ada.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum,

8. Untuk negeri Pahang, terdapat tiga (3) buah universiti awam dan dua belas (12) buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang merangkumi (2) dua buah universiti swasta, dua (2) buah kolej universiti dan lapan (8) buah kolej swasta. Selain ini juga, negeri Pahang mempunyai tiga (3) buah politeknik dan 11 kolej komuniti.

9. Universiti Awam yang terdapat di negeri Pahang adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan dengan satu (1) cawangan di Kampus Gambang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan dua (2) cawangan di Kampus Gambang dan Kampus Kuantan dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang turut mempunyai tiga (3) kampus cawangan iaitu UiTM Kampus Jengka, UiTM Kampus Kuantan dan UiTM Kampus Raub.

10. Bagi politeknik, terdapat dua (2) di Kuantan dan satu (1) di Muadzam Shah dan bagi kolej komuniti pula, di antara 11 kolej komuniti tersebut, salah satunya berada di daerah Temerloh.

11. Mengambil kira jumlah dan kategori IPT yang ditawarkan di Pahang, begitu juga dengan enam (6) aspek Penubuhan sesebuah IPT baharu seperti yang saya sebutkan di awal tadi, KPT berpandangan,bukan sahaja jumlah ini telah mencukupi, malah kos pembangunan dan emolumen sedia ada yang ditanggung juga adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua ,

12. Ketika ini, Penubuhan Universiti Awam (UA) **baharu** tidak menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sehinggalah kedudukan fiskal negara pulih dan kembali mengukuh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.21

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Universiti Malaysia Negeri Sembilan dengan mengambil kira peningkatan jumlah lepasan SPM daripada keluarga miskin luar bandar di negeri tersebut yang layak untuk diberikan peluang pendidikan tinggi tanpa perlu berhijrah ke mana-mana negeri lain.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Di pihak Kementerian, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang baharu haruslah diteliti secara mendalam dari pelbagai aspek, antaranya adalah:

    a. **Pertama**, permintaan yang merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat yang mesti seimbang dengan saiz populasi;

    b. **Kedua,** kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pengajar atau pakar dalam sesuatu bidang;

    c. **Ketiga,** keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;

    d. **Keempat,** kemandirian kewangan;

    e. **Kelima,** prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan

f. **Keenam**, risiko pertindihan (overlapping) dan sebarang ketidakpadanan (missmatch) dengan IPT serta program sedia ada.

2. Buat masa ini terdapat empat (4) buah universiti awam di Negeri Sembilan selain 22 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang merangkumi 4 buah universiti swasta, 2 buah kolej universiti swasta dan 16 buah kolej swasta.

3. Universiti Awam yang terdapat di Negeri Sembilan adalah **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dengan tiga (3) kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu Kampus Kuala Pilah, Kampus Rembau dan Kampus Seremban 3.**

4. Selain itu, sehingga Jun 2023, terdapat 2 buah politeknik dan 5 kolej komuniti di Negeri Sembilan yang menawarkan pelbagai program dari bidang kejuruteraan, teknologi, perniagaan dan hospitaliti yang berada di daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Kolej Komuniti Tampin.

5. Institusi-institusi ini telah menawarkan program-program akademik dalam pelbagai bidang termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil dan diploma merangkumi bidang Fesyen dan Pakaian; Teknologi Maklumat; Sistem Komputer dan Rangkaian; Kulinari; Pengembaraan Pelancongan; Teknologi Elektrik; Penyenggaraan Industri; Teknologi Senibina; Kejuruteraan Awam; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Elektrik; Ukur Bahan; Akauntasi; Pengajian Perniagaan; serta Landskap dan Rekabentuk Dalaman.

6. Daripada segi enrolmen pelajar pula, USIM dan kampus-kampus cawangan UiTM di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 mempunyai sebanyak **24,507 tempat.**

7. Bagi IPTS pula, jumlah enrolmen bagi tahun 2022 adalah seramai **14,787** orang pelajar. Manakala bagi politeknik pula seramai **6,896** orang pelajar.

Tuan Yang Dipertua,

8. Dalam usaha memastikan pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan mampu ke IPT pula, saya suka untuk kongsikan kepada dewan yang mulia ini bahawa KPT akan melebarkan pelaksanaan program SULUNG yang dimulakan pada tahun lalu.

9. Bagi tahun 2023 ini sahaja, seramai 10 ribu pelajar yang merupakan wakil pertama dari keluarga B40 akan menerima manfaat.

10. Kesemua penerima ini akan dikecualikan sepenuhnya yuran pengajian.

11. Inisiatif ini akan memberi implikasi kewangan kira-kira RM30 juta yang akan diserap oleh semua 20 Universiti Awam di seluruh negara, termasuklah yang berada di Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU

TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.78

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian melakukan audit terhadap ijazah-ijazah yang ditawarkan oleh pihak universiti bagi memastikan ijazah yang ditawarkan menepati permintaan sektor pekerjaan zaman sekarang bagi menjamin masa depan pelajar universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

2. Dari aspek jaminan kualiti, setiap program yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu melalui proses akreditasi yang merangkumi 3 fasa penilaian iaitu **akreditasi sementara, akreditasi penuh** dan **audit pematuhan.**

3. Setiap program pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh IPT perlu melalui proses **penilaian akreditasi sementara** oleh MQA sebelum diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk penawaran.

4. Seterusnya IPT bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan **akreditasi penuh** kepada MQA setelah pelajar kohort pertama berada di tahun akhir pengajian.

5. Dari aspek kawalan kualiti, setiap IPT dituntut untuk memastikan kualiti program yang telah diakredit sentiasa dipelihara dan ditambah baik. MQA akan

melaksanakan semakan kualiti **melalui audit pematuhan terhadap program di IPT secara berkala antara tiga (3) hingga lima (5) tahun.** Ini bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa dikemaskini berdasarkan kepada perkembangan semasa.

6. Untuk makluman juga, bagi memastikan program yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan, IPT perlu menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) dari segi kajian keperluan pasaran dan kebolehpasaran graduan sebelum sesuatu program boleh ditawarkan.

7. Proses ini merupakan salah satu keperluan yang disyaratkan sewaktu IPT **memohon akreditasi sementara** selaras dengan ketetapan Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) MQA.

8. IPT juga perlu membuat semakan semula kurikulum secara berkala bagi memastikan jurusan atau program yang ditawarkan kekal relevan dengan perubahan dunia kerjaya dari semasa ke semasa. Ini merupakan salah satu keperluan untuk mengekalkan akreditasi program tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

TARIKH : 20 JUN 2023

SOALAN NO.114

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan bahasa kebangsaan dimartabatkan dan diguna pakai dalam pembelajaran dan pengajian di universiti dan kolej swasta seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan sokongan yang penuh terhadap segala usaha dalam memastikan bahasa kebangsaan dimartabatkan dan diguna pakai dalam pembelajaran terutama di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi, tidak kira Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

2. Pada 15 Jun 2023, bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kementerian Pendidikan Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023 – 2030.

3. Pelan ini mengandungi 4 matlamat utama yang akan dicapai melalui 4 teras, 11 strategi dan 26 inisiatif pelaksanaan.

4. Matlamat-matlamat tersebut adalah, pertama, membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kedua, menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam bahasa Melayu. Ketiga, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara. Dan keempat, memperkukuh peranan Bahasa Melayu sebagai sumber rujukan setanding dengan bahasa asing.

5. Kesemua sasaran matlamat ini akan diusahakan melalui empat teras iaitu:-

6. Pertama, pembudayaan bahasa Melayu dalam pengajaran, pembelajaran dan aktiviti kokurikulum. Kedua, pemerkayaan bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan antarabangsa.

7. Ketiga, pengukuhan bahasa Melayu di IPTA sebagai wadah pembangunan negara dan yang terakhir, pemerkasaan IPTA dalam pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

8. Di bawah pelan ini, antara aspek yang ditekankan adalah seperti berikut:

    a. Pertama, semua mata pelajaran umum universiti (MPU) akan diajarkan dalam Bahasa Melayu

    b. Kedua, pelajar-pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian prasiswazah akan dikehendaki mengambil dan lulus kursus Bahasa Melayu Komunikasi Asas sebagai syarat graduasi.

9. Walau bagaimanapun, kesemua saranan dan penegasan di bawah Pelan ini dilakukan dengan turut memberi keanjalan kepada setiap institusi untuk memperhalus kaedah dan pendekatan mengikut kesesuaian institusi masing-masing.

10. Dalam konteks institusi pendidikan tinggi swasta, inisiatif memartabatkan dan mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan turut dibangunkan berperingkat.

11. Ia akan dimulakan dengan beberapa langkah awal. Antaranya ialah membuka pencalonan Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu kategori IPTS bermula tahun 2024 agar turut melibatkan ahli-ahli akademik dari IPTS.

12. Bagi inisiatif jangka panjang pula, Kementerian turut bercadang untuk membangunkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di IPTS.

13. Pihak Kementerian percaya segala usaha dan inisiatif yang digariskan dalam memastikan bahasa kebangsaan terus dimartabat dan diperkukuh dalam sektor pendidikan tinggi adalah bersifat menyeluruh, praktikal dan strategik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TI LIAN KER

TARIKH : 21 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.9

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendirian Kementerian mengenai demokrasi kampus dan isu berbangkit berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta apakah bentuk penambahbaikan yang telah dicadangkan bagi memastikan kerelevanan akta ini bersesuaian dalam landskap politik kampus pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KPT semenangnya menyokong demokrasi kampus. Selain memberi pendedahan yang baik kepada mahasiswa, perkara tersebut akan dapat membantu meningkatkan kematangan pelajar dan membuka ruang mereka menguruskan kedewasaan dengan lebih baik.

2. Sebagai salah satu langkah memperkasa mahasiswa di negara kita, KPT akan melakukan beberapa pindaan kepada Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan Akta Universiti Teknologi MARA (Akta 173).

3. Sehubungan dengan itu, Kementerian kini sedang dalam proses membuat persiapan bagi melakukan pembentangan pindaan tersebut di Parlimen.

4. Cadangan-cadangan pindaan yang akan dilakukan, antara lain, termasuklah pada **seksyen 15A AUKU** bagi memberi kebenaran kepada Majlis Perwakilan Pelajar/ Badan Persatuan di semua Universiti Awam (UA) untuk menyenggara hal kewangan aktiviti pelajar dan kebenaran untuk memungut wang.

5. Selain itu, **cadangan pindaan turut melibatkan Perkara 48(4) Jadual Pertama AUKU** yang berkaitan dengan tempoh perjawatan bagi Majlis Pewakilan Pelajar (MPP) atau Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP).

6. Secara asasnya, AUKU kini sedang dalam proses pindaan terutamanya perkara-perkara yang disarankan oleh mahasiswa dan persatuan pelajar yang menyentuh perkara-perkara seperti pengurusan aktiviti mahasiswa dan hal kewangan persatuan

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

TARIKH : 21 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.38

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** apakah langkah Kerajaan untuk melahirkan generasi pelajar yang berinovatif dan mampu menghasilkan kajian berimpak tinggi bertaraf antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini memberikan autonomi sepenuhnya kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam menyediakan platform atau aktiviti yang bersesuaian untuk melahirkan graduan yang berinovatif.

2. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti:

   i) **Memperkenalkan Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan atau *Future Ready Curriculum* (FRC)** dalam pembangunan program akademik baharu atau semakan semula program akademik sedia ada. Kerangka ini terdiri daripada tiga (3) elemen iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif (Pembelajaran dan Pengajaran); dan Pentaksiran Holistik.

   Program akademik yang merentas disiplin ini dirangkum di bawah Struktur Kurikulum Lentur dan Organik yang merujuk kepada struktur kurikulum yang boleh dibentuk seiring dengan perubahan dalam persekitaran pembelajaran selaras dengan perkembangan pelbagai industri dan menjangkau peringkat global.

   ii) Memperkenalkan inisiatif *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM) bagi menggalakkan penerapan pembelajaran berdasarkan pengalaman (e*xperiential learning*) yang memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan mereka dalam

konteks dunia nyata. *Experiential Learning* boleh membantu mereka membangunkan kemahiran penyelesaian masalah melalui elemen inovasi.

iii) **Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2.0** juga memberi penekanan kepada *learning outcome* yang perlu diterapkan dalam program akademik. Panduan ini membantu IPT mengembang dan memperkuat program akademik, kurikulum, dan silibus bagi melahirkan graduan yang berkualiti.

Learning outcome yang menekankan kepada inovasi adalah kemahiran kognitif yang membolehkan pelajar menyelesaikan masalah atau isu yang kompleks melalui pendekatan yang kreatif dan inovatif.

Melalui pendekatan ini, pelajar dapat menghasilkan kajian berimpak tinggi kerana mereka mempunyai kemahiran untuk mengaplikasi metodologi kajian yang terkini dan menganalisis secara kritis dalam membangunkan teori atau penyelesaian bagi sesuatu permasalahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TARIKH : 21 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.67

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah dan peratusan pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Matrikulasi dan Asasi yang telah berjaya dan ditawarkan ke IPTA namun menolak tawaran tersebut mulai tahun 2020 sehingga sekarang mengikut pecahan bangsa atau kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tahun 2020 jumlah dan peratus kejayaan penawaran adalah seperti berikut:
    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 109,138 bersamaan 60.69% kejayaan.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 12,216 bersamaan 49.05% kejayaan.
    c. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi Bumiputera adalah seramai 42,646 bersamaan 86.92% kejayaan.
    d. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi/ Bukan Bumiputera adalah seramai 12,192 bersamaan 92.59% kejayaan.

2. Daripada penawaran ini, jumlah atau peratus **penolakan** adalah seperti berikut:
    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 36,910 bersamaan 33.82%.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 6,173 bersamaan 50.53%
    c. Lepasan STPM / STAM / Asasi/ Matrikulasi Bumiputera adalah seramai 3,677 bersamaan 8.62%.
    d. Lepasan STPM / STAM / Asasi/ Matrikulasi Bukan Bumiputera adalah seramai 2,943 bersamaan 24.14%.

3. Bagi tahun 2021 jumlah dan peratus kejayaan penawaran adalah seperti berikut:

    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 127,003 bersamaan 60.50% kejayaan.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 14,387 bersamaan 52.75% kejayaan.
    c. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi Bumiputera adalah seramai 42,721 bersamaan 84.6% kejayaan.
    d. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi Bukan Bumiputera adalah seramai 10,637 bersamaan 90.75% kejayaan.

4. Daripada penawaran ini, jumlah atau peratus **penolakan** adalah seperti berikut:
    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 78,543 bersamaan 61.84%.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 11,316 bersamaan 78.65 %.
    c. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi Bumiputera adalah seramai 5,481 bersamaan 12.83%.
    d. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ Asasi Bukan Bumiputera adalah seramai 1,388 bersamaan 13.05%.

5. Bagi tahun 2022 jumlah dan peratus kejayaan penawaran adalah seperti berikut:

    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 129,412 bersamaan 62.73% kejayaan.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 16,679 bersamaan 57.34% kejayaan
    c. Lepasan STPM / STAM / Asasi/ Matrikulasi Bumiputera adalah seramai 46,538 bersamaan 88.23% kejayaan.
    d. Lepasan STPM / STAM / Asasi/ Matrikulasi Bukan Bumiputera adalah seramai 9,926 bersamaan 88.92% kejayaan.

6. **Daripada penawaran ini, jumlah atau peratus penolakan adalah seperti berikut:**
    a. Lepasan SPM Bumiputera adalah seramai 73,431 bersamaan 56.74%.
    b. Lepasan SPM Bukan Bumiputera adalah seramai 13,853 bersamaan 83.06%.
    c. Lepasan STPM / STAM Matrikulasi/ / Asasi/ Bumiputera adalah seramai 6,762 bersamaan 14.53%.

d. Lepasan STPM / STAM / Matrikulasi/ ASASI Bukan Bumiputera adalah seramai 1,832 bersamaan 18.46%.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 21 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.98

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan insentif pengajian tinggi percuma kepada semua individu daripada keluarga B40 seperti mana yang telah termaktub dalam manifesto Barisan Nasional sebelum ini.

JAWAPAN

1. Bermula tahun 2023, KPT bersama-sama semua Universiti Awam akan melebarkan Program SULUNG yang telah dimulakan pada tahun lalu. Program SULUNG ini memberi pengecualian sepenuhnya yuran pengajian kepada mahasiswa yang merupakan wakil pertama dari keluarga B40 yang berjaya masuk ke universiti.

2. Buat masa sekarang program ini akan melibatkan 10 ribu mahasiswa dari keluarga B40 dengan implikasi kewangan keseluruhan kira-kira RM30 juta yang akan diserap oleh kesemua 20 Universiti Awam.

   Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 21 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.114

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk membendung isu bekalan air di Universiti Malaysia Sabah Kampus Kota Kinabalu yang semakin parah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu kekurangan bekalan air terawat di Sabah bukan sahaja dihadapi oleh 20 ribu warga Universiti Malaysia Sabah (UMS), namun turut dirasai secara menyeluruh oleh penduduk di sekitar Tuaran, Tamparuli, dan Sepanggar.

2. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui UMS, telah mengambil beberapa langkah segera khususnya bagi memastikan kegunaan harian pelajar di kolej kediaman berjalan lancar antaranya:

    i. pembelian air terawat berjumlah 400 ribu liter air sehari daripada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang melibatkan 20 kali penghantaran lori tangki air untuk diagihkan;

    ii. membuat satu sistem perpaipan daripada punca air bukit, dalam kampus yang mampu membekalkan air sehingga 80 ribu liter sehari;

    iii. pelaksanaan inovasi bekalan sumber air dalaman seperti air graviti, air bawah tanah dan air hujan selain tangki-tangki tambahan di luar kolej-kolej kediaman yang lengkap dengan sistem pam dan perpaipan dengan kos sebanyak RM350 ribu; dan

    iv. pembinaan tangki imbangan berkapasiti 5 juta liter yang diluluskan dalam RP1, RMKe-12 Tahun 2021 dengan kos sebanyak RM10 juta (projek dalam pelaksanaan).

3. Dalam tahun ini juga, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM15.12 juta dalam RP3 RMKe-12 bagi projek membaik pulih dan menaiktaraf infrastruktur bekalan air kepada UMS.

4. YAB Perdana Menteri semasa sesi lawatan kerja beliau ke UMS pada 27 Mac 2023 telah turut meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada UMS bagi melaksanakan skop kerja seperti pencarian sumber air (*exploration*), kerja penggerudian, *quality test*, pembinaan *tubewell* dan sistem pemasangan pam dan tangki imbangan ke bangunan asrama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 21 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.119

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi holistik Kementerian bagi pengambilan IPTA dan IPTS tempatan berdasarkan trend kemasukan terkini seperti pertimbangan untuk mengarahkan fokus universiti awam kita ke arah pendidikan pascasiswazah dan membiarkan kursus ijazah pertama diuruskan oleh universiti swasta, khususnya dalam beberapa bidang yang memberi kesan kepada keperluan negara seperti bidang perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada masa ini tiada perancangan ke arah cadangan mengarahkan fokus Universiti Awam (UA) ke arah pendidikan pascasiswazah dan membiarkan kursus ijazah pertama diuruskan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 22 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.9

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah penglibatan pihak GLC dengan pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memperkasakan kebolehpasaran graduan, KPT melalui Universiti Awam telah bekerjasama dengan lebih 200 syarikat yang melibatkan pihak GLC dan industri melalui Memorandum Persefahaman (MOU), dan Memorandum Perjanjian (MOA) yang masih aktif.

2. Antara contoh terbaharu MOU yang ditandatangani adalah:-
   I. Universiti Malaysia Kelantan telah menandatangani perjanjian (MOU) dengan tujuh syarikat gergasi antaranya Sunway Theme Parks dan Skytrex Sdn Bhd. Ini akan memberi manfaat kepada 2700 pelajar yang melibatkan 3 pengkhususan.
   II. Universiti Malaya (UM) telah menandatangani perjanjian MOU bersama Infinity Logistic and Transport Sdn Bhd (Infinity) yang melibatkan fakulti sains komputer dan teknologi maklumat.

3. Dalam pada itu, kementerian turut menandatangani **Memorandum Persefahaman bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta *Talent Corporation Malaysia* (TalentCorp)**. Melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani ini juga, Kementerian berhasrat untuk meneroka lebih banyak peluang kerjasama bersama pihak industri dan syarikat GLC menerusi hubungan *networking* yang dimiliki oleh PERKESO dan TalentCorp untuk kemanfaatan kebolehpasaran graduan IPT.

4. Manakala, sehingga kini, Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti mempunyai jumlah **18,745 industri** yang aktif berkolaborasi dalam pelbagai skop.

5. Antara industri yang mempunyai kolaborasi aktif dengan politeknik dan kolej komuniti adalah Maybank, SIRIM, MyIPO, MIDA, The Malaysian Water Association, JAKIM, Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn. Bhd, Top Glove Sdn Bhd dan LAM Research (M) Sdn Bhd.

6. Disamping itu, kementerian melalui ***CEO@Faculty Programme-*** juga mempunyai kerjasama dengan GLC utama seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, CIMB, Boustead, UEM, dan lain-lain.

7. Program ini akan melibatkan pengurusan tertinggi GLC (Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Pengurusan / Presiden) akan dipadankan kepada universiti awam (UA) sebagai mentor .

8. Mereka ini akan berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dengan pelajar dan juga staf universiti mengenai apakah perkembangan terkini industri disamping dapat memberikan input bagi tujuan transformasi modul dan korikulum universiti selaras dengan keperluan semasa industri.

Tan Sri Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

9. Kerjasama di antara industri dan sektor industri perlu bersifat strategik serta dilakukan dengan teliti dan terancang bagi memastikan kedua-dua pihak menerima manfaat tanpa menjejaskan integriti dan kesarjanaan dunia akademik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

TARIKH : 22 JUN 2023 (RABU)

SOALAN NO.13

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi dan usaha Kementerian untuk menolong seramai hampir 90,000 pemohon lepasan SPM tahunan yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atas pelbagai faktor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Bagi membantu pelajar yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut.**

    a. **Pertama**, Pelajar yang tidak berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA boleh membuat permohonan rayuan. Penawaran permohonan rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat jika pelajar yang berjaya pada fasa pertama tetapi menolak tawaran. Pelajar yang membuat permohonan rayuan hanya akan ditawarkan program pengajian luar pilihan sekiranya mereka menyatakan persetujuan untuk menerima program pengajian di luar pilihan semasa mengemukakan permohonan rayuan di UPUOnline®.

    b. **Kedua,** KPT melalui Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, telah memudahkan proses kemasukan. Ini bermaksud permohonan boleh dibuat sama ada melalui UPUOnline® atau pun secara *walk-in* terus dengan sesebuah institusi tersebut. Prosedur yang sama juga berlaku di empat (4) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menyertai UPU.

c. **Ketiga,** pelajar lepasan SPM diberi peluang untuk membuat permohonan UPUOnline® sebanyak 3 Sesi Akademik. Sebagai contoh Lepasan SPM 2021 yang layak tetapi gagal permohonan UPUOnline® Sesi Akademik 2022/2023, boleh membuat permohonan pada Sesi Akademik 2023/2024 dan Sesi Akademik 2024/2025. Pelajar juga boleh menggunakan keputusan peperiksaan ulangan yang ditampal di Sijil Pelajaran Malaysia.

d. **Keempat**, Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) turut dilibatkan dalam program promosi *Jom Masuk U*.

2. Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi namun **kejayaan pelajar mendapat tempat di IPTA bukan hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata** tetapi bergantung kepada kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, **bilangan tempat yang disediakan** serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.

3. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi dan konsisten mempergiat dan menyebar luas akses ke pendidikan tinggi.

4. Sehubungan itu, KPT juga tidak menghalang pelajar yang ingin menyambung pelajaran melalui saluran terbuka Universiti Awam mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan bidang yang diminati pelajar.

5. Bagi lepasan STPM/Setaraf, **sekiranya pelajar masih gagal dalam permohonan rayuan, Universiti Awam (UA) akan membuat ambilan sendiri ke program Ijazah Sarjana Muda** selepas daripada tamat tempoh penyelarasan kemasukan oleh KPT iaitu setelah tamat tempoh penawaran rayuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 22 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.20

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap Universiti Teknologi MARA di atas kebocoran data lebih 11,000 pemohon universiti berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebaik sahaja insiden kebocoran data pemohon UiTM telah dikesan pada 9 Mei 2023, pihak Kementerian telah mengarahkan pihak UiTM mengambil tindakan pembetulan segera serta melaksanakan siasatan dalaman bagi mengenalpasti punca insiden tersebut, seterusnya menyediakan laporan lengkap berkaitan insiden yang berlaku.

2. Hasil siasatan dan maklum balas daripada pihak UiTM, insiden kebocoran data nombor kad pengenalan serta alamat emel 11,891 data pemohon UiTM yang berlaku pada 9 Mei 2023 tidak berkaitan dengan sebarang kegagalan alat perlindungan keselamatan ICT yang berada di UiTM. Ia berpunca daripada kecuaian kakitangan yang telah meletakkan pautan fail tanpa kawalan keselamatan yang sewajarnya.

3. Manakala di peringkat universiti sendiri, sebuah Jawatankuasa Pengumpulan Maklumat UiTM telah ditubuhkan berikutan insiden tersebut. Jawatankuasa ini mengumpul maklumat berhubung insiden keterdedahan data peribadi pemohon lepasan SPM bagi Program Asasi TESL UiTM melalui kaedah temu bual dan semakan dokumen bagi mengenalpasti punca berlakunya insiden, kelemahan, ketidakpatuhan kepada peraturan sedia ada serta cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi mengelakkan insiden sama berulang kembalin.

4. Malah, pelaksanaan program-program kesedaran keselamatan ICT akan dipertingkat dan dipergiat lagi oleh pihak universiti bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga UiTM berkaitan peranan serta tanggungjawab warga di dalam memastikan kepentingan melindungi data peribadi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

TARIKH : 22 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.86

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah segera dan jangka masa panjang bagi menarik minat anak-anak muda lepasan sekolah menengah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini sentiasa berusaha untuk menarik minat pelajar menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Antara **langkah-langkah segera** yang dilaksanakan adalah melalui pelbagai promosi dan program seperti:

    i. **Program Jom Masuk U** melibatkan zon terpilih seluruh Negara yang mensasarkan pelajar, kaunselor sekolah, guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat. Program *Signature* Kementerian ini dilaksanakan setiap tahun,

    ii. **Program *Outreach*** melibatkan lokasi terpilih di seluruh Malaysia yang mensasarkan pelajar di sekolah luar bandar, B40 dan Orang Asli, dan

    iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT** antaranya melalui platform Facebook, Instagram, Youtube dan TikTok.

2. Selain itu, antara **usaha berterusan dan strategi jangka masa panjang** kementerian dalam menarik minat dan mempermudah proses menyambung pengajian adalah:

i. Menyediakan empat (4) Laluan Khas bagi kemasukan ke IPTA dan ILKA menerusi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Atlet.

ii. Menanggung sepenuhnya kos sebanyak RM15.00 sebagai **Bayaran Proses UPUOnline®** bagi mendapatkan Unik ID.

iii. Memperkenal sistem **pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal** yang memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti pengajian dari rumah atau dari kampus tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas. Melalui usaha ini, pelajar boleh menyusun aktiviti dengan lebih fleksibel. Sebanyak **95** Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada **19 UA** bersedia melaksanakan pembelajaran anjal **bermula tahun ini** bagi kemasukan **Sesi Akademik 2023/2024.**

iv. **Dalam konteks pembiayaan dan insentif**, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar daripada segi kewangan untuk persediaan awal **sebelum mendaftarkan diri ke IPT.**

v. Melaksanakan pengurangan tempoh pengajian sebahagian **Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada empat (4) tahun kepada hanya tiga (3) tahun** sahaja. Setakat ini, sebanyak **44** program pengajian dari sembilan **(9) UA** yang telah dikenalpasti. Melalui inisiatif ini, pelajar akan dapat mengurangkan perbelanjaan dari segi yuran pengajian dan kos sara hidup selain memohon pekerjaan lebih awal dan dapat membantu meningkatkan sosioekonomi keluarga.

vi. **Memperluas Program SULUNG kepada 20 UA** yang menyediakan peluang kepada anak-anak **golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga** berjaya memasuki mana-mana bidang pengajian di Universiti Awam. Calon yang terpilih akan menerima pelbagai manfaat seperti pengecualian yuran pengajian dan penginapan serta peluang mengikuti program-program yang dapat membangunkan kemahiran insaniah mereka sehingga tamat pengajian di UA.

vii. **Meneruskan Program Dermasiswa B40 TVET** bagi pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA telah dilaksanakan sejak tahun 2022.

3. Kesimpulannya, pihak kementerian akan terus mempergiat usaha secara berterusan untuk terus menarik minat pelajar lepasan sekolah agar mereka teruja dan memandang serius kepentingan melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 22 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.100

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pengambilan pelajar melalui saluran terbuka universiti awam mengkompromi penempatan pelajar melalui saluran UPU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengambilan pelajar melalui saluran terbuka universiti awam **tidak menjejaskan** penempatan melalui saluran UPUOnline®. Ini disebabkan, pengambilan secara saluran terbuka adalah secara *over and above* syarat khas program pengajian yang ditawarkan, di mana hanya **pelajar yang benar-benar cemerlang dan bekemampuan sahaja** membuat permohonan ke saluran terbuka Universiti Awam ini. Setakat ini sebanyak 12 Universiti Awam yang melaksanakan *private Wing* (saluran terbuka).

2. Melalui UPUOnline, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi namun kejayaan pelajar mendapat tempat di IPTA bukan hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi bergantung kepada kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, **bilangan tempat yang disediakan** serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.

3. Sehubungan itu, KPT juga tidak menghalang pelajar yang ingin menyambung pelajaran melalui saluran terbuka Universiti Awam mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan bidang yang diminati pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 22 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.110

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah agresif dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memperkasakan TVET dan institusi pengajian di negara ini dalam berhadapan dengan ancaman teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menambah baik perkhidmatan dan sistem penyampaian pendidikan institusi di bawah seliaan KPT dengan cara memastikan kurikulum pengajian dan kandungan kursus dikemaskini, memperkasa kebolehupayaan peralatan teknikal dalam pengajaran dan pembelajaran serta menawarkan infrastruktur ICT yang selari dengan perkembangan teknologi digital terutamanya makmal-makmal dalam bidang TVET.

2. Berkaitan dengan ancaman teknologi AI, cabaran ini diambil secara positif dengan menggalakkan penggunaan secara betul teknologi AI di dalam proses Pengajaran oleh Tenaga Pengajar, dan Pembelajaran oleh para Mahasiswa. Nota Panduan (*Advisory Note*) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkaitan penggunaan teknologi Generatif AI diambil sebagai rujukan oleh universiti, politeknik dan kolej komuniti.

3. Selain itu, pelbagai inisiatif turut diperkenal bagi memastikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sentiasa bersedia menghadapi ledakan teknologi terkini seperti teknologi kecerdasan buatan (AI).

4. Antara inisiatif tersebut adalah pelaksanaan sepuluh (10) program Flagships di sepuluh (10) Institusi berlandaskan Teknologi 4IR, penggunaan *cloud*

computing dalam sistem pengurusan pembelajaran (LMS) serta latihan kepakaran pensyarah dalam teknologi 4IR.

5. Kesemua inisiatif ini akan dikawalselia oleh Jawatankuasa TVET DIGITAL dan penambaikan kurikulum melalui pemetaan kurikulum kepada 4IR *Pillars* telah dilaksanakan.

6. Selain itu, proses pentaksiran di dalam program pengajian juga dipelbagaikan sesuai dengan bidang dan kemahiran TVET dalam bentuk Pentaksiran Alternatif (*Alternative Assessments*) dengan merujuk dokumen berkaitan Pentaksiran Alternatif oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

7. Secara tuntasnya, KPT bukan sahaja menitikberatkan kurikulum dan kandungan kursus yang terkini dan menepati teknologi 4IR, malah sentiasa memastikan pendidikan yang ditawarkan adalah menepati perkembangan semasa dan keperluan industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.28

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kolej swasta yang beroperasi di negara ini dan apakah strategi Kementerian bagi memastikan kesinambungan kolej-kolej tersebut terutamanya kolej yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Mei 2023, terdapat sejumlah 302 buah kolej swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan beroperasi di seluruh negara.

2. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu kelangsungan operasi IPTS terutamanya selepas fasa pandemik COVID-19, antaranya:
   a. **Pertama**, **memberi kelongggaran kepada IPTS untuk membuat pengambilan pelajar secara bersyarat** menggunakan keputusan ramalan SPM;

   b. **Kedua**, **meningkatkan sokongan kewangan pelajar** melalui kemudahan pinjaman pendidikan kepada kategori B40 dan M40 (M1) serta pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) kepada pelajar kategori B40;

   c. **Ketiga**, **pelanjutan galakan cukai mulai tahun taksiran 2022 sehingga 2025 bagi syarikat yang menaja biasiswa pelajar**; dan

   d. **Keempat**, **memperluas insentif pengkomersialan** *Research and Development* (R&D) kepada syarikat (termasuk IPTS) yang berstatus R&D melalui Bajet 2021. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.38

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tercicir daripada menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian memandang serius isu ini dan sentiasa berusaha untuk menarik minat pelajar dan meningkatkan jumlah kemasukan ke IPT.

2. **Dari segi akses dan permohonan,** KPT sentiasa mengkaji semula dan menambah baik pelbagai proses dalam usaha memudah dan memaksimumkan akses ke pendidikan tinggi. Antaranya, selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meringankan beban rakyat dan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi, **kos Bayaran Proses UPUOnline® sebanyak RM15.00 untuk mendapatkan Unik ID ditanggung sepenuhnya** oleh KPT.

3. Di peringkat **pemilihan pelajar ke IPTA dan ILKA,** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) **menyediakan empat (4) Laluan Khas kemasukan** untuk Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), golongan B40, Orang Asli, dan Atlet. Pemilihan pelajar di bawah kesemua laluan khas ini memerlukan mereka bersaing dalam kelompok mereka sendiri dan hanya perlu melepasi syarat am dan syarat khas program seperti ditetapkan oleh universiti yang dipilih.

4. **Dalam konteks pembiayaan dan insentif** terutamanya kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan **kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar dalam aspek kewangan untuk persediaan awal sebelum mendaftarkan diri ke IPT.

5. Selain itu, KPT juga telah **melancarkan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) pada tahun 2022.** Menerusi inisiatif SULUNG ini, peluang dan pembiayaan penuh kepada anak-anak golongan B40 yang **cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya memasuki universiti** dapat dipertingkat melalui pelaksanaan kemasukan Laluan Khas SULUNG ke 8 buah Universiti Awam (UA) perintis SULUNG pada Sesi Akademik 2022/2023.

6. **Pelaksanaan kemasukan Laluan Khas SULUNG ini akan diperluas kepada 20 UA pada Sesi Akademik 2023/2024 kepada seramai 10 ribu orang pelajar yang merupakan wakil pertama dari keluarga B40 yang berjaya masuk ke universiti.**

7. Malah, KPT telah melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi membantu pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022.

8. Selain itu, KPT turut **memperkenalkan 5 Pusat Asasi TVET** yang akan beroperasi pada tahun ini melibatkan 5 buah politeknik yang akan bekerjasama dengan MTUN di seluruh negara.

9. Kementerian juga telah bersetuju untuk:

    a. Melaksanakan sistem pengajian anjal yang memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti pengajian di rumah dan kampus secara hibrid; dan

    b. Memendekkan tempoh pengajian program yang bersesuaian daripada empat (4) tahun ke tiga (3) tahun.

10. Secara keseluruhannya, isu keengganan pelajar lepasan SPM untuk mengikuti pendidikan tinggi memerlukan perhatian dan tindakan secara kolektif dari semua pihak di pelbagai peringkat.

11. Bagi pihak KPT, Kementerian akan terus memberi perhatian kepada perkara ini dan mencari jalan untuk terus menarik minat pelajar lepasan SPM agar mereka teruja dan memandang serius kepentingan melanjutkan pengajian ke peringkat Pendidikan Tinggi.

12. KPT juga akan berbincang dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kementerian-kementerian lain yang berkaitan dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.55

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar berkeperluan yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang tinggi di luar kampus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa peka dan mengambil berat keperluan semasa pelajar, terutamanya bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa luar kampus terpelihara.

2. Dalam hal ini, Kementerian telah **melancarkan inisiatif Rumah Siswa pada tahun 2021** yang turut merangkumi elemen **penubuhan Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (UPLK) di setiap Universiti Awam (UA), pelancaran Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan pembangunan Portal Rumah Sewa Siswa (RSS)**.

3. Kementerian juga telah menyarankan agar pihak UA menerusi UPLK terus menyantuni mahasiswa yang berkeperluan di luar kampus agar sebarang cabaran terutama berkenaan dengan kos sara hidup yang dihadapi oleh mereka dapat sentiasa dibantu dan dipermudahkan. UPLK juga pada masa yang sama bertindak sebagai pihak yang menjalankan rundingan dengan pemilik-pemilik rumah sewa agar kadar sewaan yang dikenakan adalah dalam lingkungan mampu sewa bagi pelajar mengikut lokaliti UA masing-masing. Mahasiswa juga dinasihatkan untuk sentiasa berhubung dengan pihak UPLK di UA masing-masing bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dalam mendepani cabaran ini.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus pula menjadi panduan untuk pihak IPT mentadbir, menyelaras dan menguruskan segala keperluan, maklumat, pembangunan serta hal ehwal berkaitan kebajikan mahasiswa luar kampus, terutama mereka yang menetap di rumah sewa supaya lebih teratur dan holistik.

5. Manakala Portal Rumah Siswa merupakan platform yang menghubungkan pelajar sebagai penyewa dengan pemilik premis, mendapatkan khidmat nasihat serta memudah cara proses pencarian bilik atau rumah sewa di sekitar kampus pada harga kompetitif. Pembangunan Portal ini juga memudahkan pencarian premis sewaan di sekitar kawasan kampus oleh para mahasiswa.

6. Pihak universiti juga turut mengambil **inisiatif pembukaan *dorm* di kolej kediaman dalam kampus serta penambahan kapasiti pelajar di dalam setiap unit bilik di kolej kediaman yang boleh menambah kapasiti pelajar yang menginap di dalam kampus**.

7. Malah, kementerian sentiasa menggalakkan pengurusan UA agar terus proaktif dalam meneroka **alternatif penyediaan kemudahan penginapan kepada mahasiswa seperti rundingan dengan pihak pemaju hartanah bagi konsep *en-bloc rental* dan pelaksanaan projek pembangunan kolej kediaman secara *Private Finance Initiatrive* (PFI)**.

8. Dalam perkara berkaitan, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM88,618,500.00 bagi **projek baik pulih atau naik taraf asrama atau kolej kediaman pelajar** dan meluluskan sejumlah RM261,198,000.00 bagi Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiatives*) PFI pembangunan asrama pelajar di UA dalam *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia ke-12 tahun 2023.

9. Kesimpulannya, KPT akan terus komited dalam memberikan usaha terbaik agar mahasiwa luar kampus sentiasa mendapat kediaman yang selamat, mampu milik dan kondusif selari dengan aspirasi menjamin kesejahteraaan dan kebajikan mahasiwa di institusi pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NORAINI BINTI IDRIS

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.72

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan bagi penangguhan bayaran semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah diluluskan setakat 31 Mei 2023 dan apakah bentuk pemudah cara yang disediakan oleh PTPTN bagi menggalakkan peminjam berstatus penganggur bermusim untuk melakukan bayaran semula secara berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan pengumuman Belanjawan 2023, sehingga 31 Mei 2023, PTPTN telah menerima permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman daripada seramai 10,700 orang peminjam. Daripada jumlah tersebut:

    i. seramai 9,822 orang peminjam telah diluluskan penangguhan bayaran,

    ii. seramai 868 orang peminjam tidak diluluskan penangguhan bayaran atas sebab berpendapatan lebih RM1,800 sebulan, dan

    iii. seramai 10 orang peminjam telah membatalkan permohonan penangguhan bayaran mereka.

2. Pada masa ini, antara inisiatif dan insentif yang sedang dilaksanakan oleh PTPTN untuk menggalakkan serta menarik peminjam untuk membuat bayaran balik mengikut kemampuan, adalah menerusi:

    i. **Kemudahan penstrukturan dan penjadualan semula** bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam;

ii. **Pemberian insentif diskaun bayaran balik** pinjaman sebagaimana diluluskan di bawah Belanjawan 2023 (telah berakhir pada 31 Mei 2023 yang lalu); dan

iii. **Menyediakan pelbagai saluran atau kaedah bayaran balik** bagi memudahkan peminjam untuk membuat bayaran balik seperti melalui kemudahan kaunter PTPTN di seluruh negara, potongan gaji majikan, secara debit terus *(auto-debit)* bank, kemudahan perbankan internet, secara dalam talian, serta pelbagai saluran terkini yang mudah diakses oleh peminjam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ISAIAH A/L D JACOB

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.86

TUAN ISAIAH A/L D JACOB minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi tajaan penuh kepada pelajar yang layak untuk menyambung pengajian ke tahap ijazah sarjana (Master) dan doktor falsafah (PhD) untuk golongan sasaran OKU berkategori B40 dan M40 bagi membolehkan golongan sasaran ini mampu menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kemajuan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan hala tuju untuk memperkasa pendidikan tinggi negara, buat masa ini Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menawarkan pembiayaan kepada pelajar dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan termasuklah kepada pelajar-pelajar kurang upaya (OKU) untuk menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian.

2. Pelajar-pelajar OKU bukan sahaja berpeluang untuk mendapat penajaan berdasarkan merit, malah KPT turut menyediakan **bantuan kewangan pendidikan yang dikhususkan kepada golongan OKU sahaja iaitu Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Program Pendidikan Khas (PPK)**. Melalui program-program ini, pelajar OKU berpeluang untuk melanjutkan pengajian daripada peringkat Sijil sehingga ke peringkat PhD.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.102

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang pendekatan dalam mengembalikan program biasiswa MyBrain kepada pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah. Apakah pelan tindakan termasuk alternatif yang telah diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berpandangan terdapat keperluan Program *MyBrain* diteruskan.

2. Mengambil kira potensi program *MyBrain15* dalam melahirkan intelektual dan pakar bagi menyokong matlamat kesejahteraan pembangunan negara, KPT telah mengambil inisiatif mengemukakan permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan* 4 RMKe-12 supaya program ini dapat ditawarkan semula mulai tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ISAIAH A/L D JACOB

TARIKH : 26 JUN 2023 (ISNIN)

SOALAN 105

TUAN ISAIAH A/L D JACOB minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendidikan vokasional telah mengatasi subjek-subjek sektor profesional sehingga golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peratusan terendah dalam sektor korporat. Bagaimanakah Kementerian akan mengatasi masalah ini untuk membantu golongan OKU dalam pendidikan profesional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin akan keperluan pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi termasuk dalam bidang TVET dan profesional.

2. Melalui politeknik misalnya, usaha menggalakkan lebih ramai pelajar OKU mengikuti pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti telah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang **menawarkan 15 Sijil Pendidikan Khas dalam pelbagai bidang** antaranya fotografi, jahitan kreatif, landskap, teknologi maklumat, hotel dan katering serta penyenggaraan mekanikal.

3. Malah, kementerian juga telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya Promosi berfokus Politeknik dan Kolej Komuniti terlibat bersama Sekolah Pendidikan Khas.

4. Selain itu, Kementerian melalui JPPKK juga telah menubuhkan **Jawatankuasa Pendidikan Orang Kurang Upaya (JPOKU)** bermula November 2021 yang berperanan menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar dan hala tuju pendidikan OKU di Politeknik dan Kolej Komuniti. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah mendapatkan input dan maklum balas melalui sesi libat urus untuk

mengenalpasti isu dan cabaran di semua institusi di bawah JPPKK dalam aspek pengurusan serta pengoperasian pendidikan OKU.

5. Susulan daripada penubuhan JPOKU JPPKK dan sesi libat urus tersebut, JPPKK **sedang membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan OKU JPPKK bagi 5 tahun (2023-2027)** bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.42

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pendedahan Sustainable Development Goals (SDG) dalam kalangan pelajar memandangkan ia boleh memberi impak positif kepada cara pemikiran yang holistik dan berfikiran global yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran (skill) abad ke-21 yang amat diperlukan oleh para graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sentiasa menyokong usaha Kerajaan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari menjelang tahun 2030.

2. Dalam konteks ini, KPT telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti program *Service-Learning Malaysia – University for Society* (SULAM) dan penekanan kepada *Education for Sustainable Development* atau ESD sebagai pemboleh daya utama dalam mencapai *Sustainable Development Goals* (SDG).

3. Matlamat Pembangunan Lestari ini turut disokong dengan pembangunan program akademik baharu yang dilaksanakan secara konsisten, semakan kurikulum secara berkala serta pemetaan program akademik. Antara usaha lain yang dijalankan diperingkat IPT adalah melalui:

    i. Integrasi Kurikulum *(Curriculum Integration).*
    ii. Kajian dan Inovasi *(Research and Innovation)*.
    iii. Inisiatif Kelestarian Kampus *(Campus Sustainability Initiatives)*.
    iv. Kempen Kesedaran dan Jangkauan *(Awareness Campaigns and Outreach).*
    v. Perkongsian dan Rangkaian *(Partnerships and Networks).*

vi. Etika dan Pendidikan Kewarganegaraan Global (*Ethical and Global Citizenship Education).*

4. Selain itu, di peringkat **Universiti Awam (UA)**, pembudayaan *Sustainable Development Goals* dalam kalangan pelajar universiti turut dijalankan melalui langkah-langkah seperti:

   a) Penubuhan unit-unit kelestarian seperti Pusat Hijau di UiTM atau lebih dikenali sebagai *UiTM Green Centre* (UGC) dan *Institute for Biodiversity and Sustainable Development* (IBSD).

   b) Di **UKM** pula, terdapat usaha pemetaan 17 elemen SDG kepada sistem utama Universiti bagi memudahkan perolehan maklumat dan data yang dikehendaki melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP), Sistem Integrasi Bakat, Aktiviti dan Resume Pelajar (I-Star).

   c) **UTM** pula menyediakan keperluan SDG dalam setiap *outcome* PO akademik melibatkan subjek teras, umum dan elektif. Antaranya melalui program signature UTM seperti "*Sustainable Entrepreneurial Mindset Showcase*".

   d) **UPSI** dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak turut menjadi perintis program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 juta pokok melibatkan 3,200 mahasiswa baharu di mana mereka yang terpilih menanam satu pokok bermula seawal semester satu dan memantau tumbesaran pokok tersebut sepanjang berada di IPT melalui aplikasi peranti mudah alih "Penghijauan Malaysia".

5. Secara keseluruhannya, KPT melalui IPT khususnya sentiasa berusaha memupuk pengetahuan dan kesedaran tentang SDG dalam kalangan pelajar IPT melalui penerapan SDG di dalam kurikulum, kajian akademik dan inovasi serta amalan kelestarian di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NORAINI IDRIS

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.73

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang telah dipersiapkan oleh pengurusan pangkalan data di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi meningkatkan tahap keselamatan penyimpanan maklumat peribadi yang melibatkan warga kerja, pelajar, graduan serta pemohon baru rentatan daripada kes kebocoran hampir 12,000 maklumat peribadi pemohon Universiti Teknologi Mara (UiTM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mempunyai perjawatan teknikal ICT atau unit khusus bagi memantau keselamatan data serta sistem ICT di sesebuah institusi. Perolehan perkakasan serta perisian bagi melindungi tahap keselamatan dan dan sistem ICT oleh setiap IPTA dilaksanakan serta ditambah baik dari semasa ke semasa.

2. Merujuk kepada insiden yang berlaku di UiTM, hasil siasatan mendapati insiden tersebut bukan berpunca daripada kegagalan alat perlindungan keselamatan ICT yang berada di UiTM. Ia berpunca daripada kecuaian kakitangan yang telah meletakkan pautan fail yang mengandungi semua maklumat data pemohon tanpa sebarang katalaluan serta kawalan keselamatan yang lain.

3. Antara langkah proaktif yang dilaksanakan oleh IPTA bagi meningkatkan tahap keselamatan penyimpanan maklumat peribadi yang melibatkan warga kerja, pelajar, graduan dan pemohon baharu adalah:

    i. menghadkan akses pegawai teknikal ke pangkalan data warga kerja, pelajar, graduan dan pemohon baharu. Hanya Pentadbir Pangkalan Data dan Pentadbir Sistem berkenaan sahaja yang mempunyai akses ke atas pangkalan data pelajar dan pangkalan data warga kerja.

ii. Mengadakan kawalan keselamatan secara *Remote Access* ke atas Server Pangkalan Data. Akses ke server pangkalan data adalah secara intranet sahaja.

iii. Pegawai berkaitan perlu berada dalam rangkaian IPTA untuk membolehkan akses ke server pangkalan data. Sekiranya di luar rangkaian IPTA, pentadbir pangkalan data dan sistem hanya boleh mengakses pangkalan data menggunakan rangkaian yang selamat (*secure connection*) menerusi protokol rangkaian yang selamat iaitu *Secure Socket Shell (SSH)* dan *Secure File Transfer Protocol (SFTP).*

4. Hanya pentadbir pangkalan data sahaja dibenarkan untuk akses ke sistem pengoperasian server (*OS level*) bagi memastikan tiada perubahan konfigurasi dilaksanakan ke atas server selain pentadbir pangkalan data bagi mengelak berlaku pencerobohan konfigurasi server seterusnya menyebabkan risiko berlaku aktiviti penggodaman (*hacking*).

5. Server pangkalan data juga dilindungi oleh perimeter fizikal keselamatan ICT iaitu dilengkapi dengan peralatan perkakasan ICT seperti *firewall* dan *Intrusion Prevention Sistem (IPS)* untuk mengelakkan berlaku risiko aktiviti penggodaman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.79

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada tahap kemampanan kursus atau program yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menepati permintaan serta keperluan semasa pasaran buruh negara.

JAWAPAN

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan tahap kemampanan program yang ditawarkan di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dapat melahirkan graduan yang menepati permintaan serta keperluan semasa pasaran buruh negara.

2. Antara langkah yang diambil untuk memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti tinggi adalah:

    i. melaksanakan transformasi pendidikan tinggi melalui semakan semula kurikulum program akademik.

    ii. memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang meangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik.

    iii. Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i (‘u’ merujuk kepada IPT, ‘i’ merujuk kepada industri).

3. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agenc*y, MQA) juga secara konsisten melaksanakan penilaian akreditasi program yang akan ditawarkan dan memastikan pembangunan kurikulum program mendapat input pihak industri bagi memenuhi keperluan industri.

4. Dalam usaha untuk memastikan IPT membangunkan kurikulum program yang berkualiti, MQA juga telah membangunkan standard program sebagai salah satu dokumen jaminan kualiti yang wajib dipatuhi oleh IPT. Dokumen ini menggariskan tujuh (7) bidang kualiti yang perlu dipatuhi sebelum program diakredit. Sehingga kini, terdapat 26 Standard Program dalam pelbagai bidang utama telah dibangunkan dan dibentuk secara bersama dengan pakar bidang dari kalangan ahli akademik dan pengamal industri.

6. Pembangunan standard program turut melibatkan konsultansi daripada IPT awam dan swasta, kementerian dan badan berkanun berkaitan, badan profesional, industri berkaitan dan pelajar. Selaras dengan perkembangan ilmu dan industri, semakan semula terhadap standard program dilaksanakan secara berkala untuk mengekalkan kerelevenan kandungannya.

7. Selain itu, setiap IPT dituntut untuk memastikan kualiti program yang telah diakredit sentiasa dipelihara dan ditambah baik. MQA akan melaksanakan semakan kualiti terhadap program di IPT secara berkala antara tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa dikemaskini berdasarkan kepada perkembangan dan keboleh pasaran semasa.

8. Dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif yang dinyatakan ini, jelas bahawa Kementerian ini komited untuk memastikan tahap kemampanan kursus atau program yang ditawarkan di IPT menepati permintaan serta keperluan semasa pasaran buruh negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.89

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan menyatakan berapa ramai graduan yang telah mendapat pekerjaan melalui portal "Graduates Reference Hub for Employment and Training" (GREaT) dan sejauh mana keberkesanan portal ini dalam memberi peluang pekerjaan dan latihan kepada para graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kadar kebolehpasaran graduan peringkat nasional bagi tahun 2022 ialah **90.2 peratus iaitu seramai 266,863 orang telah bekerja**. Kadar ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus berbanding 85.5 peratus pada tahun 2021 bagi tempoh enam bulan selepas graduan menamatkan pengajian.

2. Laman portal Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* (GREaT) merupakan portal sehenti bagi graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pekerjaan, program dan tips untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

3. Melalui portal ini, graduan boleh mengakses ke pelbagai platform pekerjaan utama yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan juga swasta seperti Perkeso, Khazanah Nasional, Protégé, TalentCorp, Jobstreet, LinkedIn dan lain-lain lagi. Antara lain, portal ini juga menyediakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja dengan kerjasama PERKESO melalui padanan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui Portal *MyFutureJobs* di bawah seliaan PERKESO.

4. KPT juga telah membangunkan Modul *Jobmatching*@GREaT yang merupakan suatu inisiatif pengumpulan data berkaitan permintaan dari industri atau agensi kerajaan dengan kerjasama perkongsian data graduan KPT bagi keperluan pasaran buruh negara. Platform ini memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan.

5. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam SKPG yang dikawal selia oleh kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.93

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah institusi pengajian tinggi swasta yang sedang beroperasi di seluruh negara tetapi masih belum menerima pensijilan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) swasta gagal untuk mendapatkan pensijilan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) merupakan badan jaminan kualiti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang ditubuhkan berdasarkan kepada Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].

2. MQA dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan akreditasi ke atas program dan kelayakan pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia berasaskan penekanan kepada pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan piawaian program yang berkaitan.

3. Sehingga 30 Mei 2023, sejumlah 404 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] di Malaysia. Daripada 404 buah IPTS, sebanyak 57 buah IPTS bertaraf universiti, 35 buah kolej universiti, 10 buah kampus cawangan luar negeri dan 302 buah kolej.

4. IPTS yang berhasrat untuk menawarkan program pendidikan tinggi perlu melalui proses permohonan dan penilaian **akreditasi sementara** oleh MQA terlebih

dahulu sebelum diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk penawaran program.

5. IPTS kemudiannya bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan **akreditasi penuh** kepada MQA setelah pelajar kohort pertama berada di tahun akhir pengajian. Program yang telah lulus akreditasi penuh akan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) untuk rujukan semua pihak.

6. Sehingga kini, keseluruhan **17,972 program** meliputi tahap Kursus Asas sehingga Ijazah Kedoktoran telah disenaraikan di MQR dan mendapat nilai Taraf Perkhidmatan Awam (yang berkaitan) dan daripada jumlah tersebut, jumlah program aktif adalah sebanyak **10,501 program.** Bagi program yang telah melalui penilaian MQA dan mendapat Akreditasi Sementara pula adalah sebanyak **2,337 program.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua,

7. MQA menilai kualiti program pengajian di IPTS dari segi pematuhan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF), Kod Amalan, standard dan standard program serta dasar/polisi yang berkuatkuasa, agar penawaran program menepati keperluan semasa.

8. Faktor-faktor utama yang menyebabkan program pengajian ditolak/ditarik balik Akreditasi Penuh di antaranya adalah seperti berikut:

    i. Tidak memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
    ii. Ketidakpatuhan terhadap keperluan Kod Amalan, Standard dan Standard Program.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

TARIKH : 27 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN NO.112

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan taraf universiti awam ke persada antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan taraf universiti awam ke persada antarabangsa adalah:

    a. KPT terus berusaha untuk memperkukuh kedudukan UA di peringkat antarabangsa dengan memperbanyakkan program kerjasama atau *partnership* dan kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia seperti Top 100 atau Top 50 universiti melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara program yang terlibat ialah melalui program kerjasama "*Malaysia Partnership and Alliances in Research*" (MyPAIR) dengan negara-negara kerjasama seperti Jepun, United Kingdom, Sepanyol dan Perancis. Malah, hubungan jaringan kerjasama dengan negara baharu seperti Amerika Syarikat dan China turut diadakan.

    b. KPT juga telah membangunkan sistem penilaian penyelidikan yang dinamakan *Malaysia Research Assessment* (MyRA). Instrumen penilaian dalam sistem ini telah dijajarkan dengan kriteria *QS World University Rankings* dan ia berfungsi untuk mengukur aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I) bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Sistem ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa.

2. Adalah diharapkan dengan usaha ini universiti awam di Malaysia akan terus berdaya saing di peringkat antarabangsa. Langkah ini secara tidak langsung berupaya meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) selaras dengan matlamat yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA
DEWAN NEGARA
TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

SOALAN NO.55

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar mengikut kaum dalam bidang perubatan dan pergigian di universiti awam di negara ini.

JAWAPAN

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2022, jumlah keseluruhan **pelajar warganegara Malaysia yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan dan pergigian di Universiti Awam (UA)** adalah seramai 15,232 orang.

2. Daripada jumlah tersebut, untuk tahun 2022, jumlah **pelajar warganegara Malaysia yang mengambil jurusan perubatan** adalah seramai 12,912 orang dengan pecahan berikut:

    a. Bumiputera seramai 8,387 pelajar dan;

    b. Bukan Bumiputera seramai 4,525 pelajar.

3. Pada tahun 2022 juga, jumlah **pelajar warganegara Malaysia yang mengambil jurusan pergigian** adalah seramai 2,320 orang dengan pecahan berikut:

    a. Bumiputera seramai 1,810 pelajar dan;

    b. Bukan Bumiputera seramai 510 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA

SOALAN NO.79

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan kad MySiswa dan adakah benar semua pelajar yang menuntut pengajian di universiti awam diwajibkan untuk mengaktifkan kad MySiswa yang dilaksanakan oleh RHB. Jika ya, apakah rasional tindakan ini memandangkan tidak semua pelajar dan universiti menggunakan akaun RHB sebagai medium utama transaksi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif Kad Prihatin Siswa (KPS) merupakan salah satu usul yang telah dikemukakan oleh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) kepada YAB Perdana Menteri pada 30 Jun 2020.

2. Melalui inisiatif ini, terdapat elemen penyeragaman dalam mekanisme pengenalan identiti mahasiswa universiti awam. Malah mahasiswa akan mendapat kad matrik pelajar pelbagai guna yang turut berfungsi sebagai:

    i. kad debit bank,
    ii. kad tawaran promosi/diskaun,
    iii. kad bagi penyaluran kemudahan pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dan
    iv. kad yang memberi aksesibiliti kepada kemudahan dalam kampus.

3. Bagi memastikan tadbir urus yang cekap dan amalan governans yang baik, kementerian ini telah mengadakan sesi taklimat dan ekesais *Request for Proposal* (RFP) pada 1 dan 8 Oktober 2020 dengan melibatkan Sembilan (9) buah bank, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Affin Bank Berhad, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, CIMB, Maybank, RHB Islamic Bank, Ambank dan Bank Muamalat.

4. KPT juga telah menubuhkan 2 peringkat Jawatankuasa bagi proses saringan dan meneliti tawaran dari pihak bank, iaitu Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pemilihan. Jawatankuasa Penilaian yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) telah bersidang pada 16 Disember 2020 dan Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) pula telah bersidang pada 22 Disember 2020 bagi mempertimbangkan tawaran yang diterima, seterusnya mengesyorkan cadangan rakan strategik bagi pelaksanaan ini. Untuk makluman juga, keahlian kedua-dua Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh wakil PTPTN dan wakil Universiti Awam (UA).

5. Seterusnya, syor dari hasil keputusan kedua-dua jawatankuasa ini telah dipanjangkan kepada semua UA agar diteliti, dibincangkan dan diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU).

6. Malah, KPT turut mewujudkan dua (2) jawatankuasa peringkat kerja iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perundangan bagi melancarkan gerak kerja penyelarasan aspek teknikal pelaksanaan serta pembangunan draf perjanjian. Selanjutnya draf perjanjian yang telah dimurnikan, *timeline* pelaksanaan dan kertas pertimbangan telah dipanjangkan kepada semua UA pada 22 November 2021 supaya dapat diteliti dan diangkat untuk pertimbangan serta kelulusan LPU.

7. Hasilnya, perjanjian kerjasama antara pihak RHB Islamic Bank, UA, PTPTN dan Yayasan Kebajikan Siswa (YKS) telah dimeterai dan ditandatangani pada tahun 2022 setelah melalui kesemua proses tersebut secara telus.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembukaan akaun bank bagi semua mahasiswa yang terlibat dalam inisiatif ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada mereka. Mahasiswa juga tidak mempunyai keperluan untuk menghadirkan diri ke cawangan bank untuk membuka akaun kerana pihak RHB Islamic Bank yang datang ke kampus khusus bagi melaksanakan perkara tersebut.

9. Di samping itu, mahasiswa yang merupakan pemegang Kad Prihatin Siswa juga akan menikmati pelbagai manfaat menerusi tawaran dan diskaun yang disediakan oleh *merchants* yang terpilih. Pelaksanaan inisiatif ini juga menjadi pemangkin bagi transformasi ekosistem kewangan tanpa tunai di dalam kampus seiring dengan peredaran teknologi kewangan terkini.

10. Pada masa kini, proses dan gerak kerja bagi pelaksanaan inisiatif ini sedang giat dilaksanakan merangkumi sesi pengagihan dan pengaktifan Kad Prihatin Siswa di semua kampus UA yang dijangka selesai menjelang bulan Julai 2023.

11. Penyaluran kemudahan pinjaman Pendidikan PTPTN kepada mahasiswa pemegang Kad Prihatin Siswa telah dilaksanakan secara rintis di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada bulan Februari 2023. Seterusnya, penyaluran kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN bakal dilaksanakan sepenuhnya kepada semua mahasiswa UA menerusi platform Kad Prihatin Siswa bagi Sesi Akademik 2023/2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

SOALAN NO.111

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

(a) apakah statistik semasa bagi pendaftaran pelajar di institusi pengajian tinggi di bawah seliaan Kerajaan seperti kolej komuniti dan politeknik dan apakah kursus yang mencatatkan penurunan bilangan kemasukan pelajar; dan

(b) apakah tindakan Kementerian dalam mempromosikan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menggalakkan ramai lagi lepasan sekolah menengah untuk mendaftar dan menyambung pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. **Statistik enrolmen semasa** bagi pelajar di Politeknik adalah seramai 77,816 orang manakala di Kolej Komuniti pula adalah seramai 15,239 orang.

2. Antara bidang yang mencatatkan **penurunan bilangan kemasukan pelajar di Politeknik** adalah bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Petrokimia dan Teknologi Maklumat.

3. Manakala bidang yang mencatatkan **penurunan bilangan kemasukan yang signifikan di Kolej Komuniti** adalah bidang Teknologi Pembuatan dan Pembinaan, Teknologi Elektrik, Teknologi Automotif, Teknologi Maklumat dan Pelancongan & Hospitaliti.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelbagai inisiatif dan langkah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dalam **mempromosikan institusi-institusi pengajian tinggi** untuk menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menengah mendaftar dan menyambung pengajian. Antaranya adalah melalui:

i. **Program Jom Masuk U**.

- Program ini dilaksanakan setiap tahun melibatkan zon terpilih seluruh Negara yang mensasarkan pelajar, kaunselor sekolah, guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat.

- Program ini juga disertai 20 Universiti Awam (UA), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Empat (4) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), lebih 30 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terpilih serta agensi-agensi awam seperti Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Biasiswa KPT dan Agensi Kelayakn Malaysia (MQA).

- Bagi tahun 2023, **Program Jom Masuk U 2023** telah berjaya dilaksanakan di 6 zon seluruh negara yang telah dikunjungi oleh seramai **70,208** pengunjung. Bilangan pengunjung ini menunjukkan peningkatan sebanyak **28.60%** berbanding tahun **2022** iaitu sebanyak **54,595** pengunjung.

ii. **Program *Outreach*** melibatkan **lokasi terpilih di seluruh Malaysia** dengan kerjasama Universiti Awam selaku rakan strategik Kementerian yang mensasarkan pelajar di sekolah luar bandar, B40 dan Orang Asli.

iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT** antaranya melalui platform Facebook, Instagram, Youtube dan TikTok.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

SOALAN NO.140

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan Doktor Falsafah yang masih menganggur mengikut bidang pengajian.

JAWAPAN

1. Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), **bilangan graduan Doktor Falsafah pada tahun 2022** adalah berjumlah 2,872 graduan dengan peratusan 94.7% (2,721 graduan) menjawab kajian ini selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian.

2. Daripada jumlah tersebut, **seramai 143 graduan atau 5.3% masih belum bekerja. Tiga (3) bidang pengajian utama yang mencatatkan kadar tertinggi graduan yang belum bekerja pada tahun 2022** adalah:

    a. **Bidang Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar** merekodkan seramai 6 orang graduan atau 14.0% daripada 43 orang graduan;
    b. **Bidang Perniagaan, pentadbiran dan perundangan** merekodkan seramai 30 orang graduan atau 7.3% daripada 411 orang graduan; dan
    c. **Bidang Sains semulajadi, matematik dan statistik** merekodkan seramai 28 orang graduan atau 7.0% daripada 399 orang graduan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN NEGARA
MESYUARAT KHAS
KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KE-12
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15
TAHUN 2023
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

[20 HINGGA 26 SEPTEMBER 2023]

MESYUARAT KHAS
KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KE-12
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15
TAHUN 2023

UCAPAN PENGGULUNGAN

UCAPAN PENGGULUNGAN
PERBAHASAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-12
OLEH YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD YUSOF BIN APDAL
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
25 SEPTEMBER 2023

Tuan Yang Dipertua,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 10 orang Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam usul Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang menyentuh dan membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi.

2. Tanpa berlengah, saya akan terus menjawab satu persatu isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator minggu lalu.

3. **Pertama, YANG BERHORMAT SENATOR DATIN HAJAH ROS SURYATI**. Tiga (3) cadangan dan saranan yang baik daripada Yang Berhormat yang menyentuh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

4. Cadangan **pertama** adalah mengenai pelanjutan insentif pelepasan cukai taksiran kepada pendeposit SSPN selama 5 tahun sehingga tahun 2027. Cadangan **Kedua** mengenai insentif pelepasan taksiran cukai pendeposit SSPN dinaikkan dari RM8,000 kepada RM10,000. Cadangan **Ketiga** adalah mengenai siling had pendapatan bulanan pemberian insentif geran sepadan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM10,000 supaya lebih ramai menikmati inisiatif geran sepadan.

5. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan ini. Ketiga-tiga cadangan ini akan diteliti dan diperhalusi oleh kementerian khususnya PTPTN dan akan dibawa untuk perbincangan lanjut bersama Kementerian Kewangan (MOF).
6. Seterusnya mengenai persoalan tentang tindakan **senarai hitam imigresen kepada peminjam PTPTN.** Untuk makluman yang berhormat, pada Jun 2018, pelaksanaan pemutihan kepada peminjam yang telah disenarai hitam keluar negara oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah dilaksanakan. Pada masa ini, ianya kekal dan tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua,

7. **YANG BERHORMAT SENATOR TUAN JAZIRI ALKAF** membangkitkan beberapa persoalan mengenai **TVET**.

8. Sebelum saya pergi lebih jauh mengenai TVET, untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, **hanya 42% pelajar dan program TVET di negara kita dikendalikan dan berada di bawah KPT khususnya politeknik dan kolej komuniti.**

9. Sekalipun wujud **penurunan minat terhadap program TVET** di seluruh negara secara umumnya seperti yang disentuh juga oleh **YB SENATOR DATO' SIVARAJ**, permintaan dan kemasukan pelajar ke dalam program TVET di politeknik dan kolej komuniti di bawah KPT sebenarnya menunjukkan kemasukan yang konsisten dan berada pada tahap tertinggi sejak 3 tahun terkini.

10. Terdapat peningkatan bilangan enrolmen pelajar peringkat diploma bagi program TVET di bawah KPT berbanding kementerian dan agensi lain, iaitu 52.7% atau 85,535 pada tahun 2022 berbanding 45.3% atau 58,424 pada tahun 2021.

11. Terbaharu, kemasukan ke politeknik bagi Sesi 1: 2023/2024 adalah seramai **20,520 orang**, iaitu peningkatan **lebih 20%** berbanding sesi yang sama pada tahun 2022/2023 iaitu seramai **16,962.**

12. Bagi semua program TVET yang diuruskan oleh KPT (sama ada di politeknik atau pun MTUN), sebanyak **79.6% daripada tempat yang tersedia telah diisi** dengan jumlah enrolmen semasa mencecah kira-kira **144,816 pelajar** secara keseluruhannya.

13. Dalam konteks **fokus pendidikan TVET** di Kementerian, secara keseluruhannya, usaha sedang dipergiat untuk menambah beberapa penawaran program yang diselarikan dengan *New Industrial Masterplan* (NIMP) 2030 yang dinyatakan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-12. Ia merangkumi bidang-bidang terkini dan termaju. Misalnya, kemahiran dan pengendalian *medical devices* serta teknologi dalam disiplin kejuruteraan, elektrik dan mekanikal pembuatan.

14. Kementerian juga sememangnya mempunyai **rancangan dan sasaran terperinci khususnya kepada golongan anak muda** supaya dapat menceburi dalam bidang TVET khususnya di politeknik dan kolej komuniti melalui inisiatif perluasan akses seperti memudahkan syarat kelayakan kemasukan ke program TVET.

15. Seterusnya, penawaran program Asasi TVET yang telah ditawarkan di lima (5) buah Politeknik adalah memberangsangkan dengan 88.2% atau 441 daripada 500 tempat berjaya diisi. Selain itu, program Diploma Politeknik juga ditawarkan kepada semua lepasan ILKA yang berkelayakan, pengenalan

program ijazah Politeknik diperluas kepada lepasan Kolej Matrikulasi, STPM, STAM dan pusat asasi serta pelaksanaan kemasukan melalui APEL turut dijalankan.

16. Program TVET di Politeknik juga ada menyediakan laluan khas kemasukan kepada golongan rentan iaitu B40, OKU dan Orang Asli.

17. Terbaharu, KPT telah memulakan agenda pendigitalan dengan membangunkan apa yang dipanggil **POLI DIGITAL (2023 - 2027)** bagi **menarik lebih ramai golongan muda menyertai bidang TVET** khususnya di Politeknik dan Kolej Komuniti.

18. Di bawah **POLI DIGITAL** ini, KPT sedang melaksanakan beberapa perubahan besar. Ini termasuklah:

    a) **Mengubah pendekatan dan teknik pembelajaran serta pengajaran program TVET** agar lebih anjal, bersifat futuristik, digital dan mengguna pakai kelebihan teknologi serta inovasi seperti, dengan izin, *metaverse, future TVET classroom, augmented reality (AR), virtual reality (VR), APPLE Edu Classroom* dan *VXL Virtual Learning Experience Space.*

    b) **Memastikan graduan politeknik dilengkapi dengan kemahiran teknologi terkini** sekali gus bersedia menjadi bakat terbaik dalam bidang *high skill, high tech, high art.*

    c) **Membolehkan politeknik diperkasa sebagai hab dan inkubator keusahawanan digital** kepada masyarakat setempat.

    d) **Merancakkan penggunaan dan pemanfaatan Ledakan Teknologi Baharu** dengan menyediakan Student Digital Sandbox, 4IR Flagship dan konsep E-Rakyat iaitu Latihan kepada Komuniti melalui pemindahan teknologi.

19. Impak besar daripada agenda pendigitalan ini akan menyebabkan ekosistem dan program politeknik diberikan nafas baharu dan dilonjakkan secara radikal. Politeknik-politeknik di bawah KPT akan boleh berkongsi program pengajian sesama mereka.

20. Politeknik akan menjadi **pusat pengajian teknikal dan teknologi tercanggih**. Tempoh pengajian akan menjadi lebih **singkat**. Suasana pembelajaran dipacu pendekatan **kreatif lagi menyeronokkan**. **Penggunaan *gadjet* atau peranti teknologi** menjadi ciri utama. Dan latihan

kemahiran akan menggunakan pendekatan inovatif yang selari dengan minat dan kecenderungan **anak muda**

Tuan Yang di-Pertua,

21. Ekosistem TVET di bawah KPT adalah sistematik dan lengkap dengan **laluan akademik** yang tersusun. Ia dimulakan dengan tawaran peringkat sijil di Kolej Komuniti, Diploma di Politeknik dan Ijazah di universiti-universiti teknikal atau MTUN seluruh negara.

22. Paling menarik, laluan ini dilengkapkan dengan dasar yang membenarkan pemindahan kredit daripada Politeknik ke Universiti-Universiti Teknikal (MTUN). Dasar ini membolehkan pelajar lepasan Diploma dari Politeknik berpeluang untuk melanjutkan pengajian Ijazah di Universiti Teknikal seluruh negara dalam tempoh yang lebih singkat dengan melompat terus kepada tahun kedua, mengikut kesesuaian bidang yang diambil.

23. Selain itu, di peringkat **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),** usaha transformasi pendidikan TVET turut dilaksanakan dengan memperkenal **Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET**.

24. Antara fokus utama pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET adalah penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET melalui Prinsip Artikulasi TVET.

25. Melalui Prinsip ini, Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET ini dapat menambah fleksibiliti laluan pendidikan graduan aliran TVET sehingga ke peringkat Kedoktoran (PhD), memperkukuh laluan **pendidikan sepanjang hayat atau *Life Long Learning*** melalui pengiktirafan pengalaman kerja dan seterusnya memperkukuh reputasi laluan TVET agar setanding dengan laluan akademik.

26. Menyentuh mengenai **bantuan dan sokongan** kepada pelajar dan Pusat TVET pula, pelbagai program penajaan diwujudkan, antaranya:

a) **Biasiswa YBM Pendidikan Tinggi** untuk Pelajar Cemerlang Politeknik (Biasiswa YBMPT-PCP).

b) **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) k**epada pelajar golongan B40 Sijil Kolej Komuniti Sepenuh Masa.

c) **Program Dermasiswa B40 TVET KPT**, dan

d) **Bantuan Kewangan Asasi TVET** pelajar B40 dan M40.

27. Disamping itu, Kementerian giat dan sentiasa bekerjasama erat dengan agensi luar, kerajaan negeri, badan-badan bukan Kerajaan, industri ataupun mana-mana pihak yang berhasrat membantu menyediakan pembiayaan **Dermasiswa, Biasiswa atau sumbangan** kepada pelajar dalam pelbagai bentuk.

Tuan Yang di-Pertua,

28. **YANG BERHORMAT SENATOR DATUK PAUL IGAI** menyentuh mengenai **silibus berkaitan kepentingan keselamatan siber di peringkat universiti**. KPT menyambut baik cadangan ini.

29. Untuk makluman yang berhormat, topik berkenaan teknologi maklumat telah diterapkan dalam Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Modul Penerapan Etika dan Peradaban dalam Budaya dan Komunikasi Kontemporari serta modul Cabaran Keterlestarian Etika dan Peradaban merangkumi aspek ini. Dari semasa ke semasa KPT akan melakukan penambahbaikan selari dengan cabaran global semasa dan hasrat Yang Berhormat.

30. Seterusnya, **YANG BERHORMAT SENATOR DATUK SERI DR. AWANG BIN SARIYAN** menyentuh dua (2) perkara iaitu pelaksanaan **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** di peringkat IPT dan pewujudan **badan pengindeksan jurnal dan penerbitan ilmu,** khususnya dalam **Bahasa Melayu**.

31. Di KPT, Falsafah Pendidikan Kebangsaan masih menjadi asas kepada pendidikan yang seimbang untuk membangunkan aspirasi pelajar. Misalnya, Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) dirangka untuk membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

32. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pendidikan tinggi seimbang dan holistik adalah melalui pelaksanaan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). MPU merupakan satu set kursus yang perlu diambil oleh semua pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dari peringkat Sijil hingga Ijazah Sarjana Muda sebagai syarat pengijazahan.

33. Pelaksanaan MPU adalah salah satu usaha untuk melahirkan pelajar universiti yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah.

34. MPU boleh dibahagikan kepada empat (4) kelompok iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu

pengetahuan tentang Malaysia dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

35. Bermula tahun 2019, kementerian juga telah membangun dan menawarkan dua (2) kursus baharu iaitu Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

36. Kursus-kursus ini wajib diambil bagi memberi pendedahan kepada pelajar IPT berkenaan etika, nilai murni, pengetahuan *epistimology, ethic and philosophy of knowledge* dan perkara-perkara asas keilmuan tanpa mengira pengkhususan bidang pengajian.

37. Justeru itu, pihak Kementerian telah memastikan supaya elemen-elemen seperti kemanusiaan, agama, moral dan akhlak telah diterapkan melalui penawaran subjek MPU di IPT.

38. KPT terbuka, dari semasa ke semasa, sebarang cadangan penambahbaikan daripada Yang Berhormat Prof, pemegang taruh, pakar-pakar bagi menambahbaik lagi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dilaksanakan di peringkat KPT dan agensi-agensi kami.

Tuan Yang di- Pertua,

39. Mengenai cadangan pewujudan **badan pengindeksan jurnal dan penerbitan ilmu,** khususnya dalam **Bahasa Melayu,** KPT sentiasa cakna akan kepentingan korpus khazanah ilmu terutama dalam Bahasa Melayu yang perlu dikumpul, dipelihara dan diarkibkan dengan sistematik.

40. Justeru, Pusat Sitasi Malaysia (PSM) atau kini dikenali sebagai Pusat Sitasi dan Infometrik (PSI) telah ditubuhkan yang berperanan memperkasa keterlihatan penerbitan ilmiah Malaysia ke peringkat antarabangsa. **PSI juga telah diiktiraf sebagai agensi pengindeksan sitasi Malaysia**.

41. Pusat ini telah membangunkan repositori terbuka untuk **mengindeks** artikel yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah terbitan Malaysia. Hanya jurnal yang memenuhi kriteria penerbitan ilmiah sahaja didaftarkan dalam repositori ini. Jurnal yang terdapat dalam repositori ini meliputi artikel terbitan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Tamil. Kandungan jurnal ilmiah tempatan boleh diakses oleh komuniti global melalui myjurnal.mohe.gov.my.

42. Saya bersetuju akan pandangan Yang Berhormat mengenai keperluan **memartabatkan nilai ilmu bahasa negara kita**. Justeru PSI akan berusaha untuk terus memperkasakan bahasa melayu dalam pengindeksan jurnal.

Pihak Kementerian akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat mengenai **kerjasama dengan negara Indonesia, Brunei dan negara-negara lain yang berbahasa melayu**. Terima Kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di- Pertua,

43. Selain daripada isu penurunan minat pelajar lepasan SPM terhadap program TVET yang telah saya jawab di awal tadi, **YANG BERHORMAT SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN** juga menyentuh :-

I. Mengenai kajian semula subjek di Universiti;
II. Memperbanyakkan subjek yang berhubung langsung dengan universiti; dan
III. mengenai pandangan agar pelajar dibenarkan bekerja sambilan dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian supaya mempunyai pengalaman di industri.

44. Yang Berhormat Senator juga ada menyentuh berkenaan isu pelajar tidak dapat menyambung pengajian dalam bidang pilihan mereka di Universiti Awam khususnya bidang perubatan, pergigian dan farmaseutikal. Untuk perkara ini, saya akan jawab secara bersekali dengan tiga (3) Yang Berhormat Senator yang lain.

45. Untuk makluman Yang Berhormat, program pengajian akademik di Universiti Awam melalui proses **semakan kurikulum secara berkala setiap tiga hingga lima tahun.** Usaha ini dilaksanakan supaya silibus dan kurikulum kekal relevan dan selari dengan keperluan industri.

46. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya diperbanyakkan **subjek-subjek yang berhubung langsung dengan Industri**, Kementerian sememangnya sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dalam memastikan silibus dan kurikulum program pengajian akademik adalah sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan industri.

47. Kementerian juga telah melancarkan inisiatif *Experiential Learning and Competency Based Education Landscape* atau sinonim disebut sebagai EXCEL. Salah satu pendekatan EXCEL adalah *Industry Driven Experiential Learning* (IDEAL). IDEAL adalah pengalaman pembelajaran secara imersif yang **melibatkan pihak industri secara langsung**.

48. Bagi menjawab isu akhir yang disentuh oleh Yang Berhormat mengenai **kebenaran bekerja sambilan** kepada pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi pada awal tahun telah memperkenalkan program anjal dimana ia memberi pilihan kepada para pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara hibrid iaitu gabungan diantara pembelajaran secara fizikal di kampus dengan

pembelajaran secara dalam talian (*online*). Perkara ini akan memberi fleksibiliti kepada pelajar untuk mengatur jadual pembelajaran mereka dan masa sekiranya mereka mempunyai keperluan atau ingin **bekerja secara sambilan**.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

49. **YANG BERHORMAT SENATOR ISAIAH A/L D. JACOB** menyentuh mengenai isu dan kebajikan Pelajar-Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di IPT. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Sepertimana keprihatianan yang berhormat akan isu yang melibatkan OKU, KPT sentiasa prihatin, peka dan bertekad dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar OKU dibela dan terjaga.

50. Pertama nya Yang Berhormat menyentuh mengenai **isu diskriminasi di dalam Universiti-universiti kerajaan** dan di dalam konteks ini, Yang Berhormat memberikan contoh yang berlaku di **Universiti Islam Antarabangsa (UIA)**.

51. Untuk makluman Yang Berhormat, satu siasatan telah dijalankan dan pihak Universiti mendapati wujudnya salah faham "*Miscommunication*" semasa sesi temuduga itu berlangsung. Panel penemuduga mengajukan beberapa soalan bagi meminta kepastian tentang beberapa perkara tanpa niat mendiskriminasikan mana-mana pihak terutamanya golongan istimewa.

52. Oleh itu satu penambahbaikan dilakukan agar salah faham ini tidak berulang lagi, untuk itu Unit Perkhidmatan Golongan Kurang Upaya UIAM (*Disability Services Unit*) akan dilibatkan untuk menjadi panel dalam sebarang temuduga sekiranya terdapat calon-calon berkelainan upaya(OKU) di masa hadapan.

53. Kementerian melalui universiti-universiti awam di seluruh negara akan terus komited mengutamakan kebajikan pelajar dan keperluan mahasiswa OKU seiring dengan amalan dasar inklusif golongan tersebut. Dari segi pemilihan pula pihak universiti juga memberi jaminan bahawa semua penilaian dan pemilihan dijalankan secara adil dan saksama tanpa ada sebarang diskriminasi untuk semua calon yang dipanggil untuk sesi temuduga.

54. Isu kedua Yang dibangkitkan oleh yang Berhormat adalah mengenai **kelewatan pemberian elaun pelajar OKU di IPT**. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat berkenaan perkara ini.

55. Untuk makluman, Kerajaan melalui KPT telah menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) melalui **program Bantuan Kewangan OKU (BKOKU) dan Program Pendidikan Khas (PPK)**. Dan, bantuan ini disediakan berdasarkan **Permohonan.**

56. Dalam kes Yang Berhormat sebutkan, yang mana pelajar OKU semester 4 masih belum menerima BKOKU, saya mohon Yang Berhormat berikan saya maklumat tersebut. Nama pelajar, no. kad pengenalan dan IPT yang terlibat.

57. Ini kerana, secara umumnya, tiada tunggakan bayaran bantuan yang melebihi satu semester. Tunggakan yang sedia ada hanyalah kepada pemohon yang baru sahaja memohon pada bulan Ogos yang lalu. Proses pembayaran ini dibuat secara berterusan mengambil kira permohonan yang diterima pada setiap hari.

58. Kementerian memahami kekangan dan kesulitan daripada pelajar, namun Kementerian perlu memastikan semua peraturan kewangan semasa dipatuhi sebelum pembayaran dapat dibuat kepada pelajar.

59. Sebagai **penambahbaikan** pengurusan bantuan kewangan ini pada masa hadapan, Kementerian akan menyalurkan peruntukan bantuan kewangan ini untuk **diuruskan oleh UA masing-masing**. Kaedah ini dijangka dapat mempercepat penyaluran bantuan kepada pelajar bermula sesi pengajian 2023/2024.

60. Selain itu, Kementerian juga sedang **membangunkan sistem permohonan bantuan kewangan yang lebih komprehensif** bagi memastikan pembayaran kepada pelajar dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Tuan Yang Dipertua,

61. Seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang **BERHORMAT SENATOR DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN** iaitu:

a) **Bayaran pendaftaran pengajian di IPTA** dan

b) **Prasarana dan tenaga pengajar di IPTA.**

62. Yang Berhormat Senator juga ada menyentuh berkenaan isu **pengambilan pelajar ke IPT** khususnya bagi **program-program kompetitif dan *private wing* Universiti Awam**. Untuk perkara ini, saya akan jawab bersekali bersama-sama isu yang dibangkitkan oleh tiga (3) YB Senator yang lain.

63. Saya mengambil maklum cadangan Yang Berhormat supaya bayaran pendaftaran pelajar IPTA dapat ditangguhkan sehingga pelajar mendapat pinjaman atau biasiswa terutama kepada **pelajar miskin**. Saya memahami kerana isu kemiskinan ini dekat di hati saya dan kerajaan Madani pimpinan YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya akan membawa isu ini diperingkat kementerian untuk mencari penyelesaian demi kebaikan semua.

64. Secara umumnya Yang Berhormat, perlembagaan setiap Universiti Awam telah memberi kuasa kepada universiti untuk menetapkan kadar yuran yang akan dikenakan bagi program pengajian.

65. Atas dasar ini, maka sebarang kesulitan berkenaan bayaran yuran pengajian perlu **dirujuk kepada pihak universiti untuk pertimbangan dan budi bicara** mereka.

66. Pelajar yang terkesan dengan himpitan ekonomi semasa, dimohon untuk berbincang dengan pihak universiti bagi mendapatkan kaedah terbaik seperti penjadualan semula bayaran yuran pendaftaran sehingga mereka menerima pinjaman PTPTN atau lain-lain penajaan. Pada masa yang sama, pihak universiti perlulah mengutamakan pengajian pelajar-pelajar ini tanpa sebarang kompromi.

67. Dalam perkara berkaitan, PTPTN ada memberi **pelajar Universiti Awam (UA)** yang layak wang pendahuluan berjumlah RM1,500 sebelum mereka mendaftar di UA menerusi inisiatif **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)**.

68. Melalui inisiatif *New Deal* Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pemberian WPP ini juga telah **diperluas kepada pelajar B40** yang mengikuti pengajian peringkat diploma sepenuh masa **di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) mulai 2021**. Maklumat lanjut mengenai WPP ini boleh dirujuk di Portal Rasmi PTPTN.

69. Mengenai **peningkatan prasarana dan penambahan tenaga pengajar** di IPTA pula, Kementerian sentiasa memberi keutamaan kepada Hospital Pengajar Universiti (HPU) serta fakulti perubatan dan pergigian dengan melaksanakan proses naik taraf dan baik pulih prasarana sedia ada.

70. Usaha ini termasuk menambah HPU baharu bagi menampung keperluan tambahan pelajar bidang perubatan. Jumlah kos yang diluluskan dalam RMKe-12 bagi tujuan ini adalah sebanyak **RM3.498 bilion sehingga tahun 2023**.

71. Pada masa yang sama, Kementerian juga turut memberi perhatian kepada penggantian peralatan usang dan menambah peralatan baharu HPU dan

fakulti perubatan dan pergigian supaya memenuhi keperluan terkini pengajaran dan pembelajaran. Untuk tujuan ini, jumlah kos yang telah diperuntukkan sehingga kini adalah sebanyak **RM586.5 juta.**

72. Bagi cadangan pertambahan tenaga pengajar di IPTA, kita telah memohon tambahan penjawatan, namun permohonan tertakluk kepada pertimbangan agensi pusat.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

73. Saya akan **menjawab bersekali perkara-perkara yang dibangkitkan oleh empat (4) Yang Berhormat Senator iaitu YB SENATOR DR. LINGESHWARAN, YB SENATOR DATO' SIVARAJ, YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA dan YB SENATOR DATO' DR. NELSON.**

74. Kesemua empat (4) YB Senator menyentuh mengenai **isu kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) secara keseluruhan melibatkan pelajar cemerlang yang memperoleh CGPA 4.0** iaitu:

a) proses kemasukan ke program-program kompetitif seperti bidang perubatan, pergigian dan farmaseutikal,

b) pelaksanaan kemasukan ke program *private wing* di Universiti Awam dan

c) penambahbaikan sistem UPUOnline.

75. Pertamanya, saya memohon izin daripada Tuan Yang d-Pertua untuk saya memberikan jawapan yang terperinci memandangkan isu-isu ini sedang hangat diperkatakan dan memerlukan penjelasan yang lanjut bagi memberikan keadilan kepada semua, keadilan kepada pihak kerajaan dan keadilan kepada pelajar-pelajar.

76. Di sini, saya ingin menegaskan bahawa pemilihan pelajar memasuki IPT adalah berasaskan **prinsip meritokrasi** iaitu semua calon yang layak, dipertimbang mengikut merit tertinggi ke merit terendah tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal. **Prinsip meritokrasi** ini telah dilaksanakan secara **adil, telus dan sistematik**.

77. Bagi pemilihan kemasukan calon **lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi/STAM** ke Universiti Awam (UA), **asas merit** adalah berpandukan **kombinasi pencapaian akademik 90% dan pencapaian kokurikulum 10%**.

78. Tahun ini juga, pihak Kementerian telah menerima sebanyak **8,044 permohonan** daripada calon lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi **dengan keputusan PNGK 4.00.**

79. Daripada jumlah tersebut, **1,626 calon** telah memilih **program perubatan, pergigian dan farmasi sebagai pilihan pertama** mereka. Sedangkan bidang-bidang ini hanya mempunyai **1,124 tempat** sahaja dengan pecahan program **perubatan sebanyak 705 tempat, pergigian 153 tempat dan farmasi 266 tempat**.

80. Sebagaimana dimaklumkan dalam sesi penggulungan YB Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini, **bagi program-program pengajian yang kompetitif seperti perubatan, pergigian, dan farmasi**, **semua calon perlu melepasi ujian dan/ atau temu duga khas yang ditetapkan oleh Universiti Awam (UA) sebelum layak mendapat tempat pengajian.**

81. Proses ujian khas dan temuduga oleh pihak universiti ini secara umumnya menggunakan pendekatan *Multiple Mini Interviews* (MMI) dan dikendalikan oleh beberapa panel yang terdiri antara 5-20 tenaga pengajar.

82. Ia menilai aspek-aspek seperti kematangan, kefahaman tentang sektor kesihatan awam, pengetahuan am, keupayaan menyelesaikan masalah, ketahanan emosi, profesionalisme, kemahiran komunikasi, pemikiran kritikal dan imaginatif, daya empati dan etika.

83. Maka, setelah mengambil kira pencapaian akademik, perakuan temu duga dan/atau ujian khas, bilangan tempat yang terhad dan keutamaan pilihan calon, sudah pasti akan terdapat calon-calon yang tidak ditawarkan program kompetitif walaupun memperoleh keputusan PNGK 4.00.

84. Apatah lagi terdapat calon yang hanya memilih institusi tumpuan yang bertapak di Lembah Kelang sahaja seperti Universiti Malaya dan tidak memohon dari fakulti-fakulti yang berada di negeri-negeri lain walaupun dalam bidang yang sama seperti UniMAS, UMS, UniSZA, USIM dan lain-lain.

85. Calon Lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi yang cemerlang dengan PNGK 4.0 yang tidak mendapat tawaran program perubatan, pergigian dan farmasi, telahpun ditawarkan program pengajian yang **dipilih oleh mereka sendiri** daripada senarai 12 program di dalam sistem UPUOnline® seperti Bioperubatan, Biokimia, Bioteknologi, Peimejan Perubatan dan Forensik. Ini bermaksud, kesemua pelajar ini telah ditawarkan program pengajian di universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua,

86. Berkaitan penawaran Universiti Awam melalui private wing, calon perlu mengemukakan permohonan secara terus ke Universiti Awam (UA) dengan mengambil kira yuran pengajian tanpa subsidi.

87. Dalam hal ini, harus difahami bahawa, calon yang membuat permohonan melalui UPUonline® dan gagal di dalam temu duga yang dijalankan oleh Universiti Awam (UA), tidak boleh ditawarkan ke program yang sama melalui private wing.

88. Ini kerana dasar penawaran yang dilaksanakan oleh private wing Universiti Awam juga adalah wajib melalui proses permohonan dan tapisan syarat am dan syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan serta tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti Awam.

89. Penawaran ke program perubatan adalah berdasarkan perakuan panel penemuduga yang terdiri daripada pakar bidang iaitu pensyarah di fakulti pengajian dan tertakluk bilangan tempat yang disediakan oleh Universiti Awam bagi saluran private wing.

90. Sebagai contoh, panel penemuduga bagi program perubatan merupakan pakar bidang iaitu pensyarah di Fakulti Perubatan Universiti Awam (UA) yang berkenaan.

Tuan Yang di- Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat,

91. Barangkali akan ada pihak yang mempersoalkan. Jika kita mempunyai ramai pelajar yang cemerlang, **mengapakah pihak kementerian tidak menambah sahaja tempat** agar lebih ramai pelajar cemerlang akan mendapat tempat khususnya program-program kompetitif seperti perubatan, pergigian dan farmasi.

92. Untuk makluman Yang Berhormat ,jumlah bilangan tempat bagi program kompetitif ini di kawal oleh badan-badan profesional yang relevan seperti Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM). Ini bagi memastikan pengeluaran graduan adalah sepadan dengan keperluan negara sekaligus mengelakkan lambakan graduan dalam bidang-bidang ini.

93. Dan dalam hal ini juga, KPT akan berbincang dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pemegang taruh utama sektor kesihatan, untuk melihat semula moratorium penambahan tempat pengajian bidang perubatan

agar isu ketidakcukupan tempat pengajian dalam bidang ini boleh diuruskan dengan lebih strategik dan berkesan.

94. Mengenai cadangan **penambahbaikan Sistem UPU**, Kementerian mengambil perhatian serius dan berusaha membuat penambahbaikan dari masa ke semasa berkaitan pengambilan pelajar menerusi sistem UPU Online. Terima Kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di- Pertua,

95. Akhir kata, kementerian merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dan cakna mengenai isu-isu pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan yang mulia ini. Saya akhiri penggulungan saya pada hari ini dengan ucapan terima kasih.

DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

[27 NOVEMBER HINGGA 14 DISEMBER 2023]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA
PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-15
27 NOVEMBER HINGGA 14 DISEMBER 2023

MINGGU PERTAMA: 7 PERTANYAAN

27 NOVEMBER 2023 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

28 NOVEMBER 2023 (SELASA) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	13.	PN-1523-L10124 **Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) kriteria penilaian yang akan ditetapkan terhadap kemasukan kumpulan pertama bagi Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM); dan (b) bentuk galakan yang sedang dilaksanakan untuk mengimbangi nisbah kemasukan baharu ke universiti antara pelajar miskin luar bandar dari Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.
2.	57.	PN-1523-L09836 **Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini pendaftaran ke universiti-universiti awam tempatan berbanding yang menolak tawaran atau tidak berjaya mendaftar sebagai pelajar dan apakah alasan pelajar tidak berjaya mendaftar ke universiti.
3.	62.	PN-1523-L10168 **Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar berketurunan Siam yang telah ditawarkan tempat di setiap Universiti Awam bagi setiap tahun dari 2018-2023 dan bilangan pelajar berketurunan Siam yang ditawarkan pembiayaan pendidikan oleh JPA dan MARA di dalam dan luar negara dalam tempoh yang sama.

29 NOVEMBER 2023 (RABU) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	16.	PN-1523-L10375 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian dalam meneliti penawaran bidang-bidang pengajian di universiti awam dan swasta agar menepati kebolehpasaran graduan mengikut kehendak pasaran pekerjaan.
2.	38.	PN-1523-L10125 **Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kadar yuran siling RM1,500 yang disebut dalam pembentangan Belanjawan 2024 tidak akan memberi kesan langsung kepada keupayaan sesebuah fakulti universiti awam untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang setanding dengan universiti-universiti berprestasi tinggi di peringkat Asia dan global.
3.	53.	PN-1523-L09908 **Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah butiran atau sebarang garis panduan bagi IPTA dan IPTS untuk rujukan pentadbir universiti berkenaan perubahan iklim seperti banjir, jerebu dan gelombang haba. Bolehkah Kementerian meneliti perkara ini supaya keputusan segera boleh dilakukan dalam situasi pemberian pelepasan pulang pelajar dan penggunaan *'hybrid learning*' sewaktu insiden ini berlaku.

30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	4.	PN-1523-L10376 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan semula biasiswa MyBrain ataupun mewujudkan program biasiswa baharu setara bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

MINGGU KEDUA: 10 PERTANYAAN

4 DISEMBER 2023 (ISNIN) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	4.	PN-1523-L09890 **Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau. **Dijawab bersekali dengan Soalan No.16, 5 Disember 2023 dan Soalan No. 57, 13 Disember 2023.**
2.	57.	PN-1523-L10196 **Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2019 hingga sekarang dan bagaimana Kerajaan memastikan pelajar lepasan SPM terus menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

5 DISEMBER 2023 (SELASA) – 2 PERTANYAAN

No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
Jawab Bersekali 4 Dis	PN-1523-L10438 **Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dapat bersaing dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi luar negara yang didapati lebih padat dan mengambil masa yang lebih singkat.
17.	PN-1523-L09891 **Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua universiti memberikan kelonggaran pembayaran penuh yuran pendaftaran terhadap siswa baharu memandangkan kos kemasukan ke institusi tersebut serta harga barangan keperluan yang lain kian meningkat.

6 DISEMBER 2023 (RABU) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	23.	PN-1523-L10623 **Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk galakan yang akan disediakan buat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara bagi mewujudkan Klinik Bantuan Guaman seperti yang dilaksanakan oleh Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Shah Alam yang menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada umum secara *pro bono.*
2.	31.	PN-1523-L10440 **Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bersedia dan mempunyai kepakaran untuk menilai kursus-kursus terkini yang melibatkan Revolusi Industri 5.0 / kecerdasan buatan (AI) kerana difahamkan bahawa terdapat pemohon Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan akreditasi sementara.
3.	45.	PN-1523-L10287 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah kursus perguruan di universiti tempatan khususnya di Sarawak untuk mengisi keperluan di negeri tersebut.
4.	51.	PN-1523-L10071 **Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) bilangan dan kadar kemasukan pelajar berbangsa India ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam pada tahun ini; dan (b) jumlah pelajar berbangsa India yang layak tetapi tidak mendapat tempat untuk tiga pilihan utama jurusan pengajian yang telah dipohon oleh mereka.
5.	59.	PN-1523-L10527 **Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ulasan Kementerian terhadap isu kenaikan yuran perkhidmatan Universiti Malaya (UM) untuk sesi akademik yang baru dan apakah mekanisme yang sedia ada yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal yuran pengajian dan perkhidmatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) supaya ia tidak membebankan pelajar.

7 DISEMBER 2023 (KHAMIS) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	1.	PN-1523-L10075 **Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar berbangsa India yang ditawarkan Program Matrikulasi dan Asasi untuk tahun 2023 dan adakah semua pelajar yang diberikan tawaran Program Matrikulasi dan Asasi ini menerima tawaran tersebut.

MINGGU KETIGA: 8 PERTANYAAN

11 DISEMBER 2023 (ISNIN) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	40.	PN-1523-L10323 **Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan terhadap bangunan Intekma Resort & Convention Centre di Shah Alam, Selangor yang sudah terbiar lama sedangkan pada yang sama, ramai pelajar UITM menghadapi masalah penginapan.
2.	53.	PN-1523-L10224 **Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan objektif Kementerian melaksanakan semula program tajaan biasiswa MyBrain15 yang kini dijenamakan sebagai MyBrain 2.0 bermula tahun 2024 dan pembaharuan yang ingin dilakukan bagi memantapkan lagi inisiatif tersebut.

12 DISEMBER 2023 (SELASA) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	18.	PN-1523-L09902 **Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) faktor kurang keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang dimulakan pada tahun 2011; dan (b) strategi yang dirancang untuk memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT Awam (IPTA) 2023-2030 berkesan.

13 DISEMBER 2023 (RABU) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	37.	PN-1523-L10328 **Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya lebih ramai graduan mampu memperoleh gaji premium melebihi RM4,000 sebulan berbanding hanya 10 hingga 15 peratus yang berjaya mendapat gaji tersebut buat masa kini.
2.	40.	PN-1523-L09916 **Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian dalam memupuk minat serta kemahiran keusahawanan di peringkat universiti dengan tujuan untuk memastikan perkembangan teknologi dan inovasi tempatan yang dimiliki rakyat dan syarikat Malaysia. Bolehkah Kerajaan meneliti untuk mengadakan kerjasama bersama -sama syarikat swasta dalam menjayakan usaha ini.
3.	43.	PN-1523-L10202 **Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang-bidang pengajian lain bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
4.	38.	PN-1523-L10371 **Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif baru daripada Kementerian untuk menaik taraf dan memastikan keberhasilan institusi Politeknik setaraf dengan institusi Politeknik di luar negara.
5.	Jawab Bersekali 4 Dis	PN-1523-L10605 **Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan prospek pengantarabangsaan IPTA dan IPTS serta bagaimana usaha memperkasakan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di Asia.

14 DISEMBER 2023 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN:

9 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	2.	PN-1523-T01749 **Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status proses pindaan Seksyen 15 dan 16 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen hujung tahun ini.
2.	96.	PN-1523-T01843 **Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :- (a) pecahan statistik pelajar lepasan SPM dan setaraf serta pelajar lepasan STPM dan setaraf dari masyarakat India yang menerima tawaran dan melaporkan diri untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Awam di Malaysia pada tahun 2023; dan (b) apakah mekanisme yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam proses kenaikan pangkat tenaga pengajar di Politeknik memandangkan terdapat pandangan terutamanya dalam kalangan tenaga pengajar Politeknik bahawa mereka tidak dinaikkan pangkat berdasarkan sistem merit dan kelayakan pendidikan mereka.
3.	100.	PN-1523-T01847 **Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah biasiswa MyBrain 2.0 dihadkan kepada sejumlah 500 peserta sahaja dan hanya memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dalam bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (STEM) memandangkan terdapat ramai pelajar yang layak daripada kumpulan B40 dalam bidang undang-undang, keusahawanan, seni reka kreatif dan sebagainya yang juga memerlukan inisiatif sebegini.
4.	109.	PN-1523-T01859 **Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang masih beroperasi dan jumlah pelajar tempatan dan antarabangsa sedia ada yang berdaftar di IPTS-IPTS tersebut serta bidang-bidang manakah yang menjadi bidang pilihan utama.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
5.	119.	PN-1523-T01869 **Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar tajaan Kerajaan yang belajar di luar negara dan apakah langkah Kerajaan bagi menangani pelajar tajaan yang tidak mahu pulang berbakti di dalam negara.
6.	120.	PN-1523-T01870 **Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah impak terhadap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berhubung isu bahawa hanya 55% pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai pengajian tinggi kerana pasaran kerja.
7.	122.	PN-1523-T01872 **Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini pelajar-pelajar yang menyertai pembelajaran Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khusus dalam bidang pertanian.
8.	137.	PN-1523-T01887 **Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme pemilihan bagi program MyBrain 2.0 dan usaha Kementerian dalam menyelesaikan isu berhubung program-program pengajian yang tidak menarik di universiti-universiti tempatan.
9.	153.	PN-1523-T01903 **Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Program Serap Industri (IIP) akan melibatkan mana-mana IPTA dan IPTS di Negeri Sembilan yang berpotensi besar untuk melahirkan profesional masa hadapan yang berupaya memberi sumbangan dalam sektor-sektor ekonomi berskala global khususnya yang dikendalikan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

MESYUARAT KETIGA DEWAN NEGARA TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NORAINI BINTI IDRIS

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN NO.13

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) kriteria penilaian yang akan ditetapkan terhadap kemasukan kumpulan pertama bagi Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM); dan

(b) bentuk galakan yang sedang dilaksanakan untuk mengimbangi nisbah kemasukan baharu ke universiti antara pelajar miskin luar bandar dari Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian. Saya mulakan dengan bahagian pertama berkenaan dengan kriteria atau syarat pengambilan pertama Fakulti Kecerdasan Buatan (AI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

(a)

1. Untuk makluman, UTM telah meletakkan sasaran untuk memulakan pengambilan pertama Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan pada sesi akademik **2024/2025**.

2. Dalam hal ini, cadangan syarat kemasukan semua program akademik yang akan ditawarkan pada Sesi 2024/2025 ini perlu diluluskan dalam Mesyuarat Senat Bil. 4/2023/2024 pada Januari 2024 sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA, JPT) untuk proses pengambilan pelajar.

3. Kriteria Penilaian yang akan ditetapkan terhadap kemasukan kumpulan pertama (warganegara Malaysia) bagi Ijazah Sarjana Muda Kecerdasan Buatan, Fakulti

Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah mengikut saluran yang ditetapkan seperti lepasan STPM atau Diploma dan lain-lain kelayakan yang setaraf dan diiktiraf.

4. **Bagi pelajar lepasan STPM misalnya**, calon hendaklah:

a) **Memenuhi syarat am** universiti seperti:

i) **Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf** dengan mendapat **Kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia Kertas Julai;** dan **Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** dengan **sekurang-kurangnya**:

- **Gred C (NGMP 2.00)** mata pelajaran **Pengajian Am**; dan
- **Gred C (NGMP 2.00)** dalam **dua (2) mata pelajaran lain**;

dan

ii) Mendapat **sekurang – kurangnya Tahap 1 (Band 1)** dalam **Malaysian University English Test (MUET)**.

DAN

b) **Memenuhi syarat khas kemasukan mengikut program** seperti berikut:

i) Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.80** pada peringkat **STPM**;

dan

ii) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (NGMP 2.67)** pada peringkat **STPM** dalam salah satu dari 7 mata pelajaran:

dan

iii) Mendapat sekurang-kurangnya kepujian **(Gred C)** pada peringkat **SPM** dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik; atau
- Matematik Tambahan;

dan

iv) Mendapat sekurang-kurangnya **Band 2.0** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** untuk peperiksaan yang bermula **Sesi 1 tahun 2021** atau **Band 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

5. Syarat-syarat dan kriteria kemasukan ini akan diperkemas dan dimuktamadkan dari semasa ke semasa.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menjawab soalan (b), ingin saya maklumkan terlebih dahulu bahawa bagi tempoh dua tahun terkini, berlaku peningkatan terhadap penawaran kepada pelajar B40 lepasan SPM dan STPM/Setaraf daripada Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung.

2. Peningkatan kadar kejayaan penawaran adalah seperti berikut:

   i. Sabah mencatatkan 66.57% peningkatan pada sesi akademik 2023/2024 berbanding 57.00% pada sesi akademik 2022/2023.

   ii. Sarawak mencatatkan 68.99% peningkatan pada sesi akademik 2023/2024 berbanding 59.87% pada sesi akademik 2022/2023.

   iii. Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan 67.83% peningkatan pada sesi akademik 2023/2024 berbanding 65.10% pada sesi akademik 2022/2023.

   iv. Semenanjung Malaysia mencatatkan 79.29% peningkatan pada sesi akademik 2023/2024 berbanding 65.21% pada sesi akademik 2022/2023.

3. Sebagai usaha untuk mengimbangi nisbah kemasukan tersebut, KPT sedang dan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menggalakkan golongan B40 untuk melanjutkan pengajian di IPTA, antaranya seperti berikut:

   i. **Menyediakan laluan khas kepada golongan B40** yang mana golongan ini akan bersaing dalam kelompok mereka sendiri dan hanya perlu melepasi syarat am dan syarat khas (minimum) IPTA/ ILKA serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan;

   ii. **Melaksanakan Program Dermasiswa B40 TVET** bagi membantu pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022;

   iii. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan **kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu persediaan awal pelajar daripada segi kewangan sebelum mendaftarkan diri ke IPT;

lv. **Melancarkan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG)** pada tahun 2022. Menerusi inisiatif SULUNG ini, peluang dan pembiayaan penuh kepada anak-anak golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya menyambung pengajian peringkat sarjana muda di Universiti Awam (UA). Setakat 10 November 2023, sebanyak 7,367 senarai Siswa SULUNG 2.0 telah dikemukakan oleh 18 UA. Daripada jumlah tersebut, 1,066 pelajar adalah anak negeri kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak;

v. Setiap tahun, KPT juga akan mengadakan **Program Jom Masuk U dan Program Outreach** di seluruh negara mengikut Zon bagi mempromosikan akses ke Pendidikan Tinggi.

a. **Di Sabah, Program Jom Masuk U** telah diadakan di **Sabah International Convention Centre (SICC) Kota Kinabalu, Sabah** dengan kerjasama **Universiti Malaysia Sabah (UMS)** pada **tahun 2023** yang menarik **2,781** orang pengunjung. Manakala pada tahun ini, **Program Jom Masuk U** telah diadakan di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Kota Kinabalu Sabah** yang menarik seramai **13,757** orang pengunjung.

b. **Di Sarawak, Program Jom Masuk U** diadakan di **Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak** dengan kerjasama **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** pada **tahun 2023** yang menarik **2,563** orang pengunjung. Pada tahun ini, **Program Jom Masuk U** telah diadakan di **Times Square Megamall, Bintulu Sarawak** yang menarik seramai **12,757** orang pengunjung.

c. Manakala **Program Outreach Sarawak** telah diadakan di **Lawas dan Limbang Pada Oktober tahun 2023** yang menarik **800 orang pengunjung**. Manakala pada tahun ini, Program Outreach Sarawak baru saja diadakan di **Betong, Sarawak** pada **18 hingga 19 Oktober 2023** yang menarik seramai **507** orang pengunjung.

d. **Program Jom Masuk U** yang merupakan Program *Signature* Kementerian ini turut disertai oleh 20 UA, JPPKK, 4 ILKA, UTP serta lebih 30 IPTS terpilih. Program ini juga disertai oleh PTPTN, MQA dan JPA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABUN SUI ANYIT

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN NO.57

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini pendaftaran ke universiti-universiti awam tempatan berbanding yang menolak tawaran atau tidak berjaya mendaftar sebagai pelajar dan apakah alasan pelajar tidak berjaya mendaftar ke universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada **sesi akademik 2023/2024**, seramai 239,609 calon lepasan SPM telah membuat permohonan ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) melalui UPUOnline®.

2. **Statistik penawaran keseluruhan lepasan SPM untuk sesi akademik 2023/2024 mengikut Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** adalah seperti berikut:

    i. Universiti Awam: 88,183 penawaran.

    ii. Politeknik: 42,163 penawaran.

    iii. Kolej Komuniti (KK) : 21, 566 penawaran.

    iv. ILKA: 8,826 penawaran.

3. Daripada jumlah penawaran ini, **statistik pelajar Lepasan SPM bagi sesi akademik 2023/2024 yang mendaftar ke Universiti Awam (UA) bagi kemasukan Julai 2023** adalah seperti berikut:

    i. 43,976 calon mendaftar berbanding penawaran UPUOnline® sebanyak 88,183 dengan peratus pendaftaran sebanyak 49.87%.

ii. Jumlah calon lepasan SPM tidak mendaftar di Universiti Awam adalah sebanyak 44,206 dengan peratus tidak mendaftar sebanyak 50.13%.

4. Bagi calon **lepasan STPM/Setaraf** pula, seramai 118,143 calon membuat permohonan ke Universiti Awam (UA) melalui UPUOnline®.

5. **Statistik bilangan calon lepasan STPM/Setaraf bagi sesi akademik 2023/2024 yang mendaftar ke Universiti Awam (UA) bagi kemasukan Oktober 2023** adalah seperti berikut:

   i. 74,052 calon mendaftar dengan peratus pendaftaran sebanyak 92.98%.

   ii. Jumlah calon lepasan STPM/Setaraf tidak mendaftar di Universiti Awam adalah sebanyak 5,594 iaitu merangkumi 7.02%.

6. Antara **faktor-faktor yang telah dikenalpasti** menyebabkan **pelajar tidak mendaftar ke universiti** adalah disebabkan berlakunya **pertindihan tawaran antara UPUOnline® dengan institusi lain** seperti Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk calon lepasan SPM melanjutkan pengajian ke peringkat Tingkatan 6.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN A/L EHTOOK

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN NO.62

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar berketurunan Siam yang telah ditawarkan tempat di setiap Universiti Awam bagi setiap tahun dari 2018-2023 dan bilangan pelajar berketurunan Siam yang ditawarkan pembiayaan pendidikan oleh JPA dan MARA di dalam dan luar negara dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan pelajar berketurunan Siam yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Awam (UA) dari tahun 2018 – 2023 adalah seperti berikut:

    i. **2018 = 587 orang pelajar**
    ii. **2019 = 587 orang pelajar**
    iii. **2020 = 615 orang pelajar**
    iv. **2021 = 615 orang pelajar**
    v. **2022 = 608 orang pelajar**
    vi. **2023 (Sehingga September) = 544 orang pelajar**

2. Bagi pembiayaan pendidikan pula, **pelajar berketuruan Siam yang menerima tajaan JPA dan MARA dari tahun 2018 – 2023 adalah JPA seramai 3 orang dan MARA seramai 7 orang**.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.16

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian dalam meneliti penawaran bidang-bidang pengajian di universiti awam dan swasta agar menepati kebolehpasaran graduan mengikut kehendak pasaran pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan program yang ditawarkan di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) awam mahupun swasta dapat melahirkan graduan yang memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan pasaran buruh.

2. **Pertama, semakan program secara berkala.**

3. Dalam hal ini, IPT awam mahupun swasta perlu menjalankan analisis keperluan (*need assessment*) melalui Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) yang dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran. Ini adalah selari dengan ketetapan standard dalam COPPA.

4. Selain itu, antara langkah yang diambil untuk memastikan program pengajian di IPT awam (**IPTA**) kekal relevan adalah:

    i. melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui **semakan semula kurikulum** program akademik.

ii. melaksanakan **saringan awal yang ketat** terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA.

iii. memperkenalkan **Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC)** yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik, Penyampaian Transformatif PdP dan Pentaksiran Holistik.

iv. **memperkukuh inisiatif sedia ada** seperti program pengajian mod 2u2i.

5. Bagi IPT swasta (**IPTS**) pula, sesebuah IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian dikehendaki untuk **mendapat kelulusan pengendalian kursus pengajian daripada KPT dan mencapai tahap minimum perakuan akreditasi** iaitu akreditasi sementara daripada MQA.

6. Kementerian juga telah menetapkan beberapa kriteria bagi pengendalian kursus pengajian di IPTS yang mana IPTS perlulah:

i. menyediakan **kemudahan akademik yang bersesuaian** dan mencukupi bagi mewujudkan suasana Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang kondusif berdasarkan dokumen jaminan kualiti.

ii. mempunyai **tenaga pengajar yang berkelayakan** dan mempunyai permit mengajar.

iii. memastikan setiap **kursus pengajian** yang dikendalikan **memperoleh akreditasi** daripada MQA.

7. **Kedua, input dan libat urus badan profesional.**

8. Bagi kursus pengajian yang bernaung di bawah badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah **memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama** bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan **memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)**.

9. Walau bagaimanapun, Kementerian memberi fleksibiliti bagi IPT untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.

10. Ketiga, penglibatan industri.

11. Kementerian juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula

kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NORAINI BINTI IDRIS

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.38

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kadar yuran siling RM1,500 yang disebut dalam pembentangan Belanjawan 2024 tidak akan memberi kesan langsung kepada keupayaan sesebuah fakulti universiti awam untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang setanding dengan universiti-universiti berprestasi tinggi di peringkat Asia dan global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semua Universiti Awam (UA) telah diarahkan untuk menghadkan yuran pendaftaran pelajar sehingga RM1,500 sahaja mulai Januari 2024.

2. Ini adalah bagi membolehkan ia selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar ini hanya terpakai kepada pelajar Saluran Perdana dan Ambilan Sendiri UA (yuran bersubsidi) kecuali Saluran Komersial UA. Jumlah RM1,500 adalah yuran kemasukan di UA dan boleh dibahagikan kepada pecahan seperti yuran pendaftaran, yuran orientasi, yuran kokurikulum dan yuran alumni dan ianya berbeza di setiap UA.

4. Dalam hubungan ini, pelajar masih perlu membayar yuran penuh apabila telah menerima pembiayaan PTPTN atau mana-mana penajaan. Yuran pengajian semasa yang dikenakan tidak akan terjejas kerana pelajar masih perlu membayar yuran tersebut.

5. Dalam konteks yuran pelajar di UA, pihak Kerajaan masih menanggung 70% kos operasi UA dan dan baki 30% adalah daripada kutipan yuran. Dalam hal ini, pelaksanaan dasar had bayaran RM1,500 tidak akan menjejaskan keupayaan sesebuah fakulti universiti awam untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA**

TARIKH : **29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

SOALAN NO.53

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah butiran atau sebarang garis panduan bagi IPTA dan IPTS untuk rujukan pentadbir universiti berkenaan perubahan iklim seperti banjir, jerebu dan gelombang haba. Bolehkah Kementerian meneliti perkara ini supaya keputusan segera boleh dilakukan dalam situasi pemberian pelepasan pulang pelajar dan penggunaan *'hybrid learning'* sewaktu insiden ini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Bencana di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sejak tahun 2012.

2. SOP ini dibangunkan khusus untuk memberikan panduan segera atau *immediate guidance* kepada IPT dalam usaha menangani bencana secara efektif yang melibatkan bencana bersifat semula jadi, bencana yang disebabkan oleh aktiviti manusia, bencana hibrid ataupun penyakit berjangkit.

3. Prosedur Tetap Operasi Pengurusan Bencana di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merupakan dokumen rujukan yang inklusif dan menyeluruh dengan memberikan panduan yang komprehensif dalam mencegah bencana, pelan perancangan sebelum bencana, tindakan ketika bencana serta gerak kerja pemulihan pasca bencana.

4. Bagi memastikan SOP ini terus kekal relevan, KPT telah melakukan penambahbaikan dan penyemakan beberapa kali terhadap prosedur yang telah digariskan selaras dengan situasi semasa. SOP ini telah dicetak kali kedua pada tahun 2015 dan disemak semula pada tahun 2022 bagi menyesuaikan panduan tersebut selaras dengan situasi pasca Covid-19.

5. Dalam pada masa yang sama, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah mengeluarkan beberapa panduan kepada IPT bagi kaedah alternatif dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam situasi kecemasan, kesihatan dan keselamatan awam yang timbul.

6. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar diutamakan serta pendidikan mereka tidak terganggu, IPT dibenarkan untuk menawarkan program secara teradun (*blended learning)/hibrid)* (bersemuka dan dalam talian) mengikut kesesuaian kursus-kursus yang ditawarkan melalui panduan-panduan yang digariskan seperti berikut:

    i. *Advisory Note No.* 1/2023 berkenaan dengan 'Fleksibiliti Kaedah Penyampaian Secara Konvensional Program Pendidikan Tinggi';
    ii. *Advisory Note* Bil. 5/2020 berkenaan dengan 'Panduan Kaedah Alternatif Penyampaian Program dan Penilaian Pembelajaran Pelajar dalam Standard Program'; dan
    iii. Surat Makluman MQA Bil. 3/2018 berkenaan dengan 'Kaedah Pengajian & Penyampaian Program'.

7. Panduan-panduan ini perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa termasuk JPT, KPT dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional.

8. Melalui panduan ini juga, IPT yang melaksanakan program secara konvensional boleh memaksimumkan sehingga 60% pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian.

9. Penambahan komponen *'blended learning'* dalam pengendalian program konvensional tidak perlu dimaklumkan kepada MQA. Namun, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa audit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.39

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan semula biasiswa MyBrain ataupun mewujudkan program biasiswa baharu setara bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan pelaksanaan program penajaan MyBrain 2.0 sebagai kesinambungan program MyBrain15 mulai tahun 2024.

2. Program ini mensasarkan seramai 500 orang penerima bagi setiap tahun dalam kalangan orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

3. Pelaksanaan program ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi setiap ambilan.

4. Secara keseluruhannya, KPT mempunyai 18 program biasiswa dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN

TARIKH : 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.4

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat Dato' Dr Nelson A/L Renganathan bertarikh 5 Disember 2023, dan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa bin Musa bertarikh 13 Disember 2023, kerana menyentuh isu yang sama dan berkaitan.

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan proaktif dalam menarik minat pelajar antarabangsa ke Malaysia serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

2. Berhubung perkara ini, status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah seperti berikut:

    i. Setakat bulan Oktober tahun ini, terdapat peningkatan permohonan pelajar antarabangsa ke Malaysia sebanyak 5% berbanding tahun 2022.

    ii. **Sehingga Jun 2023, terdapat seramai 104,315 pelajar antarabangsa di Malaysia** iaitu 43,952 di UA dan 60,363 di IPTS yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhomat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang membangunkan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2023-2030 yang dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

4. Kajian Pembangunan Dasar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Malaysia ini adalah selaras dengan matlamat Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) yang menggariskan strategi utama untuk meningkatkan jenama pendidikan tinggi negara dan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf global.

5. Berhubung status pencapaian bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau pula:

   i. **KPT telah mempunyai 12 buah Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara** iaitu di Australia, Beijing, Chicago, Dubai, Ho Chi Minh City, Indonesia, Jordan, London, Los Angeles, Mesir, New Zealand dan Washington.

   ii. **KPT telah menubuhkan Education Malaysia Global Services (EMGS),** iaitu sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah bidang kuasa KPT pada tahun 2013. EMGS bertanggungjawab mempromosi jenama *Education Malaysia* di peringkat global dan sebagai pusat sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa iaitu dalam aspek pengurusan permohonan visa pelajar bagi pelajar antarabangsa yang telah mendapat tawaran mengikuti kursus-kursus di UA dan IPTS;

   iii. **KPT telah melaksanakan Program *Meet and Greet with International Students in Malaysia*** bagi menyantuni pelajar antarabangsa dan meningkatkan persepsi positif pelajar terhadap pengurusan KPT serta mengekalkan pengalaman baik sepanjang tempoh keberadaan mereka di Malaysia.

   iv. **Sehingga Jun 2023, sebanyak 1635 rekod kerjasama dicatatkan bagi UA dengan 76 buah negara** melalui pelbagai jenis perjanjian seperti *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA) sebagai tanda kesepakatan dan komitmen untuk terus giat mengantarabangsakan pendidikan tinggi negara.

   v. **EMGS dan Pejabat EM Luar Negara telah menjalankan pelbagai usaha pemasaran dan promosi pendidikan tinggi yang berterusan** di peringkat global termasuklah penglibatan dalam pameran pendidikan antarabangsa, promosi dalam talian, dan kerjasama dengan agensi promosi pendidikan tinggi luar negara.

vi. **Melaksanakan beberapa inisiatif/ kemudahan prosedur urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia bersama-sama dengan rakan strategik berkaitan**.

vii. **Melaksanakan inisiatif Pelan Tindakan *National Higher Education Review Committee* (NRC)** yang akan menambah baik dan memudah cara prosedur kemasukan pelajar antarabangsa di Malaysia.

6. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui MQA telah membangunkan **dokumen jaminan kualiti** dan **Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF)** sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada IPT.

7. Selain itu, ia turut **ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa** bagi memastikan setiap dokumen jaminan kualiti MQA yang menjadi panduan kepada IPT dan kurikulum yang dibangunkan adalah **seiring dengan perkembangan semasa serta menepati kehendak industri tempatan dan antarabangsa.**

8. Berhubung perkara ini juga, pengajian di Malaysia turut mengamalkan beberapa ciri fleksibiliti yang membolehkan pelajar menamatkan tempoh pengajian yang lebih singkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ

TARIKH : 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.57

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2019 hingga sekarang dan bagaimana Kerajaan memastikan pelajar lepasan SPM terus menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di KPT, kemasukan pelajar warganegara ke Universiti Awam (UA) berdasarkan kelayakan masuk SPM dari tahun 2019 sehingga Jun 2023 adalah seperti berikut:

   i. **2019** = 51,259 orang pelajar,
   ii. **2020** = 45,135 orang pelajar,
   iii. **2021** = 42,052 orang pelajar,
   iv. **2022** = 48,608 orang pelajar, dan
   v. **2023 (Sehingga Jun)** = 2,465 orang pelajar.

2. Berhubung perkara ini, dalam memastikan pelajar lepasan SPM terus menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi, Kementerian mengambil beberapa pendekatan antaranya:

   i. **Pertama,** KPT telah melaksanakan pelbagai program promosi pendidikan tinggi antaranya, **Program Jom Masuk U dan Program Outreach** di seluruh negara mengikut zon yang disertai IPTA, ILKA, IPTS serta agensi-agensi berkepentingan.

   ii. **Kedua,** bagi memberi galakkan kepada calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf meneruskan pendidikan tinggi di IPTA dan ILKA, KPT telah

menyediakan **4 Laluan Khas kemasukan** iaitu untuk Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah JKM; golongan B40; Orang Asli dan Atlet.

iii. **Ketiga,** dalam konteks pembiayaan dan insentif, terutamanya kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan **kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu persediaan awal pelajar dari segi kewangan sebelum mendaftarkan diri ke IPT.

iv. **Keempat,** KPT juga telah melancarkan **Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) pada tahun 2022** yang memberi peluang dan pembiayaan penuh kepada anak-anak golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya menyambung pengajian peringkat sarjana muda di UA. Bagi tahun 2024, seramai 10 ribu pelajar dijangka akan menerima manfaat daripada program ini.

v. Malah, KPT juga telah melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi membantu pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022.

vi. **Kelima,** bagi menarik minat dalam bidang TVET, KPT **memperkenalkan 5 Pusat Asasi TVET** yang akan beroperasi pada tahun ini melibatkan 5 buah politeknik yang akan bekerjasama dengan MTUN di seluruh negara.

vii. **Keenam,** Kementerian juga telah bersetuju untuk melaksanakan **sistem pembelajaran anjal** bagi 74 program yang membolehkan pelajar mengikuti pengajian di rumah dan kampus secara hibrid.

viii. **Ketujuh,** KPT menyarankan semua IPT untuk terus **menyemak dan menambahbaik semua program dan tawaran pengajian** yang ada agar lebih menarik, menyeronokkan, selari dengan industri dan berupaya untuk menarik minat anak muda hari ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN

TARIKH : 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dapat bersaing dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi luar negara yang didapati lebih padat dan mengambil masa yang lebih singkat.

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan prospek pengantarabangsaan IPTA dan IPTS serta bagaimana usaha memperkasakan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat Dato' Dr Nelson A/L Renganathan bertarikh 5 Disember 2023, dan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa bin Musa bertarikh 13 Disember 2023, kerana menyentuh isu yang sama dan berkaitan.

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan proaktif dalam menarik minat pelajar antarabangsa ke Malaysia serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

2. Berhubung perkara ini, status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah seperti berikut:

i. Setakat bulan Oktober tahun ini, terdapat peningkatan permohonan pelajar antarabangsa ke Malaysia sebanyak 5% berbanding tahun 2022.

ii. **Sehingga Jun 2023, terdapat seramai 104,315 pelajar antarabangsa di Malaysia** iaitu 43,952 di UA dan 60,363 di IPTS yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhomat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang membangunkan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2023-2030 yang dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

4. Kajian Pembangunan Dasar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Malaysia ini adalah selaras dengan matlamat Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) yang menggariskan strategi utama untuk meningkatkan jenama pendidikan tinggi negara dan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf global.

5. Berhubung status pencapaian bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau pula:

i. **KPT telah mempunyai 12 buah Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara** iaitu di Australia, Beijing, Chicago, Dubai, Ho Chi Minh City, Indonesia, Jordan, London, Los Angeles, Mesir, New Zealand dan Washington.

ii. **KPT telah menubuhkan Education Malaysia Global Services (EMGS),** iaitu sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah bidang kuasa KPT pada tahun 2013. EMGS bertanggungjawab mempromosi jenama *Education Malaysia* di peringkat global dan sebagai pusat sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa iaitu dalam aspek pengurusan permohonan visa pelajar bagi pelajar antarabangsa yang telah mendapat tawaran mengikuti kursus-kursus di UA dan IPTS;

iii. **KPT telah melaksanakan Program *Meet and Greet with International Students in Malaysia*** bagi menyantuni pelajar antarabangsa dan meningkatkan persepsi positif pelajar terhadap pengurusan KPT serta mengekalkan pengalaman baik sepanjang tempoh keberadaan mereka di Malaysia.

iv. **Sehingga Jun 2023, sebanyak 1635 rekod kerjasama dicatatkan bagi UA dengan 76 buah negara** melalui pelbagai jenis perjanjian seperti *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA) sebagai tanda kesepakatan dan komitmen untuk terus giat mengantarabangsakan pendidikan tinggi negara.

v. **EMGS dan Pejabat EM Luar Negara telah menjalankan pelbagai usaha pemasaran dan promosi pendidikan tinggi yang berterusan** di peringkat global termasuklah penglibatan dalam pameran pendidikan antarabangsa, promosi dalam talian, dan kerjasama dengan agensi promosi pendidikan tinggi luar negara.

vi. **Melaksanakan beberapa inisiatif/ kemudahan prosedur urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia bersama-sama dengan rakan strategik berkaitan**.

vii. **Melaksanakan inisiatif Pelan Tindakan *National Higher Education Review Committee* (NRC)** yang akan menambah baik dan memudah cara prosedur kemasukan pelajar antarabangsa di Malaysia.

6. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui MQA telah membangunkan **dokumen jaminan kualiti** dan **Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF)** sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada IPT.

7. Selain itu, ia turut **ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa** bagi memastikan setiap dokumen jaminan kualiti MQA yang menjadi panduan kepada IPT dan kurikulum yang dibangunkan adalah **seiring dengan perkembangan semasa serta menepati kehendak industri tempatan dan antarabangsa.**

8. Berhubung perkara ini juga, pengajian di Malaysia turut mengamalkan beberapa ciri fleksibiliti yang membolehkan pelajar menamatkan tempoh pengajian yang lebih singkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN

TARIKH : 5 DISEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN NO.17

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua universiti memberikan kelonggaran pembayaran penuh yuran pendaftaran terhadap siswa baharu memandangkan kos kemasukan ke institusi tersebut serta harga barangan keperluan yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 beliau pada 13 Oktober 2024 lalu, agar semua Universiti Awam (UA) bertindak lebih proaktif dan lebih insani dalam membantu urusan pembayaran yuran kemasukan pengajian dan tidak menghalang pendaftaran pengajian mereka disebabkan faktor kemiskinan.

2. Dalam hal ini, semua Universiti Awam (UA) telah diarahkan untuk menghadkan yuran pendaftaran pelajar sehingga RM1,500 sahaja mulai Januari 2024.

3. Ini bagi membolehkannya selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.

4. Jumlah RM1,500 adalah yuran kemasukan di UA dan boleh dibahahagikan kepada pecahan seperti yuran pendaftaran, yuran orientasi, yuran kokurikulum dan yuran alumni dan ianya berbeza di setiap UA.

5. Dalam hubungan ini, pelajar hanya perlu membayar yuran penuh apabila telah menerima pembiayaan PTPTN atau mana-mana penajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

TARIKH : 6 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.23

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk galakan yang akan disediakan buat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara bagi mewujudkan Klinik Bantuan Guaman seperti yang dilaksanakan oleh Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Shah Alam yang menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada umum secara *pro bono*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan misi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara, KPT sentiasa memberi galakan kepada IPTA dalam apa juga perkara selagi mana ia dapat memenuhi aspirasi negara dan yang terutamanya dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

2. Dalam hal ini, Klinik Bantuan Guaman Fakulti Undang-Undang (KBG UiTM) telah ditubuhkan selaras dengan misi tersebut.

3. KBG UiTM ditubuhkan bagi memberikan khidmat nasihat undang-undang percuma kepada kakitangan dan para pelajar Universiti Teknologi MARA serta orang awam sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan khidmat masyarakat pihak Fakulti.

4. KBG UiTM dikendalikan oleh para pensyarah Fakulti Undang-Undang yang berpengalaman dengan bantuan para pelajar Fakulti Undang-Undang khususnya pelajar tahun akhir.

5. KBG UiTM berusaha untuk menjadi pusat nasihat dan perundingan undang-undang yang terkemuka di Malaysia, sebagai sumbangan dalam memastikan akses kepada nasihat perundangan kepada semua lapisan masyarakat.

6. Selain KBG UiTM, terdapat juga beberapa universiti awam yang telah menubuhkan KBG antaranya seperti berikut:

   i. Klinik Bantuan Guaman, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (KBGUM);

   ii. IIUM Legal Aid Services (LAS), Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);

   iii. Klinik Literasi dan Bantuan Guaman (KLBG), Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);

   iv. Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syarie, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM;

   v. Klinik Bantuan Guaman Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);

   vi. Baitul Qanun, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA); dan

   vii. Pusat Bantuan Guaman, Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Universiti Utara Malaysia (UUM).

7. Dalam hal ini, Kementerian akan meneliti bentuk galakan yang akan disediakan buat IPTA seluruh negara bagi mewujudkan KBG sekiranya bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

TARIKH : 6 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.31

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bersedia dan mempunyai kepakaran untuk menilai kursus-kursus terkini yang melibatkan Revolusi Industri 5.0 / kecerdasan buatan (AI) kerana difahamkan bahawa terdapat pemohon Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan akreditasi sementara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sentiasa menggalakkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menawarkan program-program terkini dan berinovasi bagi memastikan program-program tersebut adalah berkualiti dan bertepatan dengan keperluan industri semasa.

2. Untuk makluman, terdapat 11 program pelbagai peringkat kelayakan secara khususnya merujuk kepada *Artificial Intelligence* (AI) yang ditawarkan oleh 10 buah IPT yang berdaftar telah mendapat kelulusan Akreditasi Sementara.

3. Manakala sebanyak enam (6) program dalam bidang *Artificial Intelligence* (AI) dari enam buah IPT termasuk Universiti berstatus Swaakreditasi telah diberikan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualfications Agency, MQA) dan disenaraikan di *Malaysian Qualifications Register* (MQR).

4. Dalam pada itu, melalui standard pengkomputeran MQA, kompetensi pelajar dalam membangunkan sistem *Artificial Intelligence* (AI) didedahkan melalui penawaran program yang melibatkan bidang Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Sains Data. Justeru itu, secara tidak langsung sebanyak 464 program Akreditasi Penuh dan 51 program Akreditasi Sementara bagi bidang

program Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Sains Data yang ditawarkan oleh PPT tempatan.

5. Berhubung kenyataan berkaitan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan akreditasi sementara, Piagam Pelanggan MQA telah menetapkan bahawa, proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh mengambil masa selama 9 minggu bagi setiap program bermula daripada dokumen lengkap.

6. Tempoh tersebut diperlukan bagi membolehkan semua kriteria dapat dinilai dengan teliti dan ia telah dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 6 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.45

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah kursus perguruan di universiti tempatan khususnya di Sarawak untuk mengisi keperluan di negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan penubuhan Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 2017. Program yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Sarjana Muda Pendidikan *Teaching English to Speakers of Other Languages* (TESOL).

2. Program yang sedang dirancang untuk ditawarkan pada masa hadapan ialah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan *Teaching English to Speakers of Other Languages* (TESOL) dan Master serta PhD secara penyelidikan dalam Pendidikan. Selain itu Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak telah menawarkan program-program pendidikan bagi memenuhi keperluan guru di Sarawak khususnya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3. Universiti Awam (UA) yang lain di Malaysia juga sentiasa melakukan semakan kurikulum secara berkala untuk disesuaikan dengan keperluan pendidikan negara. Terdapat juga UA yang telah menawarkan Program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan (PGDE) bagi siswazah yang berminat untuk menjadi guru dalam bidang-bidang penting dan kritikal sesuai dengan kehendak pemegang taruh di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM

TARIKH : 6 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.51

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

(a) bilangan dan kadar kemasukan pelajar **berbangsa India** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam pada tahun ini; dan

(b) jumlah pelajar **berbangsa India** yang layak tetapi tidak mendapat tempat untuk tiga pilihan utama jurusan pengajian yang telah dipohon oleh mereka.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan kemasukan pelajar warganegara berbangsa India di IPTA dari tahun 2020-2023 adalah seperti berikut:

   i. **2020:** 9,500 orang pelajar.

   ii. **2021:** 11,394 orang pelajar.

   iii. **2022:** 10,201 orang pelajar.

   iv. **2023** (**Sehingga September):** 6,167 orang pelajar.

2. Pecahan kemasukan mengikut pelajar warganegara berbangsa India mengikut IPTA dari tahun 2020 - 2023 adalah seperti berikut:

i. Bilangan kemasukan ke **UA** seramai **6,816** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **8,082** pada 2021, seramai **6,888** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **3,904** pelajar.

ii. Bilangan kemasukan ke **Politeknik** seramai **2,358** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **2,663** pada 2021, seramai **2,757** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **1,722** pelajar.

iii. Bilangan kemasukan ke **Kolej Komuniti** seramai **326** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **649** pada 2021, seramai **556** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **541** pelajar.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berdasarkan permohonan UPUOnline® bilangan calon **Lepasan SPM Kaum India** bagi sesi akademik 2023/2024 adalah:

i. Seramai **14,070** orang calon **Lepasan SPM Kaum India** telah **membuat permohonan**;

ii. Seramai **13,939** calon **layak dipertimbangkan** penawaran ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program pengajian peringkat Diploma, Asasi dan Sijil; dan

iii. Daripada jumlah tersebut **7,645 berjaya ditawarkan program pengajian pilihan mereka** dengan **kadar kejayaan** sebanyak **54.85%.**

4. Daripada keseluruhan **7,645** penawaran **calon Lepasan SPM Kaum India** pada **sesi akademik 2023/2024**:

i. **3,201 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 1 hingga 3** melalui permohonan UPUOnline® calon dengan **peratus kejayaan 41.87%;** dan

ii. **4,444 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 4 hingga 12** melalui permohonan UPUOnline® calon termasuk rayuan dengan **peratus kejayaan 58.13%.**

5. Berdasarkan permohonan UPUOnline® calon **Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** pula bagi sesi akademik 2023/2024 pula:

i. Seramai **6,908** calon **Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** telah membuat permohonan;

ii. Seramai **5,102** calon layak dipertimbangkan penawaran ke Universiti Awam bagi program pengajian peringkat Sarjana Muda; dan

iii. Daripada jumlah tersebut **4,083 berjaya ditawarkan program pengajian pilihan mereka** dalam UPUOnline® dengan **kadar kejayaan** sebanyak **80.03%.**

6. Daripada keseluruhan **4,083** penawaran **calon Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** pada **sesi akademik 2023/2024**:

   i. **2,157 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 1 hingga 3** calon dengan **peratus kejayaan 52.83%;** dan

   ii. **1,926 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 4 hingga 12** calon dengan **peratus kejayaan 47.17%.**

7. Maka, jumlah keseluruhan calon **Lepasan SPM dan Lepasan STPM/Setaraf Kaum India yang berjaya ditawarkan tiga (3) program pengajian pilihan utama** adalah sebanyak **5,358** dengan kadar kejayaan **45.69%** daripada **11,728** keseluruhan penawaran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

TARIKH : 6 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.59

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ulasan Kementerian terhadap isu kenaikan yuran perkhidmatan Universiti Malaya (UM) untuk sesi akademik yang baru dan apakah mekanisme yang sedia ada yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal yuran pengajian dan perkhidmatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) supaya ia tidak membebankan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 beliau pada 13 Oktober 2024 lalu, supaya semua Universiti Awam (UA) bertindak lebih proaktif dan insani dalam membantu urusan pembayaran yuran kemasukan pengajian dan tidak menghalang pendaftaran pengajian mereka disebabkan faktor kemiskinan.

2. Bagi membolehkan saranan ini selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak, semua UA telah diarahkan untuk menghadkan yuran pendaftaran pelajar sehingga RM1,500 sahaja mulai Januari 2024.

3. Pada masa yang sama, Universiti perlu lebih memahami berkenaan hal ehwal kebajikan pelajar. UA tidak dibenarkan menghalang pendaftaran pelajar kerana tidak membayar yuran kemasukan pengajian dan pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak lagi akan disekat bagi mendaftar subjek pada setiap semester dan bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek.

4. Pada masa yang sama, pelajar yang berkemampuan pula adalah diminta untuk lebih bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan kepada kemudahan ini dengan menjelaskan yuran yang tertunggak dan tidak culas. Ini bagi memastikan universiti dapat terus beroperasi dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM

TARIKH : 7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO.1

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar berbangsa India yang ditawarkan Program Matrikulasi dan Asasi untuk tahun 2023 dan adakah semua pelajar yang diberikan tawaran Program Matrikulasi dan Asasi ini menerima tawaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua, tawaran ke Program Matrikulasi adalah dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Bagi **Program Asasi** yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), berdasarkan permohonan UPUOnline® pecahan bilangan calon **Lepasan SPM kaum India** bagi sesi akademik 2023/2024 ke **Program Asasi di Universiti Awam dan Politeknik adalah seperti berikut:**

    i. Seramai **2,279** calon **Lepasan SPM kaum India** telah membuat permohonan ke Program Asasi;

    ii. Seramai **2,270** calon layak dipertimbangkan penawaran ke Program Asasi Universiti Awam dan Politeknik.

    iii. Daripada jumlah tersebut, **703** telah berjaya ditawarkan ke Program Asasi dengan pecahan **588 Program Asasi di Universiti Awam dan 115 ke Program Asasi TVET Politeknik** dengan **kadar kejayaan** keseluruhan sebanyak **30.97%**

3. Daripada **703** penawaran ke program Asasi kepada **calon Lepasan SPM kaum India, 237** menyatakan **setuju terima** dan **232 telah mendaftar bagi penawaran perdana** dan **tidak termasuk** data pendaftaran rayuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TARIKH : 11 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.40

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan terhadap bangunan Intekma Resort & Convention Centre di Shah Alam, Selangor yang sudah lama terbiar sedangkan pada yang sama, ramai pelajar UiTM menghadapi masalah penginapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, INTEKMA Resort and Convention Centre (IRCC) merupakan bangunan komersial milik UiTM yang dibeli pada tahun 1997 dan diuruskan sepenuhnya oleh UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd. (UHMS) iaitu salah satu syarikat subsidiari di bawah UiTM Holdings Sdn. Bhd.

2. IRCC sebelum ini menawarkan perkhidmatan hotel berkonsepkan apartmen termasuk kemudahan pusat persidangan.

3. Berhubung perkara ini, setelah 22 tahun, perkhidmatan IRCC telah ditamatkan pada tahun 2019 berikutan UHMS mengalami masalah operasi serta kewangan ekoran kemudahan IRCC yang uzur serta saingan yang sangat kompetitif melibatkan industri perhotelan dan hospitaliti khususnya di Shah Alam. Justeru itu, pada 1 Julai 2020, IRCC telah diserahkan kembali kepada pihak pengurusan UiTM.

4. Berdasarkan perancangan terkini IRCC, UiTM dalam proses untuk mendapatkan penyewa yang mampu untuk menjalankan operasi komersial IRCC mengikut peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

5. Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 3) 2020, IRCC telah dizonkan di bawah kegunaan perdagangan. Sekiranya fungsi IRCC ditukar kepada asrama penginapan pelajar, UiTM perlu

mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi memenuhi syarat dan peraturan di bawah PBT dan mungkin memberi kesan langsung terhadap yuran penginapan pelajar.

6. Berhubung isu kekurangan asrama/kolej kediaman di Kampus UiTM Shah Alam, perkara ini berlaku kerana kapasiti semasa asrama yang disediakan adalah berjumlah 13,599 pelajar berbanding jumlah keseluruhan enrolmen pelajar adalah 32,513 pelajar bagi setiap semester.

7. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh UiTM bagi membantu pelajar berhubung isu ini adalah:

   i. pengambilalihan semula Kolej Kediaman Kristal, Kenanga, Cemara, Akasia dan Cendana (INTEC) dengan jumlah kapasiti seramai 3,000 pelajar;

   ii. menaik taraf 24 bilik uzur rosak berkapasiti 144 orang di Kolej Kediaman Meranti;

   iii. menambah bilangan kapasiti di kampus-kampus dengan cadangan pembinaan baharu asrama di kampus Shah Alam, Segamat, Rembau, Seremban dan Tapah yang mempunyai ramai pelajar tinggal di luar kampus;

   iv. memperkasakan Unit Pengurusan Non Resident yang ditubuhkan sejak tahun 2006 sebagai pemudah cara kepada pelajar yang tinggal di luar kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH

TARIKH : 11 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN NO.53

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan objektif Kementerian melaksanakan semula program tajaan biasiswa MyBrain15 yang kini dijenamakan sebagai MyBrain 2.0 bermula tahun 2024 dan pembaharuan yang ingin dilakukan bagi memantapkan lagi inisiatif tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan program MyBrain 2.0 mulai tahun 2024 bermatlamat memperkukuh modal insan Malaysia.

2. Antara objektif Program MyBrain 2.0 ialah menghasilkan *output, outcome* dan impak yang dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan individu, masyarakat, industri dan negara melalui pembangunan modal insan dan pemerkasaan bakat yang berkemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan.

3. Ia juga dapat menyumbang kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kerjaya dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup serta meningkatkan keupayaan, prestasi dan penarafan Universiti Awam dan sektor pendidikan tinggi Malaysia.

4. Kementerian telah mengambil inisiatif merekayasa program ini bagi tujuan penambahbaikan iaitu memfokuskan kepada sasaran keberhasilan yang mana prestasi program MyBrain 2.0 akan diukur daripada peratusan pelajar bergraduat dalam tempoh (*Graduate On Time* - GOT) dan peratusan keciciran iaitu bilangan pelajar yang tidak tamat pengajian (gugur atau tarik diri atau gagal dan berhenti). Sehubungan itu, pemantauan prestasi pelajar akan dilaksanakan dengan lebih ketat supaya matlamat GOT akan dapat dicapai.

5. Selain itu, kaedah saringan dan pemilihan juga akan dilaksanakan dengan lebih ketat seperti temu duga dan ujian psikometrik. Calon-calon yang disenarai pendek selepas sesi temu duga akan dipertimbangkan dalam satu Jawatankuasa Pemilihan di peringkat KPT. Langkah ini akan membolehkan pemilihan calon dilakukan secara lebih telus bagi menghasilkan graduan yang lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN

TARIKH : 12 DISEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN NO.18

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) faktor kurang keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang dimulakan pada tahun 2011; dan

(b) strategi yang dirancang untuk memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT Awam (IPTA) 2023-2030 berkesan.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menjadikan usaha memartabat Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada agenda penting pendidikan tinggi negara.

2. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2011 - 2015 (**Pelan Tindakan 2011 – 2015**) diperkenal buat pertama kalinya pada tahun 2011. Seterusnya, KPT meneruskan usaha memartabat Bahasa Melayu dengan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016 – 2020 (**Pelan Tindakan 2016 – 2020**).

3. Keberkesanan kedua-dua pelan tindakan ini telah dikaji. Rumusan dan dapatan laporan **Pelan Tindakan 2011 – 2015** hasil Laporan Audit Bahasa Melayu di

IPTA 2014 menunjukkan terdapat sebanyak tujuh (7) inisiatif yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

4. Dapatan ini menjadi asas rasional kepada pembangunan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (UA) 2016 – 2020.

5. Bagi **Pelan Tindakan 2016 – 2020** pula, penetapan objektif dalam pelan ini dilihat kurang mengambil kira senario semasa Universiti Awam pada ketika itu seterusnya memberi impak kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan.

6. Selain itu, hasil laporan turut mencadangkan beberapa penambahbaikan termasuk pemantauan yang perlu dijalankan secara berterusan dan keperluan untuk menambah baik kerangka dan instrumen pelaporan pelan tindakan.

7. Hasil maklum balas daripada kedua-dua laporan tersebut telah menjadi batu asas bagi pembangunan dan perancangan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023-2030 (**PTMBM 2023 – 2030)** yang telah ditambahbaik dan dilihat mampu untuk dilaksanakan dengan lebih berkesan.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023 – 2030 (**PTMBM 2023 - 2030**) telah dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 15 Jun 2023 yang lalu.

9. PTMBM 2023 – 2030 ini merupakan kesinambungan dari dua (2) pelan tindakan sebelumnya. Ketiga-tiga pelan tindakan ini menunjukkan komitmen berterusan dan keseriusan KPT dalam memperkasa Bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi.

10. PTMBM 2023 – 2030 ini digunakan bagi melaksana beberapa strategi utama kementerian dalam memartabat Bahasa Melayu. Antaranya, KPT menjalankan proses pemantauan inisiatif strategi melalui laporan tahunan yang perlu dihantar kepada KPT oleh semua institusi yang terlibat.

11. Memandangkan PTMBM 2023 – 2030 ini telah mula dipantau oleh KPT sejak tahun pertama pelaksanaannya, sebarang isu dan permasalahan yang timbul, sekiranya ada, akan dapat segera diselesaikan melalui intervensi awal.

12. Bagi tujuan ini, KPT juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan iaitu:

    i. menambahbaik instrumen pelaporan tahunan,

    ii. melantik dua (2) Pegawai Fokal di universiti awam/ politeknik / kolej komuniti dan memberikan mereka peranan yang lebih luas selain memastikan para pegawai fokal memahami kaedah pengumpulan data berdasarkan jangka masa yang telah ditetapkan,

    iii. menubuhkan Unit Pemerkasaan Bahasa Melayu di KPT dan Jawatankuasa di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK),

    iv. menganjurkan Bengkel Pelaporan PTMBM 2023 – 2030 secara tahunan, dan

    v. memperkemas proses penerangan mengenai pengisian dan pengumpulan data menggunakan instrumen pelaporan yang telah disediakan oleh KPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.37

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya lebih ramai graduan mampu memperoleh gaji premium melebihi RM4,000 sebulan berbanding hanya 10 hingga 15 peratus yang berjaya mendapat gaji tersebut buat masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan pada tahun 2020, **hanya 42 peratus (%) pelajar dan program TVET yang terdapat di negara kita dikendalikan dan berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**.

2. Oleh yang demikian, sebagai penjelasan, segala maklumat mengenai kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang saya nyatakan di sini hanya merangkumi kepada pengajian TVET di institusi-institusi di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

3. Pecahan graduan TVET di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah seperti berikut:

    i. Graduan Universiti Teknikal Malaysia atau *Malaysian Technical University Network* – MTUN yang terdiri daripada rangkaian universiti awam seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); serta

    ii. Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

4. KPT telah memberikan komitmen untuk memberi perhatian kepada indikator gaji premium bagi menangani isu *underemployment* dalam kalangan graduan secara keseluruhan.

5. Berdasarkan data rasmi daripada Kajian Pengesanan Graduan tahun 2022, setakat ini, peratusan graduan TVET yang telah menerima gaji premium, iaitu RM4,001 ke atas sebulan adalah seperti berikut:

    i. Bagi graduan lepasan MTUN peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas, sebanyak 12.5 peratus daripada mereka telah menerima gaji premium; dan

    ii. Bagi graduan lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti peringkat diploma, mereka yang sudah menerima gaji premium adalah sebanyak 1.96 peratus.

6. Kementerian akui bahawa peratusan graduan TVET yang menerima gaji premium semasa Kajian Pengesanan Graduan dilaksanakan ini masih rendah.

7. Oleh yang demikian, pelbagai usaha yang telah dan bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan lebih ramai graduan berupaya menerima gaji premium.

8. Kementerian mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama bersama industri dalam memastikan institusi dan graduan TVET selari dengan keperluan dan perkembangan industri.

9. Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta pengimplementasian pendekatan *Work Based Learning* iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri.

10. Kerjasama ini diterjemahkan melalui pelaksanaan program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Industry@University, Structured Internship Programme (SIP), Program Inkubator Penyelidikan dan Serap Industri KPT dan lain-lain lagi. Program-program ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran praktikal dan set kemahiran yang mendapat permintaan tinggi industri.

11. Selain itu, kerjasama merentas kementerian serta agensi juga dimantapkan lagi menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU). Baru-baru ini Kementerian telah menandatangani MoU bersama pihak SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan

keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

12. Pemerkasaan hubungan dan kerjasama institusi TVET di bawah KPT akan terus dipertingkatkan selaras dengan pembentangan belanjawan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 yang lalu dengan RM100 juta diperuntuk bagi pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA

TARIKH : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.40

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian dalam memupuk minat serta kemahiran keusahawanan di peringkat universiti dengan tujuan untuk memastikan perkembangan teknologi dan inovasi tempatan yang dimiliki rakyat dan syarikat Malaysia. Bolehkah Kerajaan meneliti untuk mengadakan kerjasama bersama-sama syarikat swasta dalam menjayakan usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam memperkasakan agenda keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi selaras dengan hasrat yang digariskan di dalam Lonjakan 1 – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) dalam melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Usaha ini adalah untuk memastikan graduan IPT tidak hanya sebagai pencari kerja tetapi berupaya menjadi pencipta kerja. Antara usaha yang dilaksanakan Kementerian adalah:

    i. Penubuhan pusat keusahawanan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai penggerak kepada inisiatif-inisiatif keusahawanan di peringkat IPT sejak tahun 2010. Pusat keusahawanan ini berperanan dalam merancang, menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan pendidikan keusahawanan, program dan aktiviti keusahawanan di IPT.

    ii. Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) yang bertindak sebagai *guiding principle* dalam usaha membentuk dan memperkasa ekosistem keusahawanan di IPT. PTK IPT 2021 – 2025 ini telah direka secara holistik dengan menggambil kira perubahan industri ke arah Revolusi Industri 4.0

dan selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030. Pelan Tindakan ini menggariskan tiga (3) teras utama untuk memperkasa agenda keusahawanan di IPT iaitu memperkukuh ekosistem keusahawanan yang bersinergi, meningkatkan kolaborasi yang berimpak tinggi dan memperkasa inovasi dan teknologi dalam keusahawanan.

2. Menerusi PTK IPT 2021-2025, pelaksanaan program keusahawanan meliputi skop kesedaran, pembudayaan dan pengukuhan bagi meningkatkan kemahiran dan minat keusahawanan dalam diri para pelajar dan graduan IPT.
3. Untuk tujuan pemerkasaan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan, Kementerian telah memberi tumpuan pelaksanaan program yang memupuk pembudayaan keusahawanan yang berasaskan teknologi dan inovasi, mendorong inovasi melalui tindakan praktikal untuk mentransformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif, dan membangunkan perusahaan pelajar dan graduan dengan keupayaan tersendiri berdasarkan inovasi atau aplikasi sains atau teknologi.

4. Dalam hal ini, Kementerian ini juga sentiasa mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama industri dalam pelbagai peringkat dan bentuk merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat, pengembangan jaringan perniagaan, pencarian dana dan mewujudkan situasi menang-menang bagi pelajar dan graduan IPT.

5. Antara industri yang pernah terlibat adalah dari bidang teknologi komunikasi seperti Celcom Axiata Sdn.. Bhd, bidang teknologi kreatif seperti KRU Studios dan Warnakala, bidang peruncitan seperti Mydin Mohamed Holdings Berhad, peneraju inovasi seperti MRANTI dan Yayasan Inovasi Malaysia serta lain-lain pihak yang berkepentingan yang boleh membantu Kementerian untuk meneruskan agenda ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ

TARIKH : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.43

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang-bidang pengajian lain bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah responsif industri dan selaras dengan dasar kerajaan peringkat nasional dengan menggunapakai dasar-dasar peringkat nasional sebagai rujukan seperti Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia, *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030) dan *National Energy Transition Roadmap* (NETR).

2. Di peringkat universiti awam (UA), terdapat kursus-kursus TVET yang ditindikkan dalam program-program pengajian lain bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan. Selain itu, terdapat juga fakulti-fakulti yang menerapkan elemen TVET dalam semua kursus yang ditawarkan merentas program Diploma Pascasiswazah, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

3. Bagi politeknik pula, melalui inisiatif Transformasi Politeknik, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi/ teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM

TARIKH : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN NO.49

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif baru daripada Kementerian untuk menaik taraf dan memastikan keberhasilan institusi Politeknik setaraf dengan institusi Politeknik di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui inisiatif **Transformasi Politeknik** yang sedang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), teknologi pertanian, rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.

2. Justeru, penambahan penawaran program baharu TVET adalah selari dengan dasar nasional seperti NIMP 2030, NETR yang merangkumi bidang-bidang terkini dan termaju serta memenuhi kehendak industri.

3. Dalam hal ini, bermula tahun 2016 hingga 2022, seramai 81 orang pelajar politeknik telah menjalani latihan industri (LI) di beberapa buah negara antaranya di Singapura, United Kingdom, Doha, Hungary dan Thailand.

4. Syarikat luar negara yang terlibat antaranya adalah Holiday Villa Qatar kerjasama LI di Doha, Jaewon Frontier (M) Sdn. Berhad kerjasama LI di Hungary dan Western Digital di Thailand.

5. Berhubung perkara ini juga, dalam usaha Kementerian meningkatkan kualiti politeknik supaya setaraf dengan politeknik di luar negara, pelbagai langkah proaktif telah diambil. Kementerian menjalinkan kerjasama bersama industri bagi memastikan institusi dan graduan TVET selari dengan keperluan dan perkembangan industri.

6. Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta pengimplementasian pendekatan *Work Based Learning* iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri.

7. Antara pelaksanaan bagi maksud kerjasama ini adalah melalui program-program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Industry@University, Structured Internship Programme (SIP), Program Inkubator Penyelidikan dan Serap Industri KPT dan banyak lagi. Program-program ini bertujuan mempersiap graduan dengan set kemahiran praktikal yang mendapat permintaan tinggi industri.

8. Selain itu, Kementerian ini juga terus memantapkan kerjasama merentas kementerian serta agensi menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU). Baru-baru ini Kementerian telah menandatangani MoU bersama pihak SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

9. Pemerkasaan hubungan dan kerjasama institusi TVET di bawah KPT akan terus dipertingkatkan secara berterusan selaras dengan pembentangan belanjawan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 yang lalu dengan RM100 juta diperuntuk bagi pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN

TARIKH : 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dapat bersaing dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi luar negara yang didapati lebih padat dan mengambil masa yang lebih singkat.

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan prospek pengantarabangsaan IPTA dan IPTS serta bagaimana usaha memperkasakan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat Dato' Dr Nelson A/L Renganathan bertarikh 5 Disember 2023, dan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa bin Musa bertarikh 13 Disember 2023, kerana menyentuh isu yang sama dan berkaitan.

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan proaktif dalam menarik minat pelajar antarabangsa ke Malaysia serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

2. Berhubung perkara ini, status pencapaian Kerajaan dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah seperti berikut:

   i. Setakat bulan Oktober tahun ini, terdapat peningkatan permohonan pelajar antarabangsa ke Malaysia sebanyak 5% berbanding tahun 2022.

   ii. **Sehingga Jun 2023, terdapat seramai 104,315 pelajar antarabangsa di Malaysia** iaitu 43,952 di UA dan 60,363 di IPTS yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhomat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang membangunkan Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2023-2030 yang dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

4. Kajian Pembangunan Dasar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Malaysia ini adalah selaras dengan matlamat Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) yang menggariskan strategi utama untuk meningkatkan jenama pendidikan tinggi negara dan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf global.

5. Berhubung status pencapaian bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau pula:

   i. **KPT telah mempunyai 12 buah Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara** iaitu di Australia, Beijing, Chicago, Dubai, Ho Chi Minh City, Indonesia, Jordan, London, Los Angeles, Mesir, New Zealand dan Washington.

   ii. **KPT telah menubuhkan Education Malaysia Global Services (EMGS),** iaitu sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah bidang kuasa KPT pada tahun 2013. EMGS bertanggungjawab mempromosi jenama *Education Malaysia* di peringkat global dan sebagai pusat sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa iaitu dalam aspek pengurusan permohonan visa pelajar bagi pelajar antarabangsa yang telah mendapat tawaran mengikuti kursus-kursus di UA dan IPTS;

   iii. **KPT telah melaksanakan Program *Meet and Greet with International Students in Malaysia*** bagi menyantuni pelajar antarabangsa dan meningkatkan persepsi positif pelajar terhadap pengurusan KPT serta mengekalkan pengalaman baik sepanjang tempoh keberadaan mereka di Malaysia.

iv. **Sehingga Jun 2023, sebanyak 1635 rekod kerjasama dicatatkan bagi UA dengan 76 buah negara** melalui pelbagai jenis perjanjian seperti *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA) sebagai tanda kesepakatan dan komitmen untuk terus giat mengantarabangsakan pendidikan tinggi negara.

v. **EMGS dan Pejabat EM Luar Negara telah menjalankan pelbagai usaha pemasaran dan promosi pendidikan tinggi yang berterusan** di peringkat global termasuklah penglibatan dalam pameran pendidikan antarabangsa, promosi dalam talian, dan kerjasama dengan agensi promosi pendidikan tinggi luar negara.

vi. **Melaksanakan beberapa inisiatif/ kemudahan prosedur urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia bersama-sama dengan rakan strategik berkaitan**.

vii. **Melaksanakan inisiatif Pelan Tindakan *National Higher Education Review Committee* (NRC)** yang akan menambah baik dan memudah cara prosedur kemasukan pelajar antarabangsa di Malaysia.

6. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui MQA telah membangunkan **dokumen jaminan kualiti** dan **Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF)** sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada IPT.

7. Selain itu, ia turut **ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa** bagi memastikan setiap dokumen jaminan kualiti MQA yang menjadi panduan kepada IPT dan kurikulum yang dibangunkan adalah **seiring dengan perkembangan semasa serta menepati kehendak industri tempatan dan antarabangsa.**

8. Berhubung perkara ini juga, pengajian di Malaysia turut mengamalkan beberapa ciri fleksibiliti yang membolehkan pelajar menamatkan tempoh pengajian yang lebih singkat.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA
DEWAN NEGARA
TAHUN 2023

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE

SOALAN NO.2

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status proses pindaan Seksyen 15 dan 16 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen hujung tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bacaan pertama Rang Undang-Undang Universiti & Kolej Universiti (Pindaan) 2023 telah dilakukan di Dewan Rakyat pada 27 November 2023 (Isnin) iaitu dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-15 Tahun 2023.

2. Bacaan kedua dan ketiga RUU tersebut akan diadakan pada sesi mesyuarat akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

SOALAN NO.96

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

(a) pecahan statistik pelajar lepasan SPM dan setaraf serta pelajar lepasan STPM dan setaraf dari masyarakat India yang menerima tawaran dan melaporkan diri untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Awam di Malaysia pada tahun 2023; dan

(b) apakah mekanisme yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam proses kenaikan pangkat tenaga pengajar di Politeknik memandangkan terdapat pandangan terutamanya dalam kalangan tenaga pengajar Politeknik bahawa mereka tidak dinaikkan pangkat berdasarkan sistem merit dan kelayakan pendidikan mereka.

JAWAPAN

(a)
Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik bilangan **calon India Lepasan SPM** bagi **sesi akademik 2023/2024** yang menerima tawaran dan **mendaftar** ke **Universiti Awam (UA)** bagi kemasukan **Julai 2023** adalah seperti berikut:

    i. Sebanyak **7,645 penawaran dikeluarkan.**

    ii. Daripada jumlah tersebut, seramai **2,249** telah **mendaftar** dengan **peratus pendaftaran** sebanyak **29.42%.**

2. Statistik bilangan **calon India lepasan STPM/Setaraf** bagi **sesi akademik 2023/2024** yang **mendaftar** ke **Universiti Awam (UA)** bagi kemasukan **Oktober 2023** adalah seperti berikut:

    i. Sebanyak **4,083 penawaran dikeluarkan.**

iv. Daripada jumlah tersebut, seramai **3,244** telah **mendaftar** dengan **peratus pendaftaran** sebanyak **79.45%.**

(b)
Tuan Yang di-Pertua,

3. Kenaikan pangkat Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 33 Tahun 2007, Skim PPPT dalam **PERKARA 5 (f), 5 (g) dan 5 (h)** iaitu:

i. kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan dari Gred DH29 ke DH32, Gred DH32 ke Gred DH34 adalah tanpa kekosongan jawatan tetapi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan termasuk memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan;

ii. pegawai-pegawai Gred DH29, DH31/32, DH33/34 yang memperolehi ijazah semasa sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan adalah layak dinaikkan pangkat ke Gred DH42 tanpa kekosongan jawatan; dan

iii. semua kenaikan pangkat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional sehingga ke Gred DH54 adalah juga tanpa kekosongan jawatan tetapi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan termasuk memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

4. Kelayakan pendidikan PPPT diambil kira dalam penetapan tangga gaji yang lebih tinggi semasa proses pengambilan di gred lantikan pertama oleh Pihak Berkuasa Melantik Skim Perkhidmatan PPPT berdasarkan **Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan bagi Gred Jawatan/ Gaji Gred DH29 hingga DH54,** muka surat 107 hingga 114.

5. Selain itu, kelayakan akademik yang diterima dalam gred semasa diambil kira dalam kriteria kecemerlangan urusan kenaikan pangkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

SOALAN NO.100

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah biasiswa MyBrain 2.0 dihadkan kepada sejumlah 500 peserta sahaja dan hanya memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dalam bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (STEM) memandangkan terdapat ramai pelajar yang layak daripada kumpulan B40 dalam bidang undang-undang, keusahawanan, seni reka kreatif dan sebagainya yang juga memerlukan inisiatif sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penetapan kuota sebanyak 500 kuota ini adalah berdasarkan bajet yang diluluskan sebanyak RM20 juta bagi setiap ambilan.

2. Peruntukan ini adalah untuk membiayai kos yuran pengajian dan elaun sara hidup pelajar di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih.

3. Penetapan bidang pengajian adalah berdasarkan keperluan bidang keutamaan negara. Walaupun bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) merupakan fokus utama, calon sebenarnya turut boleh memohon pelbagai bidang lain yang diperlukan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN

SOALAN NO.109

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang masih beroperasi dan jumlah pelajar tempatan dan antarabangsa sedia ada yang berdaftar di IPTS-IPTS tersebut serta bidang-bidang manakah yang menjadi bidang pilihan utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Oktober 2023, sejumlah 388 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Jumlah tersebut merangkumi 60 buah universiti swasta, 33 buah kolej universiti, 285 buah kolej dan 10 buah kampus cawangan luar negeri (KCLN).

2. Berdasarkan sistem e-IPTS, KPT, sejumlah 541,577 orang pelajar daripada 388 IPTS sedang mengikuti pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 477,859 orang pelajar adalah pelajar tempatan (88%) dan 63,718 orang pula adalah pelajar antarabangsa (12%).

3. Antara bidang- bidang utama yang menjadi pilihan utama pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa adalah sains sosial, perniagaan dan perundangan, sains, matematik dan komputer, pendidikan serta kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

SOALAN NO.119

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar tajaan Kerajaan yang belajar di luar negara dan apakah langkah Kerajaan bagi menangani pelajar tajaan yang tidak mahu pulang berbakti di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 20 November 2023, seramai **193 pelajar di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** melanjutkan pengajian di luar negara.

2. Salah satu **syarat utama** program-program penajaan KPT untuk para pelajar/pegawai yang mengikuti pengajian di universiti, kolej atau institusi pengajian di luar negara adalah, mereka **perlu kembali ke Malaysia dan melaporkan diri kepada Kerajaan serta-merta selepas menamatkan pengajian**. Perjanjian yang ditandatangani di antara pihak Kerajaan dengan pelajar/pegawai tajaan KPT mengikat mereka untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian penajaan.

3. Bagi pelajar/pegawai tajaan KPT yang didapati melanggar mana-mana syarat perjanjian, mereka dikehendaki memulangkan semula kesemua **kos perbelanjaan sebenar yang telah dikeluarkan** oleh Kerajaan sepanjang tempoh tajaan selepas tarikh penamatan perjanjian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

SOALAN NO.122

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini pelajar-pelajar yang menyertai pembelajaran Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khusus dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan pelajar yang sedang mengikuti bidang pertanian (Pertanian, pembalakan dan perikanan) di IPTA adalah seperti berikut:

    i. **Universiti Awam (UA)** seramai 10,061 pelajar pada tahun 2020, diikuti oleh 9,825 pelajar pada tahun 2021 dan 9,698 pelajar pada tahun 2022.

    ii. **Politeknik** seramai 2,364 pelajar pada tahun 2020, diikuti oleh 2,318 pelajar pada tahun 2021 dan 2,282 pelajar pada tahun 2022.

    iii. **Kolej Komuniti** seramai 184 pelajar pada tahun 2020, diikuti oleh 187 pelajar pada tahun 2021 dan 194 pelajar pada tahun 2022.

2. Bagi tahun 2023, sehingga September 2023, bilangan pelajar yang sedang mengikuti bidang yang sama di UA adalah seramai 9,939, Politeknik seramai 2,444 dan Kolej Komuniti 192 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS

SOALAN NO.137

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme pemilihan bagi program MyBrain 2.0 dan usaha Kementerian dalam menyelesaikan isu berhubung program-program pengajian yang tidak menarik di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mulai tahun 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan pelaksanaan program penajaan MyBrain 2.0 sebagai kesinambungan program MyBrain15.

2. Antara penambahbaikan pada program ini adalah mekanisme pemilihan pelajar yang lebih ketat seperti saringan kelayakan akademik, ujian psikometrik dan temuduga.

3. Panel temu duga yang dipilih adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Awam (UA) yang memiliki kepakaran dalam bidang yang berkaitan.

4. Selain itu, calon-calon yang disenarai pendek selepas sesi temu duga akan dipertimbangkan dalam satu Jawatankuasa Pemilihan di peringkat KPT. Langkah ini akan membolehkan pemilihan calon dilakukan secara lebih telus bagi menghasilkan graduan yang lebih berkualiti.

5. Berhubung isu program-program pengajian yang tidak menarik, KPT sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan program yang ditawarkan di UA dapat melahirkan graduan yang memberikan sumbangan yang relevan kepada guna tenaga negara selaras dengan keperluan pasaran buruh.

6. Antara langkah yang diambil untuk memastikan program pengajian di UA kekal relevan adalah:

i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik agar ia relevan, terkini serta selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0.

   Melalui proses ini juga, UA mengenal pasti program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang lebih bersesuaian.

ii. Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh UA. Setiap UA perlu menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan.

   Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa.

iii. Memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) di UA dalam program akademik sama ada baharu atau semakan kurikulum sedia ada. FRC merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu:

   a. Struktur Kurikulum Lentur dan Organik;
   b. Penyampaian Transformatif PdP; dan
   c. Pentaksiran Holistik.

iv. Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i (‘u’ mewakili semua IPT, ‘i’ merujuk kepada industri). Program 2u2i adalah program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) di mana pendekatan ini menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri. Program ini menggunakan pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i di mana tempoh pembelajaran berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar (industri) iaiutu sekurang-kurangnya 1 tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR

SOALAN NO.153

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Program Serap Industri (IIP) akan melibatkan mana-mana IPTA dan IPTS di Negeri Sembilan yang berpotensi besar untuk melahirkan profesional masa hadapan yang berupaya memberi sumbangan dalam sektor-sektor ekonomi berskala global khususnya yang dikendalikan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik sebagai Ketua Konsortium Elektrik & Elektronik (E&E) Universiti Malaysia bagi pelaksanaan Program Inkubator Penyelidikan dan Serap-Industri Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 1 November 2023 baru-baru ini.

2. Konsortium yang diketuai oleh USM ini terdiri daripada 19 buah Universiti Awam (UA) yang lain termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Negeri Sembilan (hanya 1 UA iaitu Universiti Malaysia Kelantan tidak menyertai konsortium ini).

3. Konsortium ini akan menandatangani MOU dengan syarikat-syarikat E&E di koridor utara untuk bekerjasama dalam Pembangunan bakat sesuai dengan keperluan sektor E&E di sana.

4. Tujuan penubuhan konsortium ini adalah bagi membangunkan bakat yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran *sharp-skill* dan *smart-skill* yang bertepatan dengan keperluan industri E&E di mana pengetahuan dan kemahiran ini diberikan kepada pelajar semasa mereka masih berada dalam tempoh pengajian.

5. Pendedahan pelajar kepada keperluan industri akan bermula dengan penawaran Latihan Industri (LI) oleh syarikat. Pelajar juga akan berpeluang menggunakan peralatan dan perisian yang digunakan oleh industri sendiri dalam

operasi harian mereka. Ini akan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan menjadikan mereka *industry ready* apabila menamatkan pengajian.

6. Justeru itu, syarikat-syarikat yang menandatangani MOU dengan Konsortium E&E Universiti Malaysia juga telah bersetuju memberikan *job guarantee* dengan gaji premium (minimum RM 4,000.00) kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam inisiatif ini.

7. Penubuhan konsortium dalam bidang E&E ini merupakan projek rintis kerjasama UA dengan sektor E&E untuk mempersiap para pelajar menghadapi alam pekerjaan di sektor ini.

8. Model kerjasama ini boleh dikembangkan untuk sektor-sektor yang lain dan diterajui oleh universiti yang bersesuaian mengikut bidang tujahan masing-masing. Misalnya, KPT sedang dalam perancangan untuk menubuhkan konsortium untuk bekerjasama dengan industri halal dan sedang mempertimbang USIM sebagai ketua konsortium untuk inisiatif ini memandangkan halal merupakan salah satu *niche area* USIM.

9. Justeru itu, Program Serap Industri akan dapat melahirkan profesional masa hadapan yang berupaya memberi sumbangan dalam sektor-sektor ekonomi berskala global.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA DEWAN NEGARA TAHUN 2023

UCAPAN PENGGULUNGAN

UCAPAN PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2024
OLEH YB DATO' HAJI MOHAMMAD YUSOF BIN APDAL
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
7 DISEMBER 2023

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **dua belas (12)** orang Yang berhormat Senator yang telah membangkitkan beberapa perkara dan isu yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

PEMBAHAS:
YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN
YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. **YB Senator Datuk Lim Pay Hen** yang menyentuh mengenai **strategi menarik lebih ramai anak muda menyambung pengajian dalam bidang TVET di bawah KPT,** selain **kerjasama strategik dengan industri AI** dan **peruntukan khusus program pendidikan pengundi muda. Isu ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato Sivaraj A/L Chandran.**

Pelan dan dasar menarik lebih ramai anak muda menyambung pengajian dalam bidang TVET di bawah KPT

2. Di sini saya ingin maklumkan bahawa program TVET di bawah KPT sebenarnya menunjukkan kemasukan yang konsisten dan berada pada tahap tertinggi sejak 3 tahun terkini.

3. Malah, bagi semua program TVET yang diuruskan oleh KPT (sama ada di politeknik atau pun MTUN), enrolmen setakat September 2023, sebanyak **79.6% daripada tempat yang tersedia telah diisi** dengan jumlah enrolmen semasa mencecah kira-kira **147,954 pelajar** .

4. Kesemua data ini adalah merujuk dan terhad kepada program TVET di rangkaian universiti teknikal atau MTUN, Politeknik dan kolej Komuniti di bawah KPT sahaja.

5. Bagi menarik lebih ramai golongan muda belia menyertai bidang TVET,khususnya di Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT telah memulakan agenda pendigitalan dengan membangunkan apa yang dipanggil **POLI DIGITAL (2023 - 2027).**

6. Impak besar daripada agenda pendigitalan ini akan menyebabkan ekosistem dan program politeknik diberikan **nafas baharu dan dilonjakkan secara radikal**. Politeknik-politeknik di bawah KPT akan boleh berkongsi program pengajian sesama mereka.

7. Politeknik akan menjadi **pusat pengajian teknikal dan teknologi tercanggih**. Tempoh pengajian akan menjadi lebih **singkat**. Suasana pembelajaran dipacu pendekatan **kreatif lagi menyeronokkan**.

8. **Penggunaan *gadjet* atau peranti teknologi** menjadi ciri utama. Dan latihan kemahiran akan menggunakan pendekatan inovatif yang selari dengan minat dan kecenderungan **anak muda**

9. Antara usaha lain, KPT juga sedang mengaktifkan semula **Jawatankuasa KPM dan KPT** bagi merangka inisiatif pelajar menyambung pengajian ke Politeknik dan Kolej Komuniti.

10. Di bawah RMKe-12, KPT telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk sasaran pengambilan 55% lepasan SPM atau setaraf ke program TVET pada tahun 2025.

11. Selain itu, perancangan dan pendekatan baharu yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah melalui **Pelan Transformasi Politeknik dan Memperkasa Kolej Komuniti** (JKTPKK 2023-2030) yang baru sahaja diluncurkan pada 4 Disember 2023.

12. Melalui Kerangka Transformasi ini, terdapat 3 *Strategic Reform Initiatives* (SRI) telah diformulasi melalui penggubalan dasar-dasar pintar secara bersepadu, penglibatan pihak-pihak berkepentingan termasuk industri secara menyeluruh dalam ekosistem politeknik dan penyusunan semula program pengajian secara berstruktur bagi menyediakan bakat TVET yang kalis masa hadapan seperti yang diperlukan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR).

Kerjasama strategik dengan industri AI

13. KPT ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada **YB Senator Datuk Lim Pay Hen** yang **menyokong penubuhan pusat pengajian kecerdasan buatan pertama negara di UTM dan bersetuju agar ekosistem AI perlu lebih agresif.**

14. Cadangan YB Senator agar kerajaan terus **menjalin kerjasama strategik dengan industri AI** adalah bertepatan dan selari dengan inisiatif di pihak KPT serta perbahasan oleh **YB Senator Dato' Sivaraj** yang menyarankan **dipergiat** juga **penyertaan IPT khususnya IPTA dalam bidang AI** untuk membolehkan

Malaysia melahirkan lebih ramai pakar serta secara tidak langsung membantu aspek kebolehpasaran graduan.

15. Memandangkan negara ini telah mempunyai kepakaran dalam bidang Kecerdasan Buatan di beberapa universiti dan industri, UTM melalui fakulti ini akan menubuhkan Konsortium Pakar Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligence Expert Consortium)* bagi menggembeleng dan menggabungkan kepakaran dalam memenuhi keperluan kecerdasan buatan di dalam negara.

16. Di peringkat Kementerian, Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) memainkan peranan yang signifikan dalam pengembangan dan pembangunan kemahiran dan teknologi di industri khususnya melalui kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pemain industri AI dari dalam mahupun luar negara.

17. Syarikat-syarikat ternama dalam industri AI seperti Google, Huawei dan Microsoft telah menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak KPT.

18. Misalnya, kerjasama KPT - Microsoft menerusi memorandum persefahaman (MOU) meliputi penganjuran Program *Microsoft Talent in Tech Accelerator,* bagi memperkukuh kecekapan digital dalam kalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang berupaya mewujudkan budaya *digitalcentric*.

19. Program ini akan dilaksanakan pada peringkat nasional dengan pengisian pelbagai pilihan modul yang menepati kehendak industri seperti *Microsoft Azure Fundamentals, Microsoft Azure Data Fundamentals, Microsoft Azure AI Fundamentals, Microsoft Power Platform Fundamentals & Microsoft Security, Compliance and Identity Fundamentals*.

20. Melalui pelaksanaan program ini, pelajar akan menerima manfaat seperti *Microsoft Fundamental Certification* serta latihan sebagai persediaan mendapatkan pekerjaan dari segi penyediaan resume, teknik menghadiri temuduga dan pendedahan membangunkan profil peribadi di aplikasi LinkedIn.

21. Dalam perkara berkaitan, KPT juga optimis dengan ledakan teknologi AI dan pendekatan positif terus diambil bagi menggalakkan penggunaan secara betul teknologi AI di dalam proses Pengajaran oleh Tenaga Pengajar dan Pembelajaran oleh para Mahasiswa.

22. Misalnya, **Nota Panduan *(Advisory Note*) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** berkaitan penggunaan teknologi Generatif AI digunakan sebagai rujukan oleh universiti, politeknik dan kolej komuniti.

23. Malah, KPT turut memperkenal pelbagai inisiatif bagi memastikan IPT sentiasa bersedia menghadapi ledakan teknologi terkini seperti teknologi kecerdasan buatan (AI) seperti **inisiatif pelaksanaan sepuluh (10) program Flagships di sepuluh (10) Institusi berlandaskan Teknologi 4IR, penggunaan *cloud computing* dalam sistem pengurusan pembelajaran (LMS) serta latihan kepakaran pensyarah dalam teknologi 4IR**.

24. Kesemua inisiatif ini akan dikawal selia oleh suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa TVET DIGITAL** dan penambaikan kurikulum melalui pemetaan kurikulum kepada 4IR *Pillars* telah dilaksanakan.

25. Selain itu, proses pentaksiran di dalam program pengajian juga dipelbagai sesuai dengan bidang dan kemahiran TVET dalam bentuk **Pentaksiran Alternatif (*Alternative Assessments*)** dengan merujuk kepada dokumen berkaitan Pentaksiran Alternatif oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

26. Berdasarkan data KPT setakat ini, **terdapat sebanyak 10 program AI di UA pada tahun 2022** (dua di tahap pra-siswazah, lapan di tahap pasca-siswazah) yang antaranya berada di UM, UKM, UTM, UIAM, UMS, UPSI dan UTeM.

27. Selain itu, terdapat 19 UA yang juga menawarkan sebanyak **182 program Sains Komputer** (96 di tahap pra-siswazah, 86 di tahap pasca-siswazah). Bidang AI disenaraikan sebagai salah satu teras bagi program Sains Komputer dengan kod NEC 0613.

28. Malah sebanyak **280 kursus *micro-credential* berkaitan kemahiran digital** sudah pun dibangunkan dan ditawarkan oleh IPT kepada para pelajar dan masyarakat menerusi platform digital masing-masing.

29. Sebanyak **14 kursus micro-credential berkaitan AI** sudah pun dibangunkan dan disenaraikan di portal MQA Micro-Credentials. UA seperti UPM misalnya, menawarkan kursus micro-credentials seperti *Artificial Intelligence for Society in 100 Minutes, Artificial Intelligence For Educators* dan *Chatbot for Learning with Dialogflow ES*.

30. Secara tuntasnya, KPT bukan sahaja menitikberatkan kurikulum dan kandungan kursus yang terkini dan menepati teknologi 4IR, malah sentiasa memastikan pendidikan yang ditawarkan adalah menepati perkembangan semasa dan keperluan industri.

PEMBAHAS:
YB SENATOR DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
YB SENATOR DR HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF

Tuan Yang Di-Pertua

31. Seterusnya, **YB Senator Dato' Juhanis** dan **YB Senator Dr. Hajah Wan Martina** kedua-duanya menyentuh mengenai **mekanisme merakyatkan Kolej Komuniti kepada golongan rentan** terutamanya golongan ibu tunggal, OKU, orang asli dan warga emas.

32. Untuk makluman YB Senator, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ada menawarkan program **Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)** bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan komuniti setempat.

33. Program PSH di kolej komuniti ditawarkan **secara jangka pendek melibatkan 22 bidang kemahiran**. Selain itu, kolej komuniti juga menawarkan **19 program PSH yang berstruktur** iaitu PSH Bermodul menggunakan modul latihan kemahiran jangka pendek yang dibangunkan daripada program sepenuh masa Sijil Kolej Komuniti (SKK) bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan kualiti hidup.

34. Program seumpama ini pastinya berupaya meningkatkan sosio ekonomi komuniti khususnya golongan rentan seperti ibu tunggal.

35. **Sehingga Oktober 2023, sebanyak 2,769 penyertaan dalam kalangan ibu tunggal** direkodkan bagi program PSH. Dalam hal ini, dua (2) kluster tertinggi penyertaan melibatkan ibu tunggal adalah bagi program Katering & Sajian dan Perniagaan & Keusahawanan.

36. Di bawah Hala Tuju Baharu pelaksanaan PSH Kolej Komuniti, **program-program 'Membangunkan Bakat Komuniti Setempat'** melalui peningkatan kemahiran, penerapan keusahawanan dan teknologi digital akan terus dilaksanakan khusus untuk **komuniti rentan**.

37. Terdapat program yang dijalankan secara **separuh masa** dan dilaksanakan pada **hujung minggu**, untuk memberi lebih banyak fleksibiti dan kemudahan untuk golongan ini menyertainya.

38. Malah, penetapan syarat minimum kelayakan masuk ke **program sijil di Kolej Komuniti** (2 tahun) juga memudahcara dan membantu capaian ilmu yang lebih baik.

PEMBAHAS: YB SENATOR TUAN MUSSODAK BIN AHMAD

Tuan Yang Di-Pertua,

39. Kementerian menghargai keprihatinan **YB Senator Tuan Mussodak bin Ahmad** berkenaan aspek **kebajikan pelajar luar negara terutamanya melibatkan pembiayaan dan kos sara hidup**.

40. Hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara sememangnya sentiasa diberi perhatian serius oleh pihak kementerian.

41. KPT melalui 12 buah Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara iaitu di Australia, Beijing, Chicago, Dubai, Ho Chi Minh City, Indonesia, Jordan, London, Los Angeles, Mesir, New Zealand dan Washington telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan memantau para pelajar seliaan di negara seliaan dan negara liputan menerusi rekod data pelajar yang sentiasa dikemaskini dengan pihak Malawakil dan penaja.

42. Dalam hal ini, Pejabat EM Luar Negara menyelaras dan menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan program pembangunan sahsiah pelajar, sekaligus memantau kebajikan dan hal ehwal pelajar seperti masalah pengajian, masalah kesihatan, bencana alam dan sebagainya.

43. Pejabat EM Luar Negara juga sentiasa menjadi sumber rujukan utama kepada pelbagai pihak sekiranya berlaku sebarang konflik atau pergolakan di negara penempatan pelajar.

44. Justeru, Pejabat EM Luar Negara sentiasa bersiapsiaga dan bekerjasama erat dengan pihak Pejabat Kedutaan/ Konsulat/ Malawakil Malaysia dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat Malaysia, termasuk pelajar adalah terjamin.

45. Sebagai contoh pada April 2023 yang lalu, KPT bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) telah bekerjasama dalam misi menyelamat (evakuasi) 30 orang rakyat Malaysia (termasuk 11 orang pelajar) yang terjejas dengan krisis pergolakan di Sudan. Sebagai tanda prihatin terhadap kebajikan pelajar yang terjejas, KPT melalui Kumpulan Wang Amanah (KWA) Kebajikan dan Kemudahan Bagi Penuntut di Luar Negeri telah menyalurkan sumbangan (RM500 bagi seorang pelajar) kepada para pelajar Malaysia yang terkesan akibat krisis tersebut. Dalam masa yang sama, pihak institusi pengajian tinggi (IPT) turut membantu pelajar meneruskan pengajian mereka di dalam negara melalui pemindahan kredit pengajian dalam usaha memastikan kesinambungan pengajian mereka tidak terjejas.

46. Sehingga September 2023, rekod KPT menunjukkan seramai **54,056 pelajar Malaysia sedang melanjutkan pengajian di luar negara** yang merangkumi **9,096 orang pelajar di bawah pelbagai penajaan atau bantuan** seperti biasiswa, dermasiswa atau pinjaman dan sejumlah **44,960 orang pelajar pula adalah pelajar persendirian**.

47. Daripada jumlah 9,096 pelajar di bawah pelbagai tajaan tersebut, sejumlah **7,384 adalah di bawah penajaan Kerajaan** seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan KPT.

48. Manakala selebihnya (**1,712 orang**) adalah **di bawah tajaan Kerajaan atau universiti luar negara** seperti Biasiswa Kerajaan Kuwait, tajaan Yayasan atau majlis agama negeri, pusat zakat negeri dan badan-badan korporat Malaysia seperti Petronas, TNB, Telekom Berhad, Bank Negara, MARDI, PNB dan lain-lain.

49. Berhubung **Elaun Sara Hidup (ESH)**, **Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar ESH** pelajar sedia ada dan baharu di bawah Program Penajaan KPT bagi peringkat sijil hingga pascasiswazah **dalam dan luar negara** berkuat kuasa mulai tahun 2024 melibatkan pelajar sedia ada dan baharu **luar negara** di bawah **Program MyBrainScience** iaitu pelajar **peringkat Ijazah Sarjana Muda di United Kingdom (UK) dengan kenaikan 15% dan penyeragaman kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu di Amerika Syarikat**.

50. Walau bagaimanapun, **kadar ESH** yang dinikmati oleh **pelajar dalam kalangan pegawai awam dalam perkhidmatan** sama ada sedia ada dan baharu **dalam dan luar negara dikekalkan**.

51. Kenaikan ini secara keseluruhannya melibatkan **pertambahan implikasi kewangan** dianggarkan berjumlah **RM30.78 juta** bagi program dalam dan luar negara**. Seramai 24,729 pelajar tajaan KPT dijangka menerima manfaat ini.**

52. Kenaikan kadar ESH ini merupakan salah satu bukti keprihatinan Kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup yang tinggi, selain memastikan pelajar tajaan KPT dapat meneruskan pengajian dalam keadaan yang kondusif dan mampu menyempurnakan pengajian dengan jayanya tanpa perlu memikirkan bebanan kewangan yang semakin meningkat.

PEMBAHAS:
YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS

Tuan Yang Di-Pertua,

53. Izinkan saya menjawab persoalan dari **YB Senator Tuan Haji Abdul Nasir** berkenaan **penglibatan pelajar IPTA di program anjuran Kerajaan Negeri**.

54. Dalam hal ini, pihak Kementerian sama sekali tidak mengongkong perkara tersebut dan menghormati autonomi dan bidang kuasa Universiti Awam (UA).

55. Mengenai autonomi mahasiswa dan kuasa universiti, dikesempatan ini saya ingin menyatakan bahawa dakwaan dan tuduhan sesetengah pihak di luar sana yang secara tidak adil menyebarkan spekulasi kononnya pihak KPT menghalang IPT kita daripada bekerjasama dengan sesetengah Kerajaan Negeri adalah tidak benar.

56. Semua pihak perlu jelas bahawa IPT adalah sebuah **institusi bebas yang mempunyai autonomi tersendiri**. Mereka bebas menentukan dengan siapa mereka mahu berhubung dan bekerjasama. Dan ini juga pendirian serta pegangan pihak KPT.

57. Biarpun dengan peruntukan yang besar daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk semua IPTA, **Kementerian ini sebenarnya hanya bertanggungjawab memantau dan memastikan tata kelola serta perjalanan IPTA adalah selari dengan mandat dan tugasnya sebagai institusi ilmu**.

58. Ini bermaksud, **IPTA kita tidak tertakluk atau terikat dengan mana-mana pihak, termasuklah Kerajaan Negeri**.

59. Jadi, saya berharap semua pihak akan lebih memahami dan menghormati autonomi, kuasa serta budi bicara IPTA dalam membuat keputusan dan perancangan mereka sendiri.

PEMBAHAS:
YB SENATOR PROF EMERITUS DATUK SERI DR. AWANG BIN SARIYAN

Tuan Yang Di-Pertua

60. **YB Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** mengutarakan mengenai pencapaian **Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di KPT** dan **Kursi Pengajian Melayu.**

61. KPT menghargai pandangan dan saranan oleh YB Senator. KPT sememangnya sentiasa komited dan berusaha secara berterusan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT.

62. Sebagaimana dinyatakan, KPT telah memperkenalkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi 2011-2015 (Pelan Tindakan 2011-2015).

63. Dalam hal ini, Laporan Audit Bahasa Melayu di IPTA yang telah dijalankan pada tahun 2014 bagi mengkaji keberkesanan Pelan Tindakan 2011-2015 hanya dijalankan pada enam (6) buah IPTA sahaja, iaitu UM, UKM, UPM, UUM, UNIMAS dan UMT sahaja.

64. Justeru itu, **KPT berpandangan, hasil dapatan laporan audit tersebut tidak boleh menggambarkan keberkesanan terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan 2011-2015 secara keseluruhannya.**

65. Bagi menunjukkan komitmen berterusan KPT dalam memartabatkan Bahasa Melayu, Pelan Tindakan 2011-2015 tersebut kemudiannya diteruskan dengan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016 – 2020 (Pelan Tindakan 2016 – 2020) dan terkini, **Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023-2030 (PTMBM 2023-2030)**.

66. Bermula tahun ini juga, KPT telah merangka beberapa strategi penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PTMBM 2023 – 2030 ini.

67. Melalui PTMBM 2023 – 2030, selain dari 20 Universiti Awam, KPT telah mula melibatkan 7 buah Politeknik dan 8 buah Kolej Komuniti dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

68. Antara strategi lain yang dijalankan adalah:

    a. menjalankan **proses pemantauan melalui pelaporan secara tahunan** yang perlu dihantar terus kepada KPT selaras dengan inisiatif strategi yang terkandung dalam Pelan Tindakan.

    b. **menambahbaik instrumen pelaporan tahunan** seperti yang disarankan dalam Laporan Akhir Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023-2030 dengan kerjasama dari Pusat Sitasi dan Infometrik, Jabatan Pendidikan Tinggi bagi memudahkan proses pelaporan.

c. buat pertama kalinya pada tahun ini KPT **menubuhkan Unit Pemerkasaan Bahasa Melayu**, bertujuan untuk memantau pelaksanaan PTMBM 2023 – 2030 ini secara berkesan. Di samping itu, sebuah Jawatankuasa diperingkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu KPT dalam usaha memantau pelaksanaan bagi kesemua inisiatif strategi PTMBM 2023 – 2030 yang melibatkan 7 buah politeknik dan 8 buah kolej komuniti.

d. Selain itu, **Bengkel Pelaporan PTMBM 2023 - 2030 turut diadakan secara tahunan** bagi memastikan proses pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

69. KPT percaya, secara keseluruhannya, proses memartabatkan Bahasa Melayu ini **memerlukan tindakan kolektif dan bersama semua pihak** bagi mencapai matlamat dan objektif KPT dalam mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT.

70. Berhubung dengan **Kursi Akademik Luar Negara** atau secara spesifiknya **Kursi Pengajian Melayu** pula, pengaktifan semula kursi akademik tersebut memerlukan satu **Kajian Hala Tuju Baharu Pelaksanaan Kursi Akademik Luar Negara** dan ia telah dijalankan **pada tahun 2022** bagi menyemak dan menilai semula kerelevanan Kursi Akademik Luar Negara.

71. Melalui kajian tersebut, **Model Baharu Kursi Akademik Luar Negara telah diperkenalkan**, di mana KPT telah melantik dan menyerahkan Surat Pelantikan **Rakan Strategik Kursi Akademik Luar Negara** kepada **empat (4) buah universiti awam tempatan** yang dikenalpasti semasa perasmian Hari Akademia pada 5 Oktober 2023 yang lalu iaitu:

(i) **Universiti Teknologi Mara (UiTM)** bagi Kursi Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat;
(ii) **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** bagi Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Leiden University, The Netherlands;
(iii) **Universiti Malaya (UM)** bagi Kursi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand; dan
(iv) **Universiti Sains Malaysia (USM)** bagi Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University, Republik Rakyat China.

72. Sebagai makluman tambahan, pada tahun 2024 kelak, KPT akan mula melantik ahli akademik bertaraf Profesor yang berkelayakan untuk mengisi kursi tersebut.

73. Adalah diharapkan, melalui pengaktifan semula Kursi Pengajian Melayu ini dapat memberi manfaat kepada negara dengan menarik minat dalam kalangan pelajar

dan masyarakat negara luar terhadap Malaysia melalui kepelbagaian aktiviti dan program seperti pertukaran pelajar dan pengajar, lawatan rasmi daripada kedua-dua pihak, penawaran biasiswa dan *post doctoral fellows*, peluang mengadakan kolaborasi penyelidikan, dan kerjasama dalam pembiayaan.

PENUTUP.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi semua isu yang tidak sempat dijawab, saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

KPT merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan membahaskan isu berkaitan dengan sektor pendidikan tinggi negara pada sidang kali ini.